# MASALAH PERKAUMAN MELAYU-CINA DI KALANGAN PEKERJA-PEKERJA: KES PERBANDINGAN DI KILANG DAN PASARAYA

Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Kelas: ..........................
No Perolehan: ..........................
Tarikh: 14 APR 1987

Oleh:

NG CHIN TENG

No. Matrik 46256

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA (HONS.)

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1986/87

To live alone one must either be
a beast or a God.

\- Aristotle

Our wisdom comes from our experience,
and our experience comes from our foolishness.

\- Sacha Guitry

A handful of patience is worth
more than a bushel of brains.

\- Dutch proverb

There is one corner of the universe
you can be certain of improving,
and that's your own self.

\- Aldous Huxley

ACKNOWLEDGEMENT

I would particularly like to thank Dr. Mohd. Nor Nawawi, my supervisor for his invaluable guidance in the many useful discussions I had with him throughout the fieldwork and also in writing this report.

Thanks is also due to the respondents, without whose participation this research study would not have materialized.

I wish to express my deepest gratitude to my family, especially my Godma, who have given me their utmost support and understanding in whatever I do.

Finally, a word of thanks to all my close friends, for making these two years in the varsity one of the most cherishable times of my life.

Again, thank you one and all.

Anthropology & Sociology,
University Malaya,
January 1987.

Matric No. 46256

## SINOPSIS

Tidak boleh dinafikan bahawa polarisasi kaum masih wujud di Malaysia. Akibat dari masalah ini, tujuan perpaduan negara amat sukar tercapai. Tanpa kerjasama antara rakyat berbilang kaum akan menyekat pembangunan negara. Kajian ini akan melihat masalah perkauman Melayu-Cina secara amnya dengan mendapat gambaran dari corak interaksi pering mikro di tempat bekerja.

Dalam tulisan ini pengkaji telah memilih golongan pekerja sebagai sampel kajian kerana tempat kerja merupakan satu-satunya tempat masyarakat berbagai kaum dapat bertemu dan berinteraksi antara satu sama lain. Pemilihan tempat kajian telah bergantung kepada kemudahan pengkaji dapat menjalankan kaedah penyertaan-pemerhatian. Kaedah antropologikal ini telah dicadangkan oleh Encik Raymond Lee dalam tesis mastersnya mengenai interaksi dan integrasi pelajar-pelajar sekolah menengah.

Dalam bab pertama dan kedua, diberi keterangan mengenai proses penyelidikan serta konsep-konsep dan teori-teori penting berhubungan dengan topik kajian. Dalam bab ketiga pula diberi gambaran secara umum paras hubungan etnik di Malaysia. Seterusnya dalam bab keempat, dihuraikan penganalisaan data-data yang diperolehi mengenai corak interaksi antara pekerja-pekerja. Akhir sekali, pengkaji memberi kesimpulan dan rumusan berdasarkan punca dan kesan masalah perkauman di Malaysia serta memberi cadangan-cadangan yang wajar dipertimbangkan.

SENARAI JADUAL


| | | Muka surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Bilangan responden yang bersetuju dengan perlaksanaan DEB .. .. .. .. | 46 |
| 3.2 | Persepsi responden mengenai masalah perkauman di Malaysia .. .. .. .. | 52 |
| 3.3 | Margin kemenangan BN dalam peratus (1955-1986) .. | 57 |
| 3.4 | Analisa undi untuk 171 kerusi Parlimen .. .. | 59 |
| 3.5 | Anggaran penduduk (disesuaikan) mengikut kumpulan etnik pada 31 Disember 1984 dan perbezaannya antara kaum Melayu dan Cina serta bilangan kerusi negeri dimenangi oleh parti BN dan pembangkang (Parti-parti pembangkang lain tidak mendapat sebarang kerusi negeri.) .. .. .. .. .. | 60 |
| 3.6 | Bilangan kerusi Parlimen dicalon dan dimenangi .. | 62 |
| 4.1 | Jenis interaktor responden-responden kilang .. | 69 |
| 4.2 | Jenis interaktor responden-responden pasaraya .. | 71 |
| 4.3 | Taraf pelajaran responden-responden kilang .. | 72 |
| 4.4 | Taraf pelajaran responden-responden pasaraya .. | 73 |
| 4.5 | Jenis aliran pelajaran yang diterima .. .. | 74 |
| 4.6 | Pertuturan bahasa lain di rumah oleh responden kilang | 75 |
| 4.7 | Pertuturan bahasa lain di rumah oleh responden pasaraya | 76 |
| 4.8 | Kekerapan berjiran dengan kaum lain - Kilang .. | 78 |
| 4.9 | Kekerapan berjiran dengan kaum lain - Pasaraya .. | 78 |
| 4.10 | Jenis persatuan - Kilang .. .. .. | 79 |
| 4.11 | Jenis persatuan - Pasaraya .. .. .. | 79 |
| 4.12 | Kesanggupan dalam perkahwinan campur .. .. | 87 |

Muka surat


4.13 Kesanggupan makan bersama dalam restoran sama 89

4.14 Kesanggupan bekerja bersama .. .. .. 91

4.15 Kesanggupan berjiran dengan kaum lain .. .. 92

4.16 Kesanggupan menerima kaum lain sebagai kawan karib 94

4.17 Kesanggupan berkawan dengan kaum lain setakat bercakap-cakap sahaja .. .. .. .. .. 95

4.18 Kesanggupan penerimaan kaum lain sebagai ahli persatuan 97

4.19 Taraf kepercayaan terhadap kaum lain .. .. 99

4.20 Taraf kehormatan terhadap kaum lain .. .. 101

5.1 Semenanjung Malaysia: Pendapatan Purata dan Penengah, 1970-79 (ringgit seisirumah sebulan) .. 106

5.2 Malaysia; Peruntukan dalam Rancangan Pembangunan untuk Pembasmian Kemiskinan dan Penyusunan Semula, 1971-85 (juta ringgit) .. .. .. .. .. 107

5.3 Semenanjung Malaysia: Gunatenaga Mengikut Kaum Utama dan Kumpulan Pekerjaan Utama, 1957, 1970, 1976, 1980, 1983 (%) .. .. .. .. .. 108

5.4 Penduduk berumur 10 tahun dan lebih mengikut bahasa pertuturan, keturunan, jantina dan strata, Semenanjung Malaysia, 1980 .. .. .. .. .. 118

5.5 Penduduk berumur 10 tahun dan lebih mengikut taraf kenal huruf (Bahasa Tunggal), keturunan, jantina dan strata, Semenanjung Malaysia, 1980 .. .. 119

## GRAF


| | | Muka surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Peratus undi (1955-86) .. .. .. .. | 56 |
| 3.2 | Margin kemenangan BN dalam peratus (1955-86) .. | 57 |


## GAMBARAJAH


| | | |
|---|---|---|
| 5.1 | Media massa sebagai agen perpaduan .. .. | 120 |

SINGKATAN

| | |
|---|---|
| Berjaya | Sabah United People's Party |
| DAP | Democratic Action Party |
| DEB | Dasar Ekonomi Baru |
| GRM | Gerakan Rakyat Malaysia |
| Ind. | Bebas |
| MCA | Malayan Chinese Association |
| MIC | Malayan Indian Congress |
| NST | New Straits Times |
| PAS | Parti Islam Se Malaysia |
| PBB | Parti Pesaka Bumiputra Bersatu |
| PBDS | Parti Bangsa Dayak Sarawak |
| PBS | Parti Bersatu Sabah |
| PSRM | Partai Sosialis Rakyat Malaya |
| RM | Rancangan Malaysia |
| SNAP | Sarawak National Party |
| SUPP | Sarawak United People's Party |
| UMNO | United Malays National Organisation |
| USNO | United Sabah National Organisation. |

KANDUNGAN


| | | | Muka surat |
|---|---|---|---|
| ACKNOWLEDGEMENT | | .. .. .. .. .. | i |
| SINOPSIS | | .. .. .. .. .. | ii |
| SENARAI JADUAL | | .. .. .. .. .. | iii - iv |
| GRAF DAN GAMBARAJAH | | .. .. .. .. .. | v |
| SINGKATAN | | .. .. .. .. .. | vi |
| ISI KANDUNGAN | | .. .. .. .. .. | vii - viii |
| BAB 1 | PENDAHULUAN | | |
| | 1.1 Objektif Kajian | .. .. .. .. | 1 |
| | 1.2 Metodologi | .. .. .. .. | 3 |
| | 1.2.1 Penyertaan-Pemerhatian | .. .. | 3 |
| | 1.2.2 Soalselidik | .. .. .. | 6 |
| | 1.2.3 Informan | .. .. .. .. | |
| | 1.3 Masalah kajian yang dihadapi | .. .. | 8 |
| BAB 2 | KONSEP DAN TEORI DIGUNAKAN | | |
| | 2.1 Konsep | .. .. .. .. .. | 11 |
| | 2.1.1 Konsep ras dan kumpulan etnik | .. | 11 |
| | 2.1.2 Konsep Diskriminasi | .. .. | 14 |
| | 2.1.3 Konsep jarak sosial | .. .. | 15 |
| | 2.2 Teori Interaksi | .. .. .. .. | 18 |
| | 2.2.1 Teori assimilasi | .. .. .. | 18 |
| | 2.2.2 Teori etnisiti | .. .. .. | 28 |
| | 2.2.3 Teori akomedasi | .. .. .. | 32 |
| | 2.2.4 Teori prejudis | .. .. .. | 34 |
| | 2.2.5 Teori masyarakat majmuk | .. .. | 37 |

Muka surat


BAB 3 PARAS HUBUNGAN ETNIK MAKRO

3.1 Hubungan Etnik: Latarbelakangnya .. 40

3.2 Masalah Perkauman: Puncanya .. .. 41

3.3 Masalah Perkauman: Ke Arah Mana? .. 43

3.4 Gambaran Ringkas Persepsi Responden Terhadap DEB .. .. .. .. 45

3.5 DEB: Selepas 1990? .. .. .. 48

3.6 Gambaran Ringkas Persepsi Responden Terhadap Masalah Perkauman .. .. 51

3.7 Parti Politik Dan Proses Perkauman .. 54

BAB 4 PENGANALISAAN MIKRO HUBUNGAN ETNIK PEKERJA

4.1 Ukuran Interaksi .. .. .. 72

4.1.1 Latarbelakang (i) Status sosio-ekonomi 72

(ii) Pengaruh sosialisasi 74

4.1.2 Environmen pekerjaan .. .. 80

4.2 Ukuran Jarak Sosial .. .. .. 86

BAB 5 KESIMPULAN

5.1 Masalah Perkauman di Malaysia: Punca, Kesan dan Penyelesaian .. .. .. 104

5.2 Kesimpulan .. .. .. 122

BIBLIOGRAFI

SOAL-SELIDIK

# BAB 1

# PENDAHULUAN

Setelah 29 tahun merdeka, kita masih tertanya-tanya mengenai perpaduan kaum di negara ini. Hakikat ini jelas menggambarkan bahawa perpaduan kaum dalam ertikata yang sebenarnya masih belum wujud di kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia, dan nyatalah usia kemerdekaan yang begitu lama masih belum dapat membentuk satu masyarakat Malaysia yang benar-benar bersatupadu.

Adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa perpaduan tidak wujud langsung di negara ini, malah kecuali peristiwa berdarah 13hb. Mei, 1969, boleh dikatakan selama ini rakyat berbilang kaum hidup aman damai. Oleh itu apa yang sebenarnya dipersoalkan ialah sejauh mana perpaduan yang wujud atau seikhlas mana sifat harmoni dan toleransi rakyat berbilang kaum terhadap satu sama lain.

Kajian ini akan memperlihatkan pola interaksi di kalangan pekerja-pekerja dan seterusnya mengkaji punca-punca utama yang menyebabkan matlamat perpaduan yang masih belum tercapai dengan sepenuhnya.

## 1.1 <u>Objektif Kajian</u>

Tujuan utama kajian adalah untuk melihat pola interaksi antara kaum dan faktor-faktor yang mempengaruhi pola tersebut di kalangan pekerja-pekerja, yang berpelajaran sederhana tarafnya iaitu tingkatan tiga dan lima. Perbandingan dilakukan antara pekerja-pekerja di sebuah kilang dan sebuah pasaraya di mana corak pergaulan mereka berbeza dari

segi latarbelakang dan environmen pekerjaan mereka. Pekerja-pekerja jarang berinteraksi antara satu sama lain kerana suasana kilang yang bising dan kesibukan tugas, manakala pekerja-pekerja di pasaraya mempunyai peluang bercampurgaul pada waktu-waktu bekerja, di samping waktu rihat dan waktu makan.

Dalam memerhatikan pola interaksi antara kaum di kalangan pekerja-pekerja, pengkaji juga ingin melihat sama ada interaksi mereka adalah bermakna (meaningful) atau superficial sahaja. Ertinya, di kulit luar kelihatannya berbagai kaum begitu mesra tetapi di lubuk hati mereka sebenarnya masih menebal dengan "we" dan "they". Ini dapat dikenalpasti dengan penggunaan teknik jarak sosial bagi mengukur keprejudisan pekerja-pekerja.

Tujuan seterusnya adalah untuk melihat sama ada suasana dan masa yang menghadkan interaksi akan mewujudkan pola interaksi yang tinggi, dan juga pengaruh kekerapan kontak atas ukuran jarak sosial.

Tujuan keempat memperlihatkan peranan majikan dalam mempengaruhi sikap pekerja-pekerja dalam pergaulan antara kaum.

Dari kes kajian atas golongan pekerja-pekerja, pengkaji berharap dapat merumuskan sedikit sebanyak faktor-faktor yang mempengaruhi masalah perkauman masa kini. Langkah-langkah untuk penyelesaian masalah perkauman akan dikemukakan supaya mewujudkan keadaan yang harmoni dan bersatupadu yang seterusnya akan melahirkan perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia.

## 1.2 Metodologi

### 1.2.1 Penyertaan-Pemerhatian

Metodologi mencerminkan teori dan sumbangan dari metod adalah berkait rapat dengan perspektif teoritis sesuatu kajian. Sifat kajian yang berasaskan teori interaksi memerlukan metod penyertaan-pemerhatian untuk memperolehi maklumat yang tepat dan lengkap.

Melalui metod ini, pengkaji dapat memerhati dan bertanya dengan lebih terperinci interaksi harian responden-responden dan memerhati bagaimana seseorang berperilaku terhadap kumpulan etnik lain dalam situasi-situasi yang berlainan. Dengan metod begini, pengkaji akan mendapat maklumat "first-hand" yang paling jitu sekali. Ini adalah kerana interaksi merupakan indikator identiti etnik, sepertimana yang dikatakan oleh Berremen (1972) bahawa "man act in context not in abstract".

Pada asasnya, data-data di kumpul melalui pemerhatian interaksi natural, pendengaran perbualan-perbualan, perbincangan mengenai isu-isu tertentu dan pertanyaan mengenai pengalaman interaksi responden. Maka tujuan utama penyertaan-pemerhatian adalah untuk melihat bagaimana etnisiti wujud dalam proses interaksi. Melalui metod ini, pengkaji mempunyai peluang untuk memerhati corak lawatan antara etnik dan corak interaksi yang berlaku semasa lawatan tersebut. Kebetulan pula Bulan Puasa dan Hari Raya Puasa adalah semasa kajian sedang dijalankan dan ini memberi peluang untuk pengkaji mengambil bahagian dalam lawatan-lawatan tersebut.

Untuk menjalankan metod penyertaan-pemerhatian, pengkaji terpaksa mendapat kebenaran dari pihak pengurusan. Pengkaji tidak menghadapi banyak masalah dalam perkara ini kerana mempunyai saudara-mara yang bekerja di tempat kajian.[1]

Pengkaji melapurkan diri pada hari pertama sebagai salah seorang pekerja di bahagian pembungkusan yang dianggap kurang merbahaya dibanding dengan lain-lain bahagian di "shopfloor"[2]. Lagipun, pengkaji meminta bahagian tersebut kerana mempunyai peluang yang lebih untuk berbual-bual dengan pekerja lain. Pengkaji bekerja selama 3 minggu tanpa memberitahu identiti sebenar pengkaji. Begitu juga peranan di pasaraya di mana pengkaji bekerja sebagai seorang "house detective"[3] untuk jangkamasa 3 minggu juga. Pengkaji ditugaskan untuk mengawasi bahagian "departmental" sahaja di tingkat atas di mana pengkaji dapat berjalan-jalan dan berbual-bual dengan pembantu jualan.

Sejurus selepas penyelia membawa pengkaji ke bahagian bekerja, pengkaji memperkenalkan diri sebagai seorang lepasan sekolah tingkatan 6. Pengkaji ingin menjalinkan persahabatan yang mesra dengan pekerja-pekerja

---

[1]Kebanyakan firma di Malaysia tidak membenarkan orang asing/pengkaji bekerja dengan mereka. Terdapat kes-kes di mana sebilangan besar pengkaji yang telah ditolak permohonan mereka. Hanya sejumlah kecil yang berjaya, seperti Dr. Fatimah Daud untuk thesis M.A.Nya.

[2]"Shopfloor" adalah bahagian memproses barangan pengeluaran sesebuah kilang. Bahagian ini berasingan dari bahagian pentadbiran kilang tetapi tidak semestinya terpisah.

[3]Pengkaji adalah "house-detective" wanita yang pertama dalam pasaraya tersebut. Para pekerja merasa lucu apabila pengkaji memperkenalkan diri sebagai H.D., namun berpendapat bahawa ini adalah idea yang baik kerana terdapat ramai "shoplifter" wanita juga.

kerana metod penyertaan-pemerhatian hanya efektif melalui kerjasama responden. Maka pengkaji mula bercampur-gaul dengan lain-lain bahagian pekerjaan semasa waktu rihat dan waktu makan.

Mula-mula pengkaji berbual-bual secara tidak formal bertanyakan latarbelakang pekerja dan memerhatikan interaksi serta corak pekerjaan mereka sama ada membolehkan mereka mudah berinteraksi atau tidak. Kemudian pengkaji akan merekodkan tarikh, masa, nama pekerja-pekerja yang hadir dalam keadaan interaksi yang dianggap penting untuk kajian. Ini adalah supaya catitan yang lengkap dan detail ini membolehkan pengkaji mengetahui apa dan sebab-sebabnya sesuatu yang berlaku, misalnya perselisihan antara pekerja-pekerja.

Dari pemerhatian pengkaji, pekerja-pekerja hanya berbual (gossip) di kalangan kumpulan mereka sahaja dan jika pengkaji tidak menyamar diri sebagai seorang pekerja, perkara-perkara yang personal atau private tidak mungkin diperolehi. Pekerja-pekerja cenderung menjauhi dari orang luar, dari membincangkan perkara-perkara ini demi menjaga nama baiknya. Hanya masa dan perasaan persahabatan yang tulin sahaja yang akan membolehkan mereka meluangkan pendapat dan masalah mereka. Jika pengkaji memberitahu identiti sebenarnya, maka pekerja-pekerja akan menganggapnya sebagai "outcast" dan tidak mungkin memperolehi maklumat personal dari mereka.[1]

Teknik ini digunakan untuk melihat pola interaksi di kalangan pekerja-pekerja dan juga antara pekerja dengan pihak majikan. Kelebihan metod ini membolehkan kita melihat kebenaran sesuatu maklumat itu dan

---

[1] Pengkaji masih kembali melawat beberapa orang kawan di kilang tersebut semasa cuti semester.

bukan bergantung semata-mata kepada laporan verbal sahaja. Ini disebabkan kekerapan perhubungan tidak mencerminkan kemesraan, maka sesuatu mutu perhubungan sukar dikuantifykan melainkan penyertaan dan pemerhatian dijalankan juga. Maka dikatakan metod kuantitatif mesti disokong oleh metod kualitatif.

### 1.2.2 Soalselidik

Metod utama yang digunakan untuk mendapat jawapan-jawapan kepada soal-selidik adalah dengan mengedarkannya kepada pekerja-pekerja. Pengkaji memberitahu bahawa pengkaji sedang membantu seorang kawan untuk mengedarkan soalselidik tersebut dan menambah bahawa pengkaji akan dibayar mengikut bilangan soalselidik yang dikutip kembali, supaya meyakinkan mereka lagi.

Pengkaji tidak menggunakan metod "schedule"[1] kerana metod ini mengkehendaki responden-responden memberi jawapan segera "on the spot" dengan masa yang terhad untuk berfikir.[2] Dengan menggunakan soalselidik, responden-responden dapat menjawab isu-isu yang sensitif berkenaan dengan pendapat mereka atas kumpulan etnik lain dan pandangan mereka terhadap dasar kerajaan. Dengan ketiadaan pengkaji, jawapan-jawapan responden tidak dapat dipengaruhi dan mereka dapat meluangkan perasaan mereka

---

[1]Goode & Hatt: "Schedule is the name usually applied to a set of questions which are asked and filled in by an interviewer in a face-to-face situation with another person".

[2]Pengkaji telah cuba metod ini dengan beberapa responden tetapi tidak mendapat sambutan yang menggalakkan kerana keraguan dalam menjawab soalan-soalan yang sensitif.

terhadap isu-isu sensitif tersebut. Ini juga dapat mengekalkan objektiviti kajian.

Pengkaji telah mengedarkan soalselidik tersebut pada permulaan minggu ketiga bertugas, dan memberitahu bahawa soalselidik perlu dikembalikan dalam masa seminggu. Dengan masa yang lama ini, responden-responden mempunyai masa berfikir dan memberi huraian yang panjang lebar kepada soalan-soalan "open-ended". Jawapan-jawapan yang lengkap adalah sangat berguna kepada pengkaji dalam mendapat perspektif yang lebih jitu mengenai sikap dan perasaan responden.

Soalselidik yang disediakan terdiri dari 2 jenis soalan iaitu "open-ended" dan "close-ended". Soalan jenis "close-ended" berupa jawapan-jawapan alternatif diberi untuk dipilih oleh responden. Cara ini mempunyai kelebihan kerana ia mengambil masa yang cepat dan memudahkan penganalisaan. Jawapan-jawapan kepada soalan jenis open-ended tidak dihadkan. Sungguhpun maklumat dari cara ini sukar diproses tetapi ia memberi maklumat yang lengkap dan responden tidak dipaksa untuk membuat pilihan sepertimana dalam soalan-soalan close-ended.

### 1.2.3 Informan

Pengkaji juga menggunakan informan-informan yang terdiri dari mereka yang memegang jawatan yang khusus seperti penyelia, pegawai kakitangan dan kadang-kala di kalangan pekerja itu sendiri.

Tujuan menggunakan maklumat dari pihak ketiga ialah untuk mendapat maklumat tambahan mengenai perkara-perkara tertentu seperti perilaku dan sikap pekerja-pekerja, upah dan sebagainya, dan juga untuk "cross-check".

Frank dan Ruth telah mengatakan bahawa "when the information concerns directly observable phenomena such as physical properties or stable instituitions in the community and in matters requiring little evaluation or inference", maka informan adalah yang paling reliable dan efektif. (Young & Young, 1961:148).

1.3 Masalah Kajian Yang Dihadapi

Setelah mengkaji metod-metod yang telah digunakan oleh lain-lain pengkaji atas tajuk ini, pengkaji berpendapat bahawa metod soalselidik bersama-sama metod penyertaan-pemerhatian adalah yang paling berkesan sekali dalam mendapat maklumat tepat dan lengkap. Akan tetapi setiap metod mempunyai kelebihan dan kelemahannya.

Dengan menggunakan metod soalselidik yang diedarkan, masalah utama yang dihadapi oleh pengkaji adalah kesukaran dalam mendapat kembali soalselidik-soalselidik tersebut. Kebanyakan responden terpaksa diingatkan untuk kembalikan soalselidiknya, selepas 3 atau 4 hari. Pengkaji terpaksa tekun mengingatkan mereka kerana mungkin mereka lupa menjawab ataupun terlalu letih selepas 8-9 jam bekerja.

Terdapat segolongan kecil dari mereka yang enggan menjawab kerana merasa syak wasangka akan tujuan sebenar kajian yang dijalankan itu. Pengkaji terpaksa menjelaskan kepada mereka bahawa kajian tersebut adalah untuk tujuan akademik sahaja dan nama bersama pendapat mereka tidak akan didedahkan. Ada pula yang sangka pengkaji cuba mendapat "inside-information" untuk pihak kerajaan atau majikan. Setengah pula enggan menjawab apabila diberitahu tiada hadiah akan diberi kepada mereka.

Majoriti dari responden memberi jawapan yang memuaskan tetapi setengah pula menjawab dengan ringkas atau no komen. Jika metod schedule digunakan, responden akan merasa kurang selesa untuk menjawab soalan-soalan sensitif tetapi dengan metod yang digunakan oleh pengkaji, responden mempunyai masa untuk memikir dan mempertimbangkan perkara-perkara tersebut serta juga dapat menutup identitinya.

Segolongan pekerja-pekerja kilang yang bersekolah aliran Cina terpaksa ditemuduga menggunakan soalselidik kerana tidak berapa faham Bahasa Malaysia. Pengkaji telah cuba sedaya-upaya dalam menerangkan soalan-soalan dalam dialect Hokkien dan Kantonis. Metod schedule ini mengambil masa lebih kurang setengah jam untuk setiap responden. Mujurlah hanya 5 orang responden sahaja yang terpaksa ditemuduga, memandangkan kesibukan dalam proses pengeluaran kilang tersebut.

Satu lagi masalah yang dihadapi adalah kejahilan responden-responden mengenai isu-isu politik seperti DEB. Mereka sedar perlaksanaan dasar kerajaan tersebut tetapi tidak faham secara mendalam tujuan utama dasar dilaksanakan. Perkara ini mungkin disebabkan oleh taraf pelajaran yang rendah dan juga kekurangan minat dalam hal-hal semasa.

Masalah utama yang dihadapi dalam menjalankan metod penyertaan-pemerhatian adalah peranan pengkaji sebagai salah seorang dari pekerja-cum-pengkaji. Pengkaji terpaksa menjalankan tugas seperti biasa supaya tidak menunjukkan apa-apa "favouritism" dari pihak majikan. Maka pengkaji hanya mempunyai peluang untuk berbual-bual dengan pekerja lain semasa waktu rihat dan waktu makan. Juga oleh kerana keadaan kilang sangat bising dan semasa ramai pembeli di pasaraya, pengkaji terpaksa tentukan

tiada pencurian berlaku.

Sungguhpun pengkaji menghadapi berbagai-bagai masalah, namun ia dapat diatasi dengan ketabahan hati pengkaji dalam mendapat data yang mencukupi dan relevan untuk menyampaikan satu kajian yang lengkap.

# BAB 2

## 2.1 Konsep

### 2.1.1 Konsep Ras Dan Kumpulan Etnik

Banyak definasi mengenai ras telah dikemukakan semenjak tahun 1740 dengan sarjana-sarjana mengguna kriteria yang berbeza-beza di antara mereka. Linnaeus telah membahagikan manusia berdasarkan mental trets, iaitu Homo Europeanus, Homo Americanus, Homo Asiaticus dan Homo Africanus. J.F. Blaumenbach pula telah memberi penekanan kepada ciri-ciri fizikal manusia seperti warna kulit, textur dan warna rambut, warna kulit, bentuk badan dan kepala. Maka manusia di dunia ini dikategorikan kepada Caucasoid, Mongoloid, Negroid dan Austroloid.

Ras adalah kelompok manusia yang mempunyai suatu set ciri-ciri fizikal yang diwarisi dari generasi awalnya, tetapi ini tidak bermakna semua ahli-ahli mempunyai ciri-ciri secara kolektiviti yang boleh diidentifikasikan sebagai satu ras. Ini adalah kerana pengaruh environmen yang boleh mengubah corak kehidupan dan situasi dan ciri-ciri fizikal walaupun ini tidak berlaku secara total.

Lind (dalam Kinloch, 1974: 51) mendekati konsep ras dari segi kesedaran setengah-setengah kumpulan manusia atas perbedaan fizikal akibat dari pergerakan keadaan hidup:

> "Races come into being and races cest to exist, not because a new breed is born out, an old stock dies out but because of the shifting condition of life. Such group really conscious of being significantly different from others and have forced a comparable conviction on those who do not belong".

Pendekatan beliau penting kerana definasi ras sentiasa berubah dan bergantung kepada perkembangan sejarah, politik, ekonomi dan demografi masyarakat. Jadi, definasi ras dari pandangan sosial tidak statik tetapi berubah mengikut konteks kemajuan masyarakat.

Beberapa sarjana lain seperti Bauton menganggap ras sebagai "role sign" kerana beliau berpendapat setiap kumpulan ras mempunyai ciri-ciri fizikal berlainan yang mempunyai tugas masing-masing dalam suatu "social order". Montagu pula mendefinasikan ras:

> "A human grouping culturally defined by a particular society as possessing certain physical and cultural traits distinguishing it from other groupings." (Montagu; 1964: 5)

Ideologi mengenai ras adalah dinamik kerana definasi-definasi selalu berubah mengikut sejarah perkembangan masyarakat. Trend pengklasifikasian ras dari konteks biologi kepada sosiologi memperlihatkan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat akibat dari sikap prejudis, dan penggunaan konsep ras sebagai satu label sosial oleh golongan berkuasa elite. Pendekatan yang akan digunakan dalam kajian tajuk hubungan ras ini adalah dari konteks sosiologi.

Dari definasi-definasi yang ringkas di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa definasi ras bukan berkriteriakan perbedaan fizikal semata-mata tetapi suatu label sosial yang definasinya telah mengalami evolusi dalam perkembangan tertentu sejarah masyarakat.

Seringkali terdapat kekeliruan mengenai penggunaan konsep ras dan konsep etnik. Kriteria yang digunakan untuk mendefinasikan kedua-dua konsep ini adalah berbeda.

Dalam menerangkan konsep ras dirujuk kepada perbedaan ciri-ciri fizikal sesebuah kumpulan masyarakat dengan kumpulan masyarakat yang lain. Tetapi sesebuah kumpulan etnik pula mempunyai homogenity dalam kebudayaan di mana ahli-ahlinya mempunyai persamaan dalam agama, pakaian, "folkways dan mores", seni, nilai, kod moral dan corak rekreasi. Pendekata, mereka mempunyai perasaan kekitaan (we-feelings) dan etnosentrism.

Sesebuah kumpulan ras boleh mengandungi beberapa kumpulan etnik dalamnya, tetapi bukan sebaliknya. Contohnya, di Malaysia, kumpulan etnik Melayu dan Cina sebenarnya tergolong dalam ras Mongoloid.

Kumpulan etnik adalah kumpulan manusia yang diikatkan bersama oleh bentuk kebudayaan yang dirasakan homogeneus, yang lebih berasaskan kepada komuniti dan merupakan kumpulan yang mengekalkan identiti keturunan mereka. Terdapat kepatuhan dan ketaatan yang kukuh, terutamanya kepada institusi asas seperti pola kekeluargaan, agama dan bangsa, dan seterusnya mewujudkan perasaan kesedaran bersama (we-feelings).

Satu definasi umum kumpulan etnik telah diberi oleh Cohen, iaitu:

> "A collectivity of people who share some pattern of normative behaviour and form a part of a larger population, interacting with people from other collectivity within the framework of social system."
>
> (Cohen, 1974: 20)

Beliau terus menerangkan bahawa istilah etnik merujuk kepada "degree of conformity" oleh ahli-ahli kumpulan masyarakat tersebut ke atas "shared norms" yang diwujudkan dalam interaksi sosial. Jika seseorang individu "conform" kepada sesebuah kumpulan masyarakat dan

kumpulan-kumpulan minoriti ini telah diexploitasi dari segi politik, sosial dan ekonomi.

> "Discrimination may be define as applied prejudis in which negatif social defination are translated into action and political policy, through the subordination of minorities and deprivation of their political, social and economic rights."
>
> (Van den Berghe, 1967: 54)

Pada hakikatnya prejudis dan diskriminasi berkait rapat di mana prejudis adalah perasaan subjektif seseorang manakala diskriminasi pula merupakan kelakuan yang nyata. Namun begitu, mereka tidaklah "perfectly correlated" kerana ada individu yang mempunyai sikap prejudis tetapi tidak mendiskriminasikan orang lain dan sebaliknya terdapat individu yang melakukan diskriminasi atas alasan selain dari sikap prejudisnya. Maka, tidak dapat membedakan yang mana sebab dan akibatnya.

Diskriminasi sering membawa kepada konflik kerana kumpulan pendatang atau mereka yang didiskriminasi merasa bahawa mereka berhak menerima peluang-peluang yang diperolehi oleh penduduk tempatan. Fenomena diskriminasi berdasarkan ras dan etnik merupakan satu masalah rumit yang dihadapi oleh kebanyakan masyarakat majmuk di dunia ini, seperti golongan minoriti Negro di Amerika Syarikat dan di England.

### 2.1.3 Jarak Sosial

Emary G. Bogardus, seorang pengkaji yang ulung sekali menggunakan teknik jarak sosial dalam kajian hubungan sosial telah mendefinasikan jarak sosial sebagai:

menerima norma-normanya, maka ia akan dianggap sebagai ahli kumpulan etnik tersebut.

Pembahagian kepada kumpulan etnik dari konsep luas ras adalah disebabkan heterogenity atau pluralism sesebuah masyarakat. Ini akan menimbulkan masalah ras yang lebih kompleks dan yang berasaskan konflik antara mereka. Selain dari itu timbul juga konsep sub-etnik di kalangan masyarakat berbilang ras/kaum seperti orang berketurunan India dan Cina.

Sungguhpun kumpulan etnik dilihat sebagai dinamik, dengan perubahan-perubahan pada kebudayaan dan istitusi asas, namun sentimen taat-setia kepada kumpulan etniknya dan rasa dipunyai (belongingness) masih terpendam pada hati mereka selagi sesuatu kumpulan etnik itu masih wujud.

2.1.2 <u>Diskriminasi</u>

Dalam kehidupan seharian, manusia memang tidak dapat mengelakkan diri dari mendiskriminasikan seseorang ataupun sekumpulan masyarakat lain. Diskriminasi biasanya dilakukan atas kumpulan minoriti seperti golongan wanita, orang tua, dan terutamanya kumpulan ras tertentu misalnya orang Negro dan Yahudi.

Sepertimana yang didefinasikan oleh Banton, diskriminasi adalah;

> "The differential treatment of persons ascribed to particular social categories, and it can be generalized to form a measure of social distance. Discrimination may be exercised either against a category or in its favour."
>
> (Bauton, 1967: 8)

Van den Berghe menganggap diskriminasi adalah suatu tindakan yang menunjukkan sikap negatif prejudis dan melalui polisi kerajaan,

> ".....sympathetic understanding that exists between persons, between groups and between a person and each of his groups. It may take the form of either farness or nearness. Where there is little sympathetic understanding, social farness exists. Where sympathetic understanding is great, nearness obtains."
>
> (Cited in Omorayi, 1977: 26)

Park pula mengatakan bahawa:

> "The concept of 'distance' as applied to human, as distinguished from spacial relations, has come into use among sociologists in an attempt to reduce to something like measurable terms the grades and degrees of understanding and intimacy which characterize personal and social relations generally.
>
> (Park, 1964: 256)

Dalam mengkaji hubungan sosial dalam sesebuah masyarakat, adalah tidak memadai jika hanya memerhatikan pola interaksi antara ahli-ahli masyarakat tersebut, tetapi mesti mempertimbangkan darjah perasaan yang berlainan ("varying degrees of affect") terhadap ahli atau kumpulan lain. Teknik jarak sosial digunakan untuk tujuan ini dengan melihat toleransi dalam kehidupan sosial secara umumnya dan jalinan-jalinan perhubungan dan bukan hanya kepada keadaan-keadaan tertentu dan ciri-ciri yang menunjukkan konflik kumpulan saja.

Menurut Park lagi, dalam perhubungan personal, manusia sedar "degree of intimacy" antara mereka dan seterusnya "degree of this intimacy measures the influence which each has over the other" (Park, 1964: 256). Semakin rapat ("intimate") perhubungan antara ahli-ahli dari 2 kumpulan etnik berlainan, maka semakin tinggi pengaruh satu sama lain dalam kehidupan seharian.

Pada pendapat Park, jarak sosial adalah akibat dari "race consciousness" yang difahami sebagai "a state of mind in which we become,

often suddenly and unexpectedly conscious of the distances that separate, or seem to separate us from races whom we do not fully understand" (Park, 1964: 257).

Kesedaran ras ini sentiasa menjejaskan perhubungan personal manusia. Apabila seseorang mengadakan 'jarak' dengan ahli-ahli dari kumpulan ras/etnik lain iaitu "racial reserves", maka secara langsung akan membawa kesulitan dan masalah kepada hubungan manusia sehingga ditunjukkan dalam kesemua hubungan formal sosial dan hubungan politik.

Sesuatu prejudis timbul apabila status sosial kita diancam. Prejudis ras dapat diukur dengan skel jarak sosial apabila "personal and racial reserves are, or seem to be, invaded". Pada keseluruhannya prejudis bukanlah satu kuasa yang aggresif tetapi konservatif di mana "a sort of spartaneous conservation which tends to pressure the social order and the social distances upon which that order rests" (Park, 1964: 260).

Jarak sosial adalah satu mekanisma yang berguna dalam menilai proses perkembangan perasaan antara mereka yang berhubungan. Teknik jarak sosial ini dapat mengkombinasikan penggunaan variabel-variabel psikologikal dan non-psikologikal. Kedua-dua elemen ini wujud semasa seseorang membuat pilihan dalam situasi intergroup yang dikonseptualisasikan sebagai satu kontinum. Misalnya, seorang boleh menerima atau menolak ahli dari kumpulan etnik lain berdasarkan sikap (faktor psikologikal) ataupun imej (faktor non-psikologikal) seseorang yang tidak dikenali.

Melalui teknik jarak sosial, seseorang pengkaji dapat menilai sejauh mana diskriminasi seseorang individu. Pengukuran prejudis melalui

jarak sosial adalah berdasarkan ciri-ciri kehidupan sosial manusia iaitu dari segi interaksi harian seperti di sekolah, tempat bekerja, persatuan dan sebagai jiran, suami/isteri ataupun sahabat-handai. Dengan merujuk kepada jawapan dari skel jarak sosial tersebut, dapat ditentukan sama ada seseorang itu benar-benar jujur ataupun interaksinya yang "superficial" sahaja kerana masih mempunyai perasaan kebencian atau prejudis yang meluap-luap.

## 2.2 Teori Interaksi

### 2.2.1 Teori Proses Assimilasi

Proses assimilasi wujud apabila berlaku interaksi antara kumpulan-kumpulan etnik di mana sesebuah kumpulan etnik itu akan cuba menyesuaikan diri mereka ke dalam kumpulan etnik yang satu lagi. Proses ini akan berlaku dari masa permulaan interaksi dan semasa berlakunya "cultural exchange" sehinggalah terdapatnya perpaduan sepenuhnya antara kumpulan-kumpulan etnik tersebut.

Definasi yang terawal dan paling terpengaruh adalah oleh Park dan Burgess, di mana proses assimilasi dikatakan sebagai:

> "A process of interpenetration and fusion in which persons and groups acquire the memories, sentiments and attitudes of other persons/groups and by sharing their experience and history, are incorporated with them in a common cultural life."
>
> (Park and Burgess, 1921: 735)

Seterusnya mereka mengatakan bahawa perhubungan sosial memulakan interaksi, dan assimilasi merupakan "it's final product". Proses assimilasi akan berlaku dengan lebih cepat jika terdapat perhubungan

rapat dan mesra di antara kumpulan-kumpulan etnik yang terlibat.

Seorang lagi ahli sosiologi bernama Joseph Fichter mendefinasikan assimulasi sebagai:

> "A social process through which two or more persons or groups accept and perform one another's pattern of behaviour. We commonly talk about a person, or a minority category, being assimilated into a group or a society, but here again this must not be intepreted as a "one sided process. It is a relation of interaction in which both parties behave reciprocally even though one may be much more affected than the other."
>
> (dalam Gordon, 1964: 65)

Penekanan yang diberi oleh Fichter adalah pada proses timbal-balik yang berlaku di antara kumpulan-kumpulan etnik dan bukan hanya kepada penyesuaian oleh kumpulan minima, terutamanya, ke dalam masyarakat yang lebih besar.

Simpson telah memberi definasi assimulasi dalam konteks yang lebih umum, yakni:

> "Assimilation is a process in which persons of diverse ethnic and racial backgrounds come to interact, free of these constraints, in the life of the larger community. Wherever representatives of different racial and cultural groups live together, some individual of subordinate status (whether or not they constitute a numerical minority) become assimilated."
>
> (<u>International Encyclopedia of the Social Science</u>, Vol. 1; 1972: 438)

Di dalam mana-mana masyarakatpun tidak mungkin berlaku assimilasi sepenuhnya. Ini adalah kerana mengikut teori proses assimilasi, segala struktur sosial yang berasingan berasaskan konsep racial atau etnik akan dihapuskan jika sesebuah masyarakat itu mencapai assimilasi sepenuhnya.

Kumpulan-kumpulan sosio-budaya yang pada asalnya berlainan akan bersatu dan ini seterusnya akan mengurangkan pembatasan (boundary) antara kumpulan-kumpulan etnik tersebut.

Sepertimana yang ditekankan oleh Gordon, dalam perbincangannya mengenai negara "fictatious", di mana keadaan "ultimate form of assimilation" ini hanyalah sebagai "ideal type" sahaja. (Gordon, 1964: 69).

Salah satu peranan teori sosiologi adalah mengidentifikasikan faktor-faktor yang wujud dalam sesuatu proses atau keadaan sosial. Dalam menentukan variabel-variabel yang akan mewujudkan proses assimilasi yang sepenuhnya, Gordon dan Yinger telah memberi pendapat mereka masing-masing.

Mereka berpendapat bahawa proses assimilasi sebenarnya mempunyai subproses-subproses yang berlaku berasaskan kepada aspek-aspek yang berlainan dalam kehidupan masyarakat.

Yinger lebih menumpukan perhatian kepada pengurangan pembatasan antara ahli-ahli dari dua atau lebih masyarakat atau kumpulan budaya yang lebih kecil, dan tidak semestinya assimilasi sempurna. Beliau mengemukakan 4 subproses yang harus wujud:

| Subproses | Aspek kehidupan yang berubah |
|---|---|
| 1. Akulturasi | Budaya |
| 2. Integrasi | Struktur sosial |
| 3. Amalgamation | Biologikal |
| 4. Identifikasi | Psikologikal |

Gordon pula memberi tambahan 3 subproses dalam membincangkan keadaan assimilasi yang sempurna di mana harus diubah sikap dan kelakuan seseorang untuk menghapuskan sikap prejudis, diskriminasi serta konflik nilai dan kuasa di kalangan ahli-ahli kumpulan etnik yang berlainan.

Perbincangan seterusnya akan tertumpu pada 4 subproses saranan Yinger kerana proses perubahan sikap dan kelakuan oleh Gordon akan dibincangkan dalam teori prejudis.

Akulturasi

Akulturasi merupakan proses yang dihasilkan dari perhubungan atau kontak antara 2 atau lebih kumpulan etnik di mana ahli-ahli kumpulan akan mengubah budaya mereka menyerupai kumpulan etnik yang lain. Setiap yang berinteraksi akan terlibat dalam proses ini. Maka, bukan sahaja kumpulan minima yang meresapi ciri-ciri budaya kumpulan majoriti tetapi proses sebaliknya juga berlaku.

Contohnya, masyarakat Malaysia mengalami proses akulturasi, dengan kaum Melayu, Cina dan India berpakaian baju tradisional satu sama lain dan juga mempelajari dan bertutur dalam bahasa kaum lain. Terdapat banyak lagi unsur-unsur budaya yang telah diresapi oleh ketiga-tiga kaum utama ini.

Sejauh mana cepatnya dan mudahnya unsur-unsur budaya yang berlainan itu dapat dipindahkan kepada ahli-ahli kumpulan etnik lain adalah berubah-ubah. Dikatakan budaya material seperti pakaian, makanan dan sebagainya adalah "readily shared" manakala nilai-nilai asas seperti agama, pantang-larang, kepercayaan, bahasa dan sebagainya diresapi secara perlahan-lahan.

Dalam masyarakat plural, ahli-ahli kumpulan etnik tertentu akan meresapi nilai kepercayaan dan kelakuan kumpulan lain, mungkin kerana untuk mengelakkan dari dikatakan devian, ataupun kemungkinan disebabkan oleh proses sosialisasi sejak dari kecil lagi kerana merupakan sistem normatif baru yang diterima oleh kumpulannya sendiri.

Proses akulturasi boleh berlaku dalam 2 cara iaitu melalui penambahan (additive) atau penggantian (substitution). Akulturasi secara penggantian berlaku jika elemen-elemen budaya kumpulan sendiri dihilangkan lalu menyerap elemen budaya kumpulan lain. Tetapi ada pula kumpulan etnik yang masih mengekalkan nilai, nama dan style mereka, dan pada masa yang sama menyerap yang baru dari kumpulan yang lain. Ini biasanya berlaku pada masyarakat di mana kumpulan-kumpulan yang berlainan bergantung antara satu sama lain dan berhubung rapat untuk kehidupan seharian mereka.

Satu contoh yang baik ialah masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, di mana dari aspek makanan, muzik, bahasa dan pakaian kaum-kaum yang berlainan saling-mempengaruhi antara satu-sama lain. Jelas sekali bahawa proses akulturasi secara penambahan akan membantu penerusan tradisi-tradisi kumpulan etnik tertentu.

<u>Integrasi</u>

Pada pendapat Yinger (1981: 254), integrasi merujuk kepada proses assimilasi dari segi struktur sosial di mana ahli-ahli dari 2 atau lebih kumpulan etnik yang berlainan akan berinteraksi.

Mereka akan terlibat dalam hubungan impersonal dalam bidang politik dan ekonomi dan juga hubungan personal seperti berjiran, sahabat-

handai dan perkahwinan. Dalam proses interaksi antara satu sama lain, sikap prejudis dan kelakuan yang mendiskriminasi di kalangan mereka akan dihapuskan, jika terdapatnya integrasi sepenuhnya.

Sepertimana yang ditegaskan oleh Clark;

> "Integration, as a subjective and individual process, involves attitudinal changes and the removal of fears, hatreds, suspicious, stereotypes, and superstitious. Integration involves problems of personal choice, personal realliness, and personal stability. Its achievement necessarily requires a longer period of time. It requires education and deals piognantly with the problems of changing men's hearts and minds."
>
> (Gordon, 1964: 264)

Maka boleh dikatakan dari struktur sosial, integrasi akan menghapuskan rintangan yang wujud dalam hubungan primary antara kumpulan dan dalam kehidupan masyarakat yang berbilang kaum seperti Malaysia. Integrasi melibatkan pergaulan antara manusia dari berbagai etnik, agama serta latarbelakang yang berbeza dari segi "social clique", keluarga, organisasi dan kawan rapat.

Apabila berlaku integrasi dalam sesebuah masyarakat plural, kumpulan-kumpulan etnik akan diberi hak dan "public privilages" yang sama serta peluang ekonomi dan politik yang setaraf. Mereka akan mempunyai tanggungjawab yang sama sebagai warganegara dan ahli kepada masyarakat keseluruhannya. Pada masa yang sama, diterima sebagai "legitimate sub-division" masyarakat yang mempunyai kebudayaan dan identiti yang hampir sama.

Proses integrasi dikatakan proses assimilasi yang pertama berlaku dalam sesebuah negara bermasyarakat plural, apabila seseorang

pekerja mula bekerja di kawasan lain. Ini diikuti oleh akulturasi kepada konsep kerja barunya, identitinya sebagai seorang pekerja syarikat tersebut dan kemungkinan amalgamasi berlaku apabila ia berkahwin dengan seseorang yang berlainan kaum di kawasan barunya itu. Contoh yang baik sekali adalah pendatang imigran kaum Cina dan India yang menetap di Melaka semasa penjajahan British di Malaya. Mereka telah banyak menyerap unsur-unsur budaya dan cara hidup kaum Melayu.

Sejauh mana integrasi ini berlanjutan bergantung kepada kesanggupan kumpulan dominan yang menetap disesuatu kawasan itu memberi peluang kepada mereka yang baru masuk. Dengan lain perkataan, proses integrasi akan menyebabkan kumpulan-kumpulan etnik berlainan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti untuk mencapai tujuan kumpulan dominan dalam sesebuah masyarakat. Ini adalah kerana kumpulan dominan mengidentifikasikan kepentingan dan nilai mereka sebagai masyarakat keseluruhannya dan menganggap diri mereka sendiri bertanggungjawab dalam menjaga kestabilan dan integrasi dalam negara.

Akan tetapi, integrasi sempurna tidak mungkin tercapai. Parson menegaskan bahawa "No social system can be completely integrated; there will, for many reasons, always be some discrepancies between role expectations and performances of roles." (Cited in Schmerhon, 1966-67: 237).

Identifikasi

Proses identifikasi merupakan proses assimilasi dari segi psikologikal di mana individu dari kumpulan-kumpulan etnik berlainan menganggap diri mereka sebagai masyarakat yang sama. Sepertimana proses assimilasi yang lain, identifikasi berlaku akibat dari pergaulan ahli-ahli masyarakat dari berbilang kaum dan budaya.

Apabila dikatakan pengidentifikasian diri, sesebuah kumpulan etnik boleh mengidentifikasikan diri mereka sebagai masyarakat baru hasil dari interaksi dengan kumpulan berbagai-bagai ataupun perubahan identiti sendiri kepada kumpulan masyarakat lain.

Selain dari pengidentifikasian diri, terdapat juga identifikasi oleh kumpulan lain di mana "mereka" dianggap sebagai "sebahagian daripada kita".

Akan tetapi terdapat halangan dari kumpulan yang dominan atau yang ingin diassimilasikan itu. Mungkin mereka bersikap prejudis terhadap kumpulan lain atau minoriti. Solidariti dalam sesebuah kumpulan juga menghalang pengidentifikasian mereka kepada masyarakat besar. Misalnya, ethnosentrism.

Di Malaysia, proses identifikasian kurang berlaku sungguhpun masyarakat Malaysia terdiri dari berbilang kaum. Ini disebabkan pegangan ethnosentrism yang kuat di kalangan kumpulan-kumpulan etnik yang berlainan.

Walau bagaimanapun, hanya terdapat satu contoh yang paling ketara sekali iaitu pengidentifikasian orang-orang Baba sendiri sebagai orang Melayu dalam sesuatu keadaan tertentu dan sebagai orang Cina

dalam keadaan lain sementara setengah orang lain mengidentifikasikan mereka sebagai orang Melayu dan setengah pula orang Cina.

Amalgamasi

Seseorang dapat mengassimilasikan dirinya ke dalam kumpulan etnik lain melalui amalgamasi atau perkahwinan campur. Proses assimilasi dari segi biologikal ini sering didapati di Malaysia sekarang yang mungkin dilarang oleh generasi yang lebih tua dahulu. Ini disebabkan masyarakat kini telah lebih berintegrasi ke dalam kumpulan etnik lain. Pendekata, taraf assimilasi telah meningkat akibat dari interaksi yang lebih rapat dan pandangan mereka yang lebih liberal masa kini.

Akan tetapi, pengaruh dari perkahwinan campur ini sangat bergantung kepada pilihan individu sama ada sanggup mengidentifikasikan diri mereka sebagai ahli kumpulan etnik yang dikahwininya atau tidak. Akan wujud proses-proses assimilasi seperti akulturasi, integrasi dan identifikasi, sebelum dan selepas berlakunya sesuatu perkahwinan campur.

Misalnya, seseorang yang ingin berkahwin dengan seorang Melayu mestilah sanggup memeluk agama Islam dan cara hidup orang Melayu. Selepas itu, ia akan diidentifikasikan dirinya dan oleh orang lain sebagai orang Melayu dan hidup mengamalkan budaya orang-orang Melayu seperti makan makanan yang tanggung halal, berpakaian Melayu dan sebagainya.

Proses amalgamasi di Malaysia tidaklah sehebat yang terdapat di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Afrika Selatan, Brazil, India, Eropah Selatan dan lain-lain. Contohnya, di negara Amerika

Syarikat, orang-orang putih telah menerima banyak yang berketurunan campur dengan bangsa Negro dan Native Amerika (Mexico) dan menganggap mereka sebagai orang Amerika.

Kesimpulannya, assimilasi adalah variabel yang bergantung kepada 4 sub-proses iaitu akulturasi, integrasi, identifikasi dan amalgamation. Perubahan pada mana-mana satu subproses tersebut akan mengubah subproses yang lain dan halangan pada subproses tertentu akan melambatkan berlakunya subproses yang lain. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat tidak mempunyai satu aturan yang tertentu tetapi bergantung kepada jenis interaksi antara kumpulan etnik yang berlainan. Setiap proses juga dapat disongsangkan.

Sungguhpun ahli-ahli masyarakat plural masa kini kebanyakannya mempunyai kecenderungan yang kuat untuk mengassimilasi tetapi masih terdapat keadaan yang tidak membolehkan assimilasi berlaku secara sebahagian atau sepenuhnya. Misalnya, unsur-unsur budaya seperti kewujudan semula adat-istiadat yang telah lenyap, perbezaan bahasa antara kumpulan etnik dan ada pula yang mengubah identiti mereka kepada kumpulan etnik mereka masing-masing.

Secara ringkas, tendensi sesebuah masyarakat itu mewujudkan proses assimilasi adalah bergantung kepada faktor-faktor seperti:

1. Saiz kumpulan etnik yang terlibat.
2. Sifat kontak pertama antara kumpulan-kumpulan.
3. Kebaharuan perhubungan.
4. Tumpuan atau perselerakan geografikal kumpulan.

5. Darjah persamaan atau perbedaan budaya terutamanya dalam agama.
6. Darjah persamaan atau perbedaan dari segi ras.
7. Darjah pembukaan dan perkembangan ekonomi.
8. Status perundangan dan politik.
9. Darjah prejudis dan diskriminasi.
10. Keadaan dan sifat kontak dengan tanahair asal.

Akibat dari proses assimilasi, keahlian seseorang individu dalam sesebuah kumpulan etnik akan hilang kepentingannya dan ini akan menyokong kesamaan, mengurangkan diskriminasi, meningkatkan kebebasan individu dan membantu membentuk suatu masyarakat yang lebih flexibel. Perubahan-perubahan yang berlaku melibatkan kesamaan dalam peluang pelajaran dan ekonomi serta peningkatan dalam penyertaan dalam bidang politik oleh ahli-ahli kumpulan etnik. Selain daripada itu, berlaku desegregasi dalam sekolah dan tempat perkhidmatan awam, akan melahirkan masyarakat yang bersatu-padu dan harmoni.

2.2.2 Teori Etnisiti

Sungguhpun proses interaksi antara kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza mewujudkan assimilasi tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa etnisiti mungkin timbul. Paradox ini memang benar bagi kesemua masyarakat yang mempunyai kumpulan etnik yang berbeza-beza seperti kumpulan Indian di Amerika Syarikat yang mengassimilasi dan pada masa yang sama mengekalkan identiti etnik mereka.

Van den Berghe mendefinasikan etnisiti dari segi identiti dan kesedaran kumpulan-kumpulan etnik iaitu;

> "Ethnicity is a member's identity and consciousness of his/her group differences."
>
> (Van den Berghe, 1967: 22)

Kesedaran mungkin berlaku pada peringkat individu ataupun/dan kumpulan bergantung kepada keadaan tertentu kerana kesedaran pada kedua-dua peringkat ini adalah penting dalam menyatupadukan ahli-ahlinya.

Dalam mengkaji pendefinasian etnisiti dalam artikelnya, "The Resurgence of Ethnicity: Myth or Reality" Burgess (1979: 270) telah mendefinasikan etnisiti sebagai:

> "Ethnicity is the character, quality or condition of ethnic group membership, based on an identity with and/or a consciousness of group belonging that is differentiated from others by symbolic 'makers' (including cultural, biological or territorial) and is rooted in bonds of a shared part and perceived ethnic interest."

Wirth berpendapat bahawa etnisiti adalah satu perbedaan di antara kumpulan berdasarkan "inequality" di mana setengah individu adalah dominan dan yang lain dianggap minoriti; yang saling bersaing untuk mendapat punca-punca ekonomi yang terhad seperti peluang pekerjaan, pelajaran, perkhidmatan awam dan lain-lain. Tegasnya lagi, ketidaksamaan inilah yang menyebabkan perbedaan-perbedaan antara kumpulan etnik menjadi begitu ketara, yang akhirnya berlaku konflik. Konflik antara kumpulan etnik ini pula mungkin menghasilkan pertentangan dalam hubungan kuasa politik. (Cited from Cohen, 1978: 402).

Ketidaksamaan individu wujud kerana perbedaan kejayaan dalam pencapaian norma sosial yang dominan. Ini adalah kerana kumpulan-kumpulan etnik mempunyai norma-norma sosialnya yang tersendiri dan seterusnya menghasilkan perbedaan dalam status oleh kumpulan-kumpulan etnik ini.

Kesamaan pula mempunyai 2 dimensi yang berkait rapat iaitu kesamaan keadaan dan kesamaan peluang. Kesamaan yang pertama merujuk kepada hak asasi seseorang warganegara iaitu kesamaan dari segi undang-undang, pergerakan di tempat awam, dan hak mengundi.

Dalam kesamaan dari segi peluang pula, seseorang mempunyai hak kepada pasaran, pelajaran atau lain-lain bidang, dan bukan berasaskan kepada warisan yang diperturunkan. Persaingan oleh individu-individu untuk memiliki sumber-sumber tersebut akan mengakibatkan perbedaan dalam taraf pendapatan, status dan kekuasaan yang semuanya hasil dari usaha mereka sendiri. Bak kata perpatah; "survival of the fittest".

Akan tetapi norma sosial kumpulan dominan menyebabkan peluang kesamaan tidak dapat dicapai oleh mereka yang jauh berbeza dari mereka. Maka masyarakat mesti mewujudkan kesamaan di mana perspektif individu diubah menjadi perspektif kolektif. Ini melibatkan pengagihan semula polisi awam untuk menyamakan pendapatan, keadaan hidup, penceburan dalam politik dan pekerjaan yang berasaskan kumpulan. Pertimbangan mesti diberi kepada kriteria warisan, manakala sistem quota diperkenalkan.

Oleh yang demikian, etnisiti menjadi satu set simbol yang digunakan untuk mendapat bahagian besar hakmilik bagi sesuatu kumpulan etnik. Akibatnya, hampir kesemua kumpulan akan merasa diri mereka

"victimized" dan kesan dari perlaksanaan dasar-dasar tersebut amat ketara sekali.

Contoh yang paling baik adalah keadaan di Malaysia di mana DEB dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan golongan yang berstatus rendah, dan seterusnya menyamakan kedudukan kesemua masyarakat Malaysia, tetapi terdapat golongan masyarakat yang tidak puashati dengan tindakan kerajaan ini.

Maka secara tidak langsung, etnisiti digunakan untuk kepentingan kuasa, status dan pendapatan, dan ia juga dianggap sebagai alat untuk menentang ketidakseimbangan yang dialami oleh kumpulan yang ditolak atau ditindas oleh kumpulan berkuasa. Pengikatan etnik dengan mengkombinasikan budaya dan kepentingan mereka merupakan faktor utama dalam usaha mereka untuk mendapat mobiliti ke atas secara kolektif. Keadaan ini sering berlaku apabila halangan kepada mobiliti individu adalah tinggi tetapi mobiliti secara kolektif mempunyai peluang untuk berjaya, contohnya dengan penubuhan persatuan-persatuan berasaskan kumpulan etnik, agama dan sebagainya.

Kesedaran kumpulan etnik tertentu meningkat apabila diskriminasi ke atas kumpulan tersebut berkurangan dan pergerakan memperjuangkan hak mereka adalah aktif, serta peningkatan rasa pengenepian (deprivation) yang relatif akibat dari penambahan jurang antara harapan dan keadaan sebenar yang tidak membenarkan. Kumpulan yang didiskriminasi dikatakan mengalami tekanan dan pengasingan dari kumpulan majoriti yang mempunyai kuasa yang lebih dalam sektor ekonomi, politik dan sosial dalam masyarakat tersebut.

Kumpulan etnik boleh juga dianggap sebagai kumpulan berkepentingan (interest group). Ini adalah hasil dari proses modenisasi di mana pada masa dahulu, kumpulan etnik dibezakan berasaskan simbol kebudayaan dan status, tetapi zaman moden sekarang, terdapat peralihan kriteria dalam mendefinasikan kumpulan etnik iaitu untuk kepentingan ahli-ahlinya dari segi politik, ekonomi dan sosial. Maka konflik kepentingan yang berlaku di dalam dan di antara sesebuah negara pada masa kini adalah konflik etnik.

Akibat dari etnisiti, kumpulan etnik boleh menjadi pihak pertentangan yang berkuasa dalam menentang kerajaan negara ataupun mereka dapat melindungi atau mengekalkan sumber-sumber budaya yang bernilai yang mungkin akan kehilangan dalam proses assimilasi sehala sahaja. Lagipun, etnisiti dapat mengurangkan anomie dan alienasi dengan memberi individu identiti dan perasaan kekitaan dalam dunia yang kompleks kini.

### 2.2.3 Teori Proses Akomodasi

Proses akomodasi dalam hubungan etnik menekankan unsur-unsur tolak-ansur dan perundingan untuk kepentingan bersama. Ia membolehkan kelompok-kelompok yang terlibat meneruskan identiti dan sikap mereka yang berasingan.

Menurut definasi yang terdapat di dalam Dictionary of Social Sciences: (diedit oleh Gould dan Kolb.) akomodasi dirujukkan kepada:

> "A social process of product which follows, reduces, or avoid conflict - implying that the resolution of the conflict is necessary for maintainance of the social

order, but without implying a complete resolution of conflict mutually satisfactory to the contenders."

Definasi tersebut menekankan kepada penyelesaian sesuatu konflik untuk mencapai "social order" di kalangan masyarakat yang mempunyai budaya yang berlainan. Maka akan wujud beberapa institusi berlainan berasaskan budaya masing-masing tetapi mereka masih dapat hidup bersama. Boleh dikatakan bahawa segala tradisi sosial, warisan dari nenek-moyang, sentimen dan budaya adalah hasil dari proses akomodasi dalam sesuatu organisasi sosial.

Sebelum meneruskan perbincangan mengenai proses akomodasi, harus dilihat perbezaannya dengan proses assimilasi. Menurut Anita Yourglich dalam bukunya The Dynamics of Social Interaction, akomodasi merujuk kepada penyesuaian seseorang individu dalam perhubungan antara kumpulan, manakala assimilasi pula merujuk kepada penyesuaian kumpulan dalam kontak antara kumpulan. Maka boleh dikatakan penyesuaian dari segi assimilasi hanya dapat berlaku dengan penglibatan seluruh kumpulan etnik tertentu.

Michael Banton juga membezakan kedua-dua proses ini dengan menyatakan bahawa akomodasi dicirikan oleh perubahan kelakuan luar (outward behaviour) tetapi assimilasi melibatkan transformasi secara keseluruhan personaliti iaitu suatu perubahan dalaman seseorang.

Untuk akomodasi berlaku, sesuatu kaum tertentu mesti mempunyai sikap toleransi untuk menerima kemasukan atau kewujudan bersama dua atau lebih budaya yang diamalkan oleh kelompok budaya yang berlainan. Misalnya, di Belanda di mana walaupun wujud segmentasi di kalangan

masyarakatnya dari segi institusi dan organisasi yang tersendiri, namun masih wujud hubungan erat antara blok-blok yang berdasarkan perbezaan agama. Mereka dapat mengakomodasikan hidup seharian mereka dengan menekankan hak-hak untuk mengekalkan kebudayaan dan identiti kelompok masing-masing.

Di kalangan masyarakat Malaysia pula, proses akomodasi sering berlaku dalam hampir semua aspek kehidupan seperti penggunaan bahasa, pengamalan agama dan kepercayaan, pakaian, pemakanan dan sebagainya. Hasil dari proses akomodasi, rakyat Malaysia dapat hidup dengan aman-damai tanpa berlaku konflik-konflik yang serius. Untuk menentukan peristiwa Mei 13, tidak berulang lagi, rakyat Malaysia patut bertolak-ansur dalam perbincangan berkaitan dengan isu-isu ras.

Kesimpulannya, konsep akomodasi merangkumi segala aspek kehidupan dan didasarkan kepada pusingan semulajadi dalam hubungan ras dan etnik. Akomodasi akan wujud apabila terdapat persaingan di mana terdapat dua atau lebih pihak cuba selesaikan masalah secara bertolak-ansur. Akibatnya, wujud dua atau lebih corak budaya yang dapat hidup dalam satu masyarakat.

### 2.2.4 Teori Prejudis

Istilah prejudis sering digunakan dalam perbincangan hubungan ras atau etnik dan dalam isu-isu pengexploitasian kumpulan-kumpulan minoriti di sesebuah negara. Sikap prejudis yang tegas (rigid) ini adalah berdasarkan kepercayaan dan idea-idea seseorang individu ke atas individu atau kumpulan masyarakat yang lain, tidak kira secara positif atau negatif ataupun tepat atau tidak. Ini adalah

kerana "prejudgement" yang dilakukan tidak merujuk kepada pengetahuan atau pengalaman tetapi hanya mengeneralisasikan sahaja.

Mason (1970: 52) telah mendefinasikan prejudis dalam konteks hubungan ras sebagai;

> "Judgement based on a fixed mental image of some group or class of people and applied to all individuals of that class without being tested against reality."

Ahli psikologi, Gordon Allport, yang telah banyak menjalankan kajian atas sikap prejudis, juga sependapat dengan Mason. Beliau menghuraikan istilah prejudis itu sebagai:

> ".....the feeling, favourable or unfavourable, toward a person or thing prior to, or not based on actual experience. (Allport, 1955: 7).

Sikap prejudis dianggap tidak rasional kerana ianya merupakan sikap dan emosi yang berat sebelah dalam keputusan, anggapan, tuduhan atas seseorang atau sekumpulan masyarakat, yang tidak berdasarkan fakta-fakta dan pengalaman yang sebenar. Sebaliknya, ianya adalah konsepsi-konsepsi dan generalisasi yang terlalu umum dan sukar dibuktikan kebenarannya.

Banton (1967: 8) pula mendefinasikan prejudis sebagai:

> "A generalization existing prior to the situation in which it is invoked, directed toward people group or instituitions, which is accepted and defended as a guide to action inspite of its discrepancies with the objective facts."

Sikap prejudis yang biasa difahami adalah yang berbentuk negatif terhadap individu-individu dari kelompok lain. Sikap ini memang sukar diubah walaupun individu tersebut terdedah dan dicabar

oleh pengetahuan dan bukti-bukti baru. Ini adalah kerana "prejudgement" yang telah dibentuk dalam fikiran sebelum atau tanpa ditinjau fakta-fakta yang berkenaan. Allport (1955: 7) berkata:

> "A prejudgement became a prejudis only when it is not open to revision in the light of new information."

Maka sikap buruk ini akan kekal pada personaliti seseorang dan mempengaruhi proses kognitif, emosi dan kelakuan seseorang individu itu.

Boleh dikatakan bahawa sikap prejudis ini wujud dari kebencian seseorang terhadap individu atau kumpulan lain. Ini bukan hanya merupakan fenomena individu malah juga fenomena kumpulan di mana ia merupakan sebahagian daripada kebudayaan masyarakat pada keseluruhannya. Maka prejudis adalah sebahagian daripada norma dan "general folkways" yang diperturunkan kepada generasi baru melalui proses sosialisasi.

Sikap prejudis wujud pada setengah-setengah orang sahaja manakala ada pula yang tidak begitu. Persoalan ini dapat dijelaskan melalui teori-teori prejudis mengenai kelakuan manusia dari segi psikologi dan dari segi sosiologi. Tumpuan diberi kepada proses perkembangan personaliti seseorang individu dan juga kepada "dynamics" dalam interaksi kumpulan.

Tiga teori prejudis yang sering digunakan untuk menerangkan sikap prejudis dalam membincangkan racism adalah teori personaliti, teori struktur sosial dan, teori sosial dan budaya.

Secara ringkas teori personaliti menerangkan keprejudisan seseorang dari dua sub-teori iaitu teori kekecewaan-aggresi dan teori personaliti autoritarian. Teori kekecewaan-aggresi menekankan sikap

prejudis sebagai akibat dari kekecewaan dalam mengenakan hostiliti ke atas punca yang sebenar. Seseorang individu atau sekumpulan masyarakat akan dijadikan "scapegoat" kepada sikap aggresif/prejudis.

Teori personaliti autoritarian pula menyarankan bahawa sikap prejudis dicorakkan oleh mentaliti tertentu dan adalah satu aspek dari keseluruhan pola personaliti individu.

Dari segi teori struktur sosial, prejudis dilihat sebagai satu manifestasi oleh kumpulan-kumpulan yang berkonflik dan bersaingan dalam memperolehi kuasa, terutamanya dalam bidang politik dan ekonomi. Sikap prejudis wujud akibat dari sifat etnosentrism pada sesebuah kumpulan tertentu dan masing-masing hendak menjaga kepentingan sendiri.

Teori sosial dan budaya memberi penekanan kepada sikap prejudis yang diwarisi dari generasi ke generasi. Sikap prejudis yang "culturally transmitted" ini akan mempengaruhi kelakuan seseorang apabila berhadapan dengan kumpulan etnik yang lain. Sungguhpun sesebuah kumpulan menjadi sasaran pemusuhan akibat dari konflik bersejarah, tetapi rasa kebencian itu telah diperturunkan oleh tradisi. Seterusnya ini akan mempengaruhi kelakuan dan sikap masyarakat generasi baru dalam mewujudkan perpaduan negara. Satu contoh yang jelas ialah Malaysia.

### 2.2.5 Teori Masyarakat Majmuk

Masyarakat majmuk pada dasarnya menggambarkan masyarakat berbagai kaum atau kumpulan etnik yang tinggal di bawah satu sistem pemerintahan dan mempunyai ciri-ciri konflik, percanggahan dan paksaan.

Dalam perbincangan masyarakat majmuk, tumpuan akan diberi kepada dua definasi yang sering digunakan iaitu oleh Furnivall dan M.G. Smith.

Bagi Furnivall (1939: 304) masyarakat majmuk didefinasikan sebagai keadaan di mana:

> "They mix but do not combine, each group hold by its own religion, its own culture and language, its own ideas and ways. As individuals they meet but only in market place in buying and selling."

Jelas bahawa bahagian akhir definasinya yang menyatakan bahawa: individu berinteraksi antara satu sama lain hanya ditempat jual-beli sahaja, adalah tidak relevan kepada keadaan di Malaysia kerana selain dari pertemuan di pasar, individu-individu juga berinteraksi di institusi-institusi lain seperti sekolah, tempat sembahyang, persatuan dan lain-lain institusi.

Definasi oleh M.G. Smith adalah lebih relevan kepada masyarakat Malaysia, jika berbanding dengan Furnivall. Smith (1965: 62) menegaskan bahawa asas budaya terdiri dari sistem institusi sendiri dan setiap institusi melibatkan berbagai bentuk aktiviti, golongan, idea-idea dan nilai-nilai:

> "A plural society is one united politically under the aggis of a single national government, but which contain substantially important groups who defer from one another not only in their alternatives but also in their core instituitions."

Jelasnya lagi, kepelbagaian sistem institusi akan mempengaruhi sistem pemikiran dan bentuk perlakuan sosial. Perbedaan institusi dari segi kekeluargaan, pelajaran, agama, harta, ekonomi dan lain-lain pula, menunjukkan perbedaan budaya dan unit-unit sosial. Jelaslah bahawa definasi M.G. Smith lebih menekankan konsep konflik dari konsep cencensus/ perpaduan akibat dari institusi-institusi dan nilai yang berlainan

di kalangan masyarakat majmuk.

Dalam memperkatakan bahawa:

> "Pluralism simaltenously connotes a social structure characterize by fundermental discontinuities and cleavages, and a cultural complex based on systematic initituinal diversity."

Smith (1965: 89) berpendapat masyarakat majmuk tidak semestinya bergantung antara satu sama lain. Iaitu co-terminous, malah kemajmukan institusi boleh melibatkan kemajuan yang selaras dalam sosial dan budaya seperti kewujudan perbedaan kelas sosial dan institusi.

Seorang lagi sarjana, Van den Berghe turut menyumbangkan pandangannya mengenai masyarakat majmuk. Beliau memperlihat masyarakat majmuk dari 2 bentuk yang asas (Berghe, 1967: 34)

> "(i) Segmentation into corparate groups that frequently, though not necessarily have different cultures or sub-cultures.
>
> (ii) A social structure compartmentalized into analogous, parallel, non-complementing but distinguishable sets of instituitions."

Berghe telah mengembangkan lagi huraian M.G. Smith dengan memberi penekanan kepada kewujudan institusi yang berlainan tetapi dalam struktur sosial yang sama.

Dalam konteks Malaysia, konsep masyarakat majmuk yang disarankan oleh Furnivall memang "out-dated" kerana hanya dapat diapplikasikan semasa zaman penjajahan sahaja. Konsep M.G. Smith dan lain-lain sarjana masa kini memberi gambaran yang lebih relevan di mana berlaku proses "depluralization" dari segi perbedaan institusi asas dengan harapan mencapai perpaduan.

## BAB 3

## PARAS HUBUNGAN ETNIK MAKRO

### 3.1 Hubungan Etnik: Latar-belakangnya

Perkembangan Malaysia sebagai sebuah negara berbagai kumpulan etnik berkait-rapat dengan kenyataan sejarah bahawa Malaysia, pada zaman sebelum penjajahan British, menjadi tempat pertemuan pedagang-pedagang dunia Barat dan Timur.

Zaman penjajahan British telah membawa lebih ramai imigran ke Tanah Melayu, terutamanya dari negara China dan India untuk mengerjakan lombong bijih timah dan ladang getah. Galakan migrasi dari pihak British ini bertujuan mengexploitasi sumber-sumber alam semulajadi Tanah Melayu pada masa itu. Dengan polisi "divide and rule", pihak British cuba mengasingkan jenis pekerjaan rakyat dengan penglibatan orang Melayu dalam bidang pertanian dan pentadbiran awam, orang Cina dalam bidang perdagangan dan pekerjaan bandar, manakala orang India dalam bidang perladangan getah.

Sehingga waktu itu, masih kurang terdapat konflik komunal di antara kumpulan etnik tersebut. Akan tetapi dengan perkembangan nasionalisme Melayu dan pembentukan polisi-polisi pro-Melayu oleh pihak British, maka timbullah tanda-tanda konflik inter-etnik. Konflik tersebut menjadi lebih nyata pada tahun-tahun 1930an dengan pengimplimentasian polisi decentralization negeri-negeri Melayu, di mana lebih kuasa diberi kepada Majlis Negeri yang ahli-ahlinya kebanyakan terdiri dari orang Melayu.

Orang-orang Cina Selat telah melihat langkah ini sebagai satu ancaman atas ekonomi mereka. Salah seorang pemimpin mereka, Tan Cheng Lock, pernah berkata:

> "One naturally fears that the scheme will tend to produce, develope and perfect in the Federated Malay States a purely autocratic form of Government based mainly on the taxation of the non-Malay people."

Beliau seterusnya meluahkan kebimbangannya bagi pihak semua rakyat Cina pada waktu itu:

> "A powerful State Council dominated by the Malays and a pro-Malay British Resident may, for instance shape the land, educational and other policies of the State, should it have control over them, to the detriment of the non-Malays inhabitants therein."
>
> (David Wu, 1982: 47)

Jelas bahawa sejak zaman sebelum kemerdekaan lagi telah wujud konflik komunal di Malaysia.

## 3.2 Masalah Perkauman: Puncanya

Punca utama masalah perkauman di Malaysia terutamanya di kalangan kelas menengah dan atasan adalah berasaskan kepada kebimbangan orang Cina - atas kuasa politik orang Melayu dan ketidakpercayaan orang Melayu atas kuasa ekonomi orang Cina. Maka selepas pencapaian kemerdekaan, pemimpin-pemimpin parti politik UMNO, MCA dan MIC telah mencapai kata sepakat di mana satu perjanjian melibatkan kewarganegaraan golongan bukan Melayu dan kedudukan istimewa golongan Melayu.

Mengikut perjanjian tersebut, kewarganegaraan akan diberi kepada sesiapa yang merupakan warganegara sebelum kemerdekaan dan sesiapa yang dilahirkan selepas kemerdekaan. Konsep kewarganegaraan ini penting kepada kaum Cina kerana mereka dikatakan menghadapi masalah "stateless" pada waktu itu akibat migrasi beramai-ramai ke negara-negara di Asia Tenggara.

Contohnya, sungguhpun konsep kewarganegaraan sangat dihargai oleh masyarakat Cina pada masa itu, namun begitu sebilangan besar dari responden Cina generasi muda kini tidak merasa apa-apa (42%) dan ada pula yang tidak puashati serta rasa tertindas (25%) sebagai rakyat Malaysia. Mereka berpendapat bahawa tiada sebabnya mereka diberi layanan yang berbeza dari orang Melayu dari segi politik, ekonomi dan sosial. Berbanding dengan responden Melayu yang 100% merasa bangga dan bahagia tetapi hanya 33% responden Cina yang puashati dengan kedudukan mereka sebagai rakyat Malaysia.

Hasil dari concession tersebut, elit-elit bukan Melayu telah bersetuju menerima kedudukan istimewa orang Melayu dalam bidang ekonomi untuk memperbaiki economic backwardness mereka dan juga penerimaan kaum Melayu sebagai pribumi (indigenous). Kedudukan istimewa yang dimaksudkan adalah dalam 4 bidang: peruntukan tanah, quota dalam kemasukan sektor perkhidmatan awam, quota dalam pengeluaran permit dan lesen permulaan perniagaan dan quota biasiswa atau lain-lain tujuan pendidikan.

Jaminan telah diberi kepada golongan bukan Melayu di mana ditetapkan bahawa keutamaan untuk golongan bukan Melayu tidak boleh dibentuk dengan kehilangan hak, keutamaan, permit atau lesen yang telah diberikan kepada orang lain. Dalam Artikel 153 Perlembagaan telah dinyatakan:

> "Nothing in this Article shall empower Parliament to restrict business or trade solely for the purpose of reservations for Malays and natives of any of the States of Sabah and Sarawak."
>
> (Clause 9, Article 153).

Sungguhpun dengan jaminan demikian, intepretasi dan implimentasi kedudukan istimewa orang Melayu menjadi punca utama dalam masalah perkauman antara masyarakat Melayu dan Cina sehingga masa kini.

3.3 Masalah Perkauman Dan Ke Arah Mana?

Sebelum tahun 1971, pembangunan negara Malaysia tertumpu semata-mata pada proses mempercepatkan perkembangan ekonomi melalui pelaburan dalam infrastruktur pertanian dan pembangunan luar bandar. Sungguhpun strategi ini telah memperkuatkan ekonomi negara, tetapi ia tidak dapat menyelesaikan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi masyarakat Malaysia.

Peristiwa Mei 13 telah jelas menunjukkan bahawa polisi dan program ekonomi semata-mata meningkatkan perkembangan ekonomi sahaja tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat Malaysia. Ia juga menggambarkan bahawa sebarang polisi kerajaan yang tidak cuba mengatasi masalah rakyat yang miskin dan ketidakseimbangan antara kumpulan etnik, akan mewujudkan rakyat berbelah-bahagi dan compartmentalized antara

golongan yang menikmati hasil perkembangan ekonomi dan golongan yang diabaikan.

Akibat dari peristiwa yang traumatik itu, suatu penilaian kritikal atas polisi-polisi dan pendekatan lama yang akhirnya dirumuskan Rukunegara sebagai asas perpaduan. Salah satu pendekatan baru yang diperkenalkan adalah perkembangan suatu dasar sosio-ekonomi di mana setiap kumpulan etnik dapat menikmati dan mengambil bahagian dalam proses perkembangan tersebut.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mula dilancarkan pada tahun 1970 oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, mempunyai dua matlamat utama: pertama, untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat berbilang bangsa dan kedua, bagi menyusun semula masyarakat supaya jurang ekonomi yang berbeza antara kaum Bumiputra dan bukan Bumiputra dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan.

Kegiatan-kegiatan ekonomi telah diserahkan kepada kerajaan secara langsung khususnya, yang berhubungan dengan kegiatan ekonomi milik Bumiputra. Pada waktu yang sama, sektor swasta turut memainkan peranan bahu-membahu dengan kerajaan. Salah satu perancangan yang amat signifikan ialah penajaan latihan dan kemudahan pelajaran kepada Bumiputra pada peringkat tertiary.

Telah ditetapkan pada tahun 1970 juga, bahawa perkembangan perbelanjaan pelaburan sektor swasta akan dibantu oleh dorongan yang kuat dari sektor awam. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti pemodenan ekonomi dengan mengurangkan kadar pengangguran melalui

peningkatan pengeluaran di kawasan luar bandar dan usaha menambahkan pendapatan khususnya bidang pertanian dengan memberi secara percuma atau subsidi segala jenis perkhidmatan sosial.

Matlamat kedua untuk mewujudkan masyarakat Melayu yang lebih bersifat komersial dan industrial dalam semua kategori dan pada semua peringkat dengan harapan kaum Melayu dan kaum lain boleh menjadi rakaniaga dalam kehidupan ekonomi di negara ini. Objektif kerajaan adalah supaya kaum Bumiputra dapat memiliki dan mengurus sekurang-kurangnya 30% daripada aktiviti-aktiviti perniagaan dan industri dalam struktur ekonomi dan gunatenaga, menjelang tahun 1990.

Perlaksanaan DEB telah banyak menerima sokongan dan kritikan dari berbagai lapisan masyarakat Malaysia. Kritikan datang terutamanya dari golongan bukan Bumiputra yang jelas menunjukkan bahawa heterogeniti etnik dan konflik untuk kepentingan komunal sendiri dapat digambarkan dalam persaingan ekonomi Malaysia. Ini boleh dilihat dari hasil kajian empiris yang dilakukan.

3.4 Gambaran Ringkas Persepsi Responden Terhadap DEB

Hampir separuh dari jumlah responden, 25 orang (41.6%) berpendapat tujuan DEB adalah untuk membantu golongan miskin, terutamanya kaum Bumiputra, meningkatkan taraf kehidupan mereka. Akan tetapi 10 (27.8%) orang responden Melayu merasa tidak puashati kerana menganggap kaum Cina yang beruntung dari DEB dan bukannya kaum Melayu yang sepatutnya. Hanya 6 orang (10%) dari semua responden bersetuju bahawa DEB adalah

untuk kebaikan semua, tanpa mengira kaum. Ada juga 2 (8.3%) dari responden Cina yang jahil tentang polisi kerajaan tersebut, ataupun mereka enggan melibatkan diri dalam isu yang dianggap sensitif, lalu menjawab 'tidak tahu' apabila disoal: "Siapakah yang banyak sekali mendapat untung dari DEB?"

Jadual 3.1: Bilangan Responden Yang Bersetuju Dengan Perlaksanaan DEB

| | Tidak setuju sama sekali | Tidak setuju | Setuju | Sangat setuju | Tidak tahu |
|---|---|---|---|---|---|
| Melayu (%) N = 36 | 3 ( 8.3) | 10 (27.8) | 7 (19.4) | 16 (44.4) | 0 |
| Cina (%) N = 24 | 11 (45.8) | 9 (37.5) | 2 ( 8.3) | 0 | 2 (8.3) |
| Jumlah (%) N = 60 | 14 (23.3) | 19 (31.7) | 9 (15) | 16 (26.6) | 2 (3.3) |

Di kalangan responden Melayu, 16 (44.4%) dari mereka setuju dengan langkah kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin. Mereka berpendapat kerajaan sedar tentang kemiskinan kaum Melayu dan mengambil langkah wajar ini supaya taraf kehidupan mereka sejajar dengan kaum lain. Namun demikian, 3 (8.3%) orang dari mereka berkata kerajaan patut berhati-hati dalam perlaksanaan polisi tersebut supaya kaum lain tidak tersinggung hati.

Sebaliknya, majoriti 20 (83.3%) dari responden Cina menolak rancangan kerajaan tersebut dengan alasan bahawa tumpuan diberi kepada

satu kaum sahaja, maka tidak adil dan cara-cara yang digunakan untuk menghapuskan kemiskinan dan jurang pendapatan antara kaum adalah tidak memuaskan. Ada juga responden Melayu 13 (36.1%) yang sependapat dengan golongan ini kerana kata mereka, "yang kaya semakin kaya manakala yang miskin semakin miskin" dan yang lain pula menganggap "orang Cina yang banyak untung sekali dari DEB".

Apabila dilihat secara menyeluruh, responden-responden yang menyokong polisi kerajaan 25 (41.6%) berbanding dengan 33 (55%) yang menentangnya. Perasaan perkauman jelas ditunjukkan dengan majoriti 20 (83.3%) dari responden Cina tidak setuju dengan tindakan kerajaan tersebut manakala 63.8% responden Melayu yang bersetuju. Tetapi didapati juga bahawa, 13 (36.1%) responden Melayu juga menolak rancangan kerajaan ini.

Jika dikaji dengan teliti boleh dikatakan ada kebenaran pada kenyataan salah seorang responden itu, misalnya, skim harga minima terjamin untuk petani dapat memberi faedah besar kepada hanya petani kaya yang boleh mengeluarkan padi berlebihan untuk dijual. Maka jumlah peruntukan untuk tujuan membasmi kemiskinan belum tentu dapat menguntungkan kepada penduduk miskin secara keseluruhannya. Dengan lain perkataan, perlaksanaan DEB telah membawa lebih keuntungan kepada golongan kelas menengah dan atasan daripada golongan kelas rendah yang miskin dan yang sepatutnya menerima bantuan.

3.5 DEB: Selepas 1990?

Kini, 1990 sudah menjelang dan adalah wajar untuk meneliti semula apa yang telah dilakukan dan sejauh mana pula kejayaan DEB. Penelitian atau semakan bukan sahaja dilakukan oleh pihak kerajaan tetapi juga oleh orang-perseorangan khususnya ahli ekonomi. Professor Diraja Ungku Abdul Aziz telah mencadangkan supaya tempuh pencapaian DEB dilanjutkan kerana kemelesetan ekonomi negara sekarang yang melembabkan usaha kerajaan untuk membantu golongan miskin. Beliau juga berkata usaha untuk memajukan orang Melayuyang masih di tahap kemiskinan, memerlukan masa yang lebih lama, apatah lagi masalah kemelesetan ekonomi yang kini meruncing.

Walaupun kita tidak begitu optimis akan matlamat DEB itu boleh dicapai pada 1990, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa rancangan-rancangan kerajaan di bidang ekonomi, industri dan pendidikan untuk mewujudkan golongan profesional Melayu dan jutawan Melayu telah mula nampak kejayaannya. Ini terjadi secara perlahan-lahan dan bukannya mendadak. Tetapi masalah yang lebih penting dalam matlamat menghapuskan kemiskinan ialah masalah pendapatan golongan miskin seperti petani, nelayan dan buruh kasar, tidaklah begitu berjaya. Professor Ungku Aziz telah mengambil contoh 80,000 orang nelayan yang masih belum terbela walaupun mereka sudah mempunyai persatuan dan koperasi serta berpuluh-puluh projek yang telah dan sedang dijalankan oleh pihak kerajaan. Demikian juga keadaan pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak seimbang menyebabkan ramai anak muda yang tidak berpelajaran atau yang berpelajaran berhijrah ke bandar-bandar besar.

Akibatnya terdapat kekurangan tenaga buruh di tanah pertanian kampung-kampung.

Beliau juga telah mendedahkan bahawa kegagalan sebahagian besar rancangan di negara ini timbul dari para pegawai dan perancang projek tersebut. Menurutnya lagi, mereka tidak merancang dengan sebenarnya untuk meningkatkan pendapatan kaum tani tetapi dengan tujuan bersaing antara satu perbadanan dengan satu perbadanan yang lain, ataupun kadang-kala bertujuan untuk mendapat pangkat dan populariti menjadi wakil rakyat.

Kerajaan memang sedar akan hal ini, malah telah dijalankan beberapa review atas DEB dan RM4. Dalam menerima kenyataan bahawa DEB tidak dapat mencapai matlamat seperti yang diharapkan, maka kerajaan mengadakan semula satu strategi baru kepada DEB dan RM4. Salah satu langkah kerajaan yang wajar dan praktikal adalah dengan menggiatkan lagi inisiatif kepada sektor swasta, contohnya, projek pengswastaan jabatan KTM dan Telekoms.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam pernah melahirkan perasaan pessimisnya atas pencapaian objektif-objektif DEB setelah empat Rancangan Malaysia dilancarkan. Beliau menyatakan bahawa sekiranya penghapusan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat tidak tercapai pada tahun 1990, kerajaan akan mengadakan satu strategi baru. Tambahnya, ia mestilah dapat diterima oleh seluruh masyarakat selaras dengan proses sistem politik, tetapi lebih penting dari itu mesti ada concensus dan persefahaman di antara parti-parti yang menjadi kerajaan terdiri dari Melayu, Cina, India dan lain-lain entiti bukan Melayu.

Tidak dapat dinafikan bahawa isu perlaksanaan dan perlanjutan DEB berkait rapat dengan masalah perpaduan negara. Salah seorang ahli Exco pertubuhan Aliran Kesedaran Negara (Aliran) telah menyuarakan kebimbangannya terhadap perlanjutan DEB selepas 1990. Beliau menegaskan bahawa jurang ekonomi negara sebenarnya bukan antara kumpulan etnik tetapi di antara dan di kalangan kumpulan dan kelas-kelas masyarakat.

Dalam melihat kejayaan DEB, Perdana Menteri mengatakan bahawa kadar kemiskinan telah berkurangan di kawasan bandar dan luar bandar, tetapi menurut Aliran masih terdapat kes kemiskinan yang sifnifikan di kalangan kumpulan pekerjaan tertentu di bandar dan juga luar bandar. Malah kemiskinan secara relatif telah meningkat dalam kedua-dua sektor ekonomi tersebut. Dari segi pembentukan semula struktur pekerjaan mengikut kumpulan etnik, sungguhpun terdapat kemajuan namun, tegas Aliran, ini tidak menunjukkan pertambahan dalam integrasi negara, malah polarisasi etnik semakin serius masa kini. Ini akan menjejaskan perpaduan negara yang dialu-alukan selama 29 tahun merdeka. Aliran telah menasihatkan supaya setiap isu semasa itu jangan diintepretasi berdasarkan etnisiti kerana bukan sahaja perpaduan negara tidak dapat dicapai, malah kepentingan komunal dalam ekonomi dan politik akan bertambah kuat. Golongan yang menderita akibat dari tindakan begitu adalah golongan miskin yang tidak berkuasa dalam pembentukan polisi negara.

Golongan pekerja yang disoal kebanyakannya mendapat gaji kurang dari $400 sebulan. Majoriti dari responden Melayu 72% percaya akan kejayaan DEB dan setuju bahawa DEB patut diperlanjutkan selepas 1990 kerana matlamat DEB belum dicapai sepenuhnya. Mereka berpendapat bahawa

sehingga tahun 1986, DEB telah banyak membawa faedah kepada kaum Melayu tetapi masih ramai yang miskin. Manakala golongan responden Melayu yang selebihnya, 28%, mencadangkan perubahan pada DEB supaya matlamat sebenar dapat dicapai.

Majoriti dari responden bukan Melayu yang tidak setuju akan perlaksanaan DEB terus menolak cadangan melanjutkan polisi tersebut selepas 1990. Ada yang mencadangkan supaya rancangan-rancangan diubah untuk memberi peluang yang sama dalam segala bidang kepada semua kaum di Malaysia dan bukan menurut sistem quota di mana keutamaan diberi kepada golongan Melayu. Dengan kerjasama berbagai kaum, kata mereka, dapat meningkatkan taraf ekonomi negara kita.

Pada pandangan responden Cina, perlaksanaan DEB dilihat sebagai satu diskriminasi kaum Melayu atas kaum bukan Melayu. Tetapi sebenarnya kaum Melayu pada umumnya menjadi mangsa "scapegoat" kerana pihak kerajaan yang melaksanakan dasar tersebut. Tujuan baik kerajaan ialah hendak membasmi kemiskinan rakyat dan menyusun semula masyarakat Malaysia supaya setiap kaum tidak distereotaipkan dengan jenis pekerjaan tertentu. Golongan muda-mudi bukan Melayu menganggap DEB sebagai satu halangan kepada mobiliti sosial mereka kerana peluang-peluang untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang tertentu terutamanya bidang perniagaan, pekerjaan dan pelajaran, disekat dengan sistem quota yang diamalkan.

## 3.6 Gambaran Ringkas Persepsi Responden Terhadap Masalah Perkauman

Setelah meneliti persepsi responden berhubung dengan DEB, kita pula akan melihat secara ringkas persepsi mereka terhadap masalah

perkauman. Di antara 60 responden yang disoal, hanya dua (5.6%) orang sahaja yang berpendapat diskriminasi dan prejudis tidak berlaku di kalangan rakyat Malaysia berbagai kaum dengan alasan bahawa rakyat hidup aman-damai tiada peperangan seperti keadaan di Sri Lanka atau lain-lain negara yang mempunyai masalah perhubungan etnik/ras. Responden yang selainnya mempunyai tanggapan yang berbeza mengenai taraf sikap prejudis dan diskriminasi. Tujuh belas responden (47.2%) dari responden Melayu bersifat optimistik terhadap masalah perkauman ini manakala 10 (27.8%) pula bersikap pessimistik. Dari jadual 3.2 juga dapat diperhatikan 21, (87.5%) responden Cina berpendapat bahawa prejudis dan diskriminasi ras di Malaysia amat ketara sekali dan dijangka akan bertambah buruk lagi.

Jadual 3.2: Persepsi Responden Mengenai Masalah Perkauman Di Malaysia

| | Tidak wujud sama sekali | Sedang diperbaiki | Tiada Kemajuan | Akan bertambah buruk |
|---|---|---|---|---|
| Melayu (%) N = 36 | 2 (5.6) | 17 (47.2) | 7 (19.4) | 10 (27.8) |
| Cina (%) N = 24 | 0 | 3 (12.5) | 12 (50.0) | 9 (37.5) |
| Jumlah N = 60 (%) | 2 (3.3) | 20 (33.3) | 19 (31.7) | 19 (31.7) |

Masalah perkauman timbul dari ketidakpuasan kumpulan-kumpulan etnik tertentu dari segi politik, ekonomi, sosial dan pelajaran. Kaum Melayu berpendapat wujud diskriminasi terhadap mereka dari segi ekonomi kerana kebanyakan perniagaan dimonopoli oleh kaum Cina. Dari segi sosial pula, kaum Cina khususnya mengelakkan diri dari bergaul mesra

dengan mereka tetapi sebaliknya ada yang membidas bahawa kaum Melayu malas, tidak berusaha, banyak bergantung kepada kerajaan dan lain-lain.

Golongan responden Cina pula mengadu bahawa prejudis dan diskriminasi dari semua segi adalah tidak adil terhadap mereka. (Politik: 8.3% ; Ekonomi: 16.7%; Sosial: 16.7% Semua: 58.3%) contoh-contoh yang diberi adalah seperti bilangan kerusi parlimen, perlaksanaan DEB, isu Universiti Merdeka, penempatan pelajaran di Universiti tempatan dan lain-lain isu.

Mengikut Mauzy, golongan peniaga Cina masih dapat sabar dengan dominasi golongan Melayu selagi mereka dapat peluang kejayaan. Tetapi keadaan adalah berbeza bagi golongan Cina kelas pekerja dan miskin yang menghadapi masalah yang lebih rumit. Salah seorang pemimpin parti DAP, pernah berkata bahawa golongan Cina miskin mengalami dua jenis tekanan:

a) Tekanan kelas - keadaan miskin dalam waktu kemelesetan ekonomi masa kini.

b) Tekanan etnik - diskriminasi dari segi politik dan ekonomi.

Akibat dari tekanan-tekanan ini, mereka merasa kecewa. (<u>NST</u>. 23.5.1975).

Seorang lagi ahli parti pembangkang memberi amaran bahawa jika keadaan bertambah buruk, golongan Cina mungkin menyokong parti Komunis Malaya secara pasif atau aktif dan tidak mematuhi peraturan perlembagaan lagi.

Dari perbincangan setakat ini, amat jelas sekali bahawa punca utama masalah perkauman di Malaysia timbul dari kegagalan golongan-

golongan berbagai kumpulan etnik untuk memahami sebab mengapa kaum Melayu diberi keutamaan dalam berbagai bidang, terutamanya bidang ekonomi, yang merupakan asas kepada perlaksanaan DEB. Ketidakfahaman ini akan menyebabkan keadaan konflik komunal yang bertambah tegang dengan orangramai yang tersalah faham tujuan sebenar pemberian hak dan keistimewaan kaum Bumiputra.

Dr. Mahathir ada menyatakan bahawa persoalan ras dan politik adalah berkait-rapat:

> "The politics of this country tend to be racial, whether you like it or not, so whenever you talk about anything that has some identifications with race, the chances are that politics will be dragged in."
>
> (NST. 23.2.1973).

## 3.7 Parti Politik Dan Proses Perkauman

Parti politik boleh membawa kepada perpaduan nasional, tetapi boleh juga menjadi penghalang perpaduan nasional. Ideologi dan perpaduan parti boleh menentukan sama ada satu-satu parti itu jadi penggerak perpaduan atau faktor yang memecah-belahkan masyarakat kepada kumpulan yang berasingan yang memperjuangkan kepentingan masing-masing. Di Malaysia, terdapat banyak parti politik dengan ideologi dan prinsip perjuangan masing-masing.

Kerajaan membenarkan perkembangan dan pergerakan banyak parti-parti politik, tetapi dibataskan kepada parti-parti yang mengambil jalan tengah antara kaum yang berbeza-beza bahasa, etnik dan kebudayaan dengan menghormati hak semua kaum. Seperti di India, Parti Kongress yang

dipimpin oleh Indera Gandhi dan Party and Revolutionary Institutions di Mexico adalah parti-parti yang mengambil jalan tengah bagi membolehkan masyarakat yang berbeza bahasa dan etniknya bersatu-padu.

Di Malaysia terdapat parti Barisan Nasional (BN) yang mempunyai komponen-komponennya UMNO, MCA, MIC, Gerakan, PBS, Hamim, USNO, PBB, SUPP, SNAP dan PBDS. Sementara parti-parti pembangkang terdiri dari PAS, DAP, SDP, Berjaya, PSRM, NASMA, Pasok, Plus dan Independent. Sesebuah parti yang cuba mengamalkan dasar dengan mengambil jalan tengah di antara berbagai-bagai kaum di Malaysia akan disokong oleh semua kaum. Dalam parti inilah ketua-ketua atau pemimpin-pemimpin kaum berunding menyelesaikan masalah yang menyentuh kepentingan satu-satu kaum. Bila hak dan kepentingan semua kaum dijaga dan dihormati bermakna dasar yang dijalankan oleh parti adalah adil dan demokrasi. Tidak ada penekanan dan penindasan majoriti atas golongan minoriti dan sebaliknya. Suasana seperti ini akan memberi peluang yang baik sekali bagi proses integrasi nasional berjalan dan berkembang.

Sifat komunal rakyat Malaysia dapat digambarkan dalam keputusan pilihanraya tahun ini. Sungguhpun BN memenangi 148 kerusi Parlimen iaitu melebihi dari dua per tiga majoriti atau 114 kerusi yang diharapkan oleh Perdana Menteri, namun demikian pihak pembangkang terutamanya DAP telah mencapai suatu kejayaan juga dengan kemenangan 24 daripada 37 kerusi yang dicalunkan - bilangan kerusi yang tertinggi kalau dibandingkan dengan tahun-tahun lepas. Kemenangan DAP ini jelas menunjukkan bahawa corak pilihan pengundi-pengundi pada tahun 1986 ini bersifat komunal terutamanya didapati DAP telah menang di setiap daerah yang mempunyai

majoriti pengundi Cina sama ada di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Graf 3.1: <u>Peratus Undi (1955 - 1986)</u>




(Sumber: <u>NST</u>. 5.8.1986)

Graf 3.1 menggambarkan kemenangan pihak BN dan pembangkang sejak dari pilihanraya pertama pada tahun 1955. Jika dianalisa lapan pilihanraya yang telah berlalu, BN telah menunjukkan kejayaan cemerlang kecuali pada tahun 1969 dengan kemenangan parti pembangkang dengan

margin 27%. Ini telah mengakibatkan tercetusnya peristiwa Mei 13 yang menggerunkan. Dalam pilihanraya kali ini, sungguhpun terdapat khabar angin bahawa kemungkinan besar parti pembangkang akan menang dan dengan amaran dari pemimpin-pemimpin BN akan berulangnya peristiwa Mei 13, tetapi BN tetap berdiri kukuh dengan kemenangan 57.4% dari undi negara.

Jadual 3.3: Margin Kemenangan BN Dalam Peratus (1955-1986)

| Tahun | 1955 | 1959 | 1964 | 1969 | 1974 | 1978 | 1982 | 1986 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Margin (%) | +63.4 | +3.00 | +16.6 | -27.00 | +21.4 | +14.4 | +21.00 | +14.8 |

(Sumber: NST 5.8.1986)

Graf 3.2: Margin Kemenangan BN dalam Peratus (1955-86)




(Sumber: NST. 5.8.1986)

Penganalisaan atas Jadual 3.3 dan Graf 3.2 menunjukkan corak kejayaan BN dalam lapan pilihanraya yang lalu. Satu perkara yang jelas adalah bahawa graf margin yang berselang-seli menaik dan menurun pada tahun-tahun berikutan. Boleh disimpulkan bahawa kedudukan BN tidak begitu stabil lagi kerana pihak pembangkang dapat mengumpul lebih undi pada pilihanraya yang berikutan. Pendekata, masih terdapat pengundi-pengundi yang tidak puashati dengan corak pemerintahan kerajaan dan melalui pilihanraya selangan empat/lima tahun inilah mereka dapat menunjukkan rasa tidak puashati mereka. Akan tetapi BN masih menjadi 'juara' majoriti dari rakyat Malaysia.

Bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Razak pernah berkata bahawa negara demokratik memang memerlukan parti pembangkang tetapi perkara ini adalah tidak sihat bagi politik negara Malaysia yang mempunyai manifestasi ras yang ketara sekali di kalangan rakyatnya.

Perdana Menteri Malaysia yang ketiga, Tun Hussein Onn baru-baru ini telah menegaskan kepentingan mewujudkan sebuah kerajaan yang stabil dan pihak pembangkang yang kuat untuk sebuah negara demokratik terus maju. Pihak pembangkang tidak seharusnya dihadkan kepada satu kaum sahaja di samping mesti mempunyai sifat-sifat seperti effisen, effektif, bertanggungjawab, dapat menjalankan fungsinya dengan baik dan mengawas serta menumpukan perhatiannya kepada segala ketidakseimbangan dari segi kepentingan rakyat.

Dari graf 3.2 juga didapati jurang margin sebelum peristiwa Mei 13, 1969 adalah lebih besar jika dibandingkan dengan jurang margin selepas peristiwa tersebut. Keputusan pilihanraya tahun 1974 hingga

tahun 1986 menggambarkan keadaan yang lebih stabil, dengan graf yang lebih lurus. Walaupun segelintir dari rakyat tidak puashati dengan corak pemerintahan BN tetapi majoriti masih menghargai keamanan dan percaya BN dapat memerintah dengan adil.

Jadual 3.4: Analisa Undi Untuk 171 Kerusi Parlimen

| JUMLAH UNDI | 4,615,119 | | |
|---|---|---|---|
| Parti Politik | Bil. Undi | % Undi | % BN |
| UMNO | 1,507,336 | 32.66 | 56.90 |
| MCA | 572,606 | 12.41 | 21.61 |
| MIC | 104,701 | 2.27 | 3.95 |
| GRM | 149,644 | 3.24 | 5.65 |
| HAMIM | 13,326 | 0.29 | 0.50 |
| PBB | 48,367 | 1.05 | 1.83 |
| SNAP | 34,221 | 0.74 | 1.29 |
| SUPP | 93,018 | 2.02 | 3.51 |
| PBDS | 24,822 | 0.54 | 0.94 |
| PBS | 73,786 | 1.60 | 2.74 |
| USNO | 27,409 | 0.59 | 1.03 |
| Jumlah BN | 2,649,236 | 57.41 | 100.00 |
| | | | % Pembangkang |
| PAS | 718,891 | 15.58 | 36.57 |
| DAP | 960,931 | 20.82 | 48.88 |
| SDP | 44,863 | 0.97 | 2.28 |
| Berjaya | 20,360 | 0.44 | 1.04 |
| PSRM | 59,156 | 1.28 | 3.01 |
| NASMA | 10,228 | 0.22 | 0.52 |
| PASOK | 584 | 0.01 | 0.03 |
| Plus | 967 | 0.02 | 0.05 |
| Bebas | 149,903 | 3.25 | 7.63 |
| Jumlah Pembangkang | 1,965,883 | 42.59 | 100.00 |

(Sumber: NST 5.8.1986).

Jika dianalisa bilangan undi yang dimenangi oleh setiap parti dalam pilihanraya tahun ini, UMNO masih kuat pengaruhnya (1,507,336 undi atau 32.66%), terutamanya di kalangan pengundi Melayu kawasan luar bandar kerana mereka mempercayai BN adalah 'juara rakyat'. Berbanding dengan penentang utamanya, PAS, hanya berjaya mengutip 718,891 undi atau 15.58% daripada jumlah undi negara.

Kekalahan parti MCA kepada DAP tahun ini amat mengecewakan penyokong-penyokong BN. Kemenangan DAP sebanyak 960,931 undi adalah 238,681 undi melebihi jumlah undi yang dimenangi oleh kedua-dua MCA dan Gerakan. Pada keseluruhannya, DAP mendapat 20.8% daripada jumlah undi pihak pembangkang sementara daripada parti BN pula, MCA dan Gerakan memperolehi 12.4% dan 3.4% masing-masing.

Jadual 3.5: Anggaran Penduduk (disesuaikan) Mengikut Kumpulan Etnik Pada 31 Disember 1984 dan Perbezaannya Antara Kaum Melayu dan Cina dan Bilangan Kerusi Negeri Dimenangi Oleh Parti BN dan Pembangkang. (Parti-parti pembangkang lain tidak mendapat sebarang kerusi negeri.)

| Negeri | Kumpulan Etnik (orang) | | Perbezaan | Bil. Kerusi Negeri | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | | BN | DAP | PAS |
| Johor | 1,028,052 | 691,703 | 336,349 | 35 | 1 | - |
| Kedah | 905,058 | 226,836 | 678,222 | 25 | - | 3 |
| Kelantan | 963,063 | 52,012 | 911,051 | 29 | - | 10 |
| Melaka | 283,542 | 191,710 | 91,832 | 17 | 3 | - |
| N. Sembilan | 300,830 | 228,500 | 72,330 | 24 | 4 | - |
| Pahang | 615,897 | 227,654 | 388,243 | 32 | 1 | - |
| Pulau Pinang | 348,658 | 559,735 | 211,077 | 23 | 10 | - |
| Perak | 915,908 | 797,318 | 118,590 | 33 | 13 | - |
| Perlis | 129,708 | 25,957 | 103,751 | 14 | - | - |
| Selangor | 773,714 | 625,421 | 148,293 | 37 | 5 | - |
| Terengganu | 593,885 | 28,807 | 565,078 | 30 | - | 2 |

Sumber: 1. Perangkaan penting Semenanjung Malaysia, 1984. Jabatan Perangkaan.

2. NST 5. 8. 1986.

Pada peringkat negeri, calon-calon DAP mendapat sokongan kuat dari pengundi-pengundi kawasan bandar dan daerah yang didominasi oleh kaum Cina, seperti yang dapat diperhatikan dalam jadual 3.5. Jelas didapati bahawa negeri-negeri di sebelah barat Semenanjung Malaysia yang lebih maju dengan kawasan perindustrian dan perbandaran mempunyai perbezaan penduduk antara kaum Melayu dan Cina yang lebih rendah, seperti Selangor, Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Hanya negeri Pulau Pinang sahaja yang mempunyai bilangan penduduk Cina, 559,735 orang, lebih daripada penduduk Melayunya, 348,658 orang. Sifat komunal rakyat Malaysia masa kini dapat diperhatikan sekali lagi di mana negeri-negeri yang didominasi oleh kaum Cina, maka pihak pembangkang yang berasaskan orang-orang Cina, DAP, akan mendapat lebih kerusi berbanding dengan negeri-negeri seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu yang sokongan penduduk anti-kerajaan adalah pada PAS.

Daripada 24 kerusi Parlimen yang dimenangi oleh DAP, enam datang dari Pulau Pinang, empat dari Perak, Wilayah Persekutuan dan Sabah masing-masing, dua dari Selangor dan Negeri Sembilan dan setiap satu dari Melaka dan Sarawak. Walaupun Pulau Pinang didominasi oleh parti Gerakan namun pada tahun ini, DAP telah berjaya mendapat enam daripada sebelas kerusi manakala BN hanya berjaya dalam lima kerusi sahaja. Akan tetapi masih terdapat sokongan dari penduduk negeri Perak dengan kemenangan 19 daripada 23 kerusi Parlimen yang dicalonkan, manakala hanya 4 kerusi untuk DAP sahaja.

Jadual 3.6: Bilangan Kerusi Parlimen Dicalon dan Dimenangi

| Negeri | Bil. kerusi dicalonkan | BN | PAS | DAP | Bebas & Lain |
|---|---|---|---|---|---|
| Perlis | 2 | 2 | - | - | - |
| Kedah | 14 | 14 | - | - | - |
| Kelantan | 13 | 12 | 1 | - | - |
| Terengganu | 8 | 8 | - | - | - |
| Pulau Pinang | 11 | 5 | - | 6 | - |
| Perak | 23 | 19 | - | 4 | - |
| Pahang | 10 | 10 | - | - | - |
| Selangor | 14 | 12 | - | 2 | - |
| W. Persekutuan | 7 | 3 | - | 4 | - |
| N. Sembilan | 7 | 5 | - | 2 | - |
| Melaka | 5 | 4 | - | 1 | - |
| Johor | 18 | 18 | - | - | - |
| Labuan (WP) | 1 | - | - | - | 1 |
| Sabah | 20 | 15 | - | 4 | 1 |
| Sarawak | 24 | 21 | - | 1 | 2 |
| JUMLAH KERUSI | 177 | 148 | 1 | 24 | 4 |

(Sumber: NST 5hb. Ogos 1986)

Suatu persoalan yang timbul sekarang ialah adakah kaum Cina telah hilang kepercayaan kepada Komponen BN iaitu MCA dan Gerakan yang dianggap sebagai pejuang hak dan kepentingan kaum Cina Malaysia. Datuk Lee Kim Sai, Timbalan Presiden MCA, (NST 12.8.86) telah memberi penjelasan kepada

"poor showing" MCA di kawasan bandar. Beliau menegaskan bahawa salah satu sebab adalah frustrasi orang-orang Cina terhadap cara pengimplimentasian aspek-aspek tertentu dalam DEB. Kemelesetan ekonomi juga mempengaruhi pilihan pengundi kerana kemarahan yang timbul dari pembuangan kerja (retrenchment) pengangguran, dan kerugian dalam perniagaan. Akibat dari krisis parti selama 20 bulan yang berlanjutan terlalu lama menyebabkan pemimpin baru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk memperbaiki 'kerosakan'.

Kalau dibandingkan dengan pilihanraya pada tahun 1982 MCA hanya hilang 4 dari kerusi yang dicalonkan iaitu memenangi 24 dari 28 kerusi Parlimen manakala pada tahun ini, parti kehilangan 15 kerusi. Pada peringkat negeri pula kemenangan 56 dari 62 kerusi pada tahun 1982 adalah memuaskan berbanding dengan 44 dari 70 kerusi pada tahun ini, dengan kehilangan 26 kerusi.

Keadaan masyarakat bersifat komunal juga dapat digambarkan di kalangan responden-responden yang disoal mengenai parti yang layak memerintah Malaysia. Ramai yang masih percayakan kebolehan BN di mana 89.47% terdiri dari kaum Melayu dan 10.53% kaum Cina. Mereka menjawab bahawa "BN menjaga kebajikan semua orang, berpotensi untuk maju sejak merdeka lagi, boleh dipercayai, tunaikan janji, terdiri dari berbilang kaum dan tidak terlalu memaksa".

Sebaliknya hanya 5.6% dari responden Melayu dan 70.8% responden Cina menyokong pihak pembangkang. Antara alasan-alasannya ialah "BN tidak berlaku adil, belum wujud parti yang adil, mahu berjuang untuk

semangat keislaman kepada semua lapisan masyarakat dan mahu berjuang untuk perubahan yang dapat majukan negara".

Ini menunjukkan pihak pemerintah masih kuat tetapi di kalangan bukan Melayu, pihak pembangkang semakin meningkat pengaruhnya. Adapula di kalangan responden yang tidak tahu (12.5%) atau berpendapat bahawa kedua-dua pihak pemerintah dan pembangkang patut berganding bahu membangunkan negara.

Pilihanraya baru-baru ini juga mendapat perhatian dari negara jiran kita, Indonesia. Surat khabar, Suara Karya yang dipunyai oleh parti pemerintah Golkar, menyiarkan bahawa perubahan arah penyokong kepada parti DAP menandakan masalah hubungan etnik masih wujud di Malaysia dan kerajaan harus mengambil lebih banyak langkah untuk menyelesaikan masalah tersebut. Satu lagi surat khabar Sinar Harapan berkata bahawa masalah masa kini Malaysia yang harus diberi perhatian segera adalah pencapaian perpaduan negara dalam masyarakat yang berbagai kumpulan etnik. Kejayaan DAP di kawasan dominasi Cina menandakan perlunya penyelesaian kepada masa perkauman Malaysia.

Pilihan sebenar yang masih terbuka bagi masyarakat Malaysia untuk menyelesaikan masalah perkauman adalah terhad. Sesuatu gerakan rakyat yang benar-benar bersifat nasional, bukan berasaskan kepada perkauman nampaknya tidak akan mendapat sambutan umum. Tidak ada cara lain untuk mengatasi masalah dan oleh kerana itu usaha mencari jalan untuk mengatasi masalah ini perlu dijadikan perkara utama dalam agenda Kebangsaan. Pada dasarnya, pilihan sebenar bagi tahun-tahun 1980an adalah: Usaha mengatasi kejahilan perkauman atau keadilan melalui pembebasan.

Untuk mewujudkan satu negara yang aman dan damai, perlu mengadakan consensus dan kompromi supaya dapat menentukan pengesahan dan stabiliti politik serta mengelakkan dari ethnic violence. Tun Tan Siew Sin telah berucap:

> "the leaders can disagree on ideological, economic, and social issues, and even on political issues, but they must take care not to turn it into a contest or ethnic community against ethnic community".
>
> (Victor Morais (ed.) Blueprint for Unity: Selected Speeches and Statements of TTSS.)

Kesimpulannya, kejayaan dan stabiliti sistem politik semasa Malaysia adalah berhubung rapat dengan keberkesanan kerajaan dalam memperkembangkan bidang ekonomi negara. Adalah penting sekali bagi kerajaan meyakinkan rakyat berbilang kaum bahawa BN berupaya menjaga kepentingan mereka dan seterusnya kerajaan dapat menumpukan sepenuh perhatian mereka kepada perkembangan ekonomi negara.

Kerajaan BN telah berusaha untuk menyampaikan mesej tersebut bahawa:-

1. Rakyat mesti bertoleransi dan berkompromi antara kumpulan-kumpulan etnik untuk mengelakkan dari etnik violence.

2. Untuk mengurangkan hostiliti antara kumpulan etnik, tumpuan diberi kepada perkembangan ekonomi, "unhindered by an excess of politicking" sehingga suatu ketika taraf ekonomi kaum Bumiputra adalah sama dengan kaum lain.

3. Oleh kerana kumpulan etnik yang dapat merasa tidak puashati, maka satu sistem politik yang akomodatif mesti diadakan supaya mencapai kestabilan negara.

Adalah sukar untuk menentukan sejauh mana mesej tersebut telah diserap dan diinternalizekan oleh rakyat Malaysia. Generasi pemimpin politik masih committed dengan politik akomodatif multi-etnik dan pilihanraya umum tahun 1974, 1978, 1982 dan 1986 telah jelas menunjukkan BN masih mendapat sokongan dari orang ramai terutamanya pilihanraya baru-baru ini di mana BN mendapat lebih daripada dua per tiga majoriti yang Perdana Menteri sendiri tidak menjangka kemenangan yang begitu memuaskan.

## BAB 4

## PENGANALISAAN MIKRO HUBUNGAN ETNIK PEKERJA

Bab berikut akan menganalisa pola interaksi secara mikro di kalangan pekerja-pekerja kilang dan pasaraya. Perbandingan dibuat antara suasana tempat kerja yang membolehkan pekerja bergaul dan berhubungan antara satu sama lain dan keadaan yang mewujudkan hubungan yang minima. Enam puluh responden telah dipilih iaitu 30 pembantu jualan dan 30 pekerja shopfloor kilang. Tujuan kajian adalah menguji hipotesis bahawa kekerapan berhubung dan masa berinteraksi mempengaruhi jarak sosial dan sikap prejudis seseorang.

Interaksi antara pekerja-pekerja dari kaum yang berlainan dalam status pekerjaan yang sama dapat menggambarkan corak pakaian dan makanan yang berbagai-bagai, penggunaan bahasa yang berbeza-beza dan lain-lain corak budaya. Pekerja-pekerja dari latarbelakang yang berlainan ini bergaul dan menyesuaikan diri mereka dengan kebudayaan kaum lain. Maka adalah benar untuk mengatakan bahawa akomodasi sering berlaku di tempat bekerja.

Selama tiga minggu yang pengkaji dapat perhatikan di setiap tempat kajian, didapati bahawa pekerja-pekerja cenderung membentuk "clique" di kalangan mereka dari kumpulan etnik yang sama. Pembentukan "clique" berasaskan etnisiti adalah disebabkan kesedaran identiti kumpulan dan bertujuan menggunakan etnisiti sebagai satu alat perlindungan

di kalangan pekerja-pekerja yang sama kaum supaya mewujudkan rasa dipunyai dan menjaga kepentingan kaum masing-masing.

Keadaan begini jelas didapati di tempat kajian pasaraya di mana kumpulan pekerja Melayu, Cina dan India masing-masing mempunyai "clique" sendiri. Perhubungan antara kaum amat tegang sekali dengan kewujudan batasan etnik begini. Maka wujud rasa "we" dan "they" yang digunakan untuk menjaga kepentingan kumpulan sendiri dan untuk menghapuskan ketidaksamaan di kalangan pekerja.

Perhubungan antara kaum di kalangan pekerja-perkerja "shopfloor" kilang tidak begitu tegang sepertimana di tempat kajian pasaraya. Sungguhpun keadaan kerja mereka tidak membenarkan mereka mempunyai hubungan yang begitu kerap, namun, clique-clique pekerja tidak ketara sangat. Mereka dapat bercampur-gaul dengan kesemua kumpulan etnik tetapi masa untuk berbuat demikian memang terhad sahaja kerana corak pekerjaan tidak membenarkan mereka bercakap semasa bekerja. Jadi mereka jarang berhubungan kecuali semasa waktu makan dan rihat.

Teknik yang digunakan untuk menganalisa pola interaksi adalah berasaskan kepada tingkah-laku (action), kognisi dan perasaan responden-responden. Jenis ukuran yang diambil dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ukuran interaksi dan ukuran jarak sosial.

## 4.1 Ukuran Interaksi

Dalam mengukur kekerapan responden mengadakan hubungan antara satu sama lain, ditanya kekerapan mereka melawat dan menjemput rakan-rakan semasa perayaan dan bukan perayaan serta kekerapan mereka

meluangkan masa bersama kaum lain seperti menghadiri jamuan atau parti, membeli-belah, bersukan, menonton wayang, berkelah dan lain-lain aktiviti rekreasi. Jawapan-jawapan yang diberi oleh responden akan diberi markah satu hingga empat untuk empat jenis jawapan yang disediakan:

| | | | |
|---|---|---|---|
| Tidak pernah | = | 1 | |
| Jarang | = | 2 | (sekali dalam 3 bulan) |
| Kadang-kadang | = | 3 | (sekali dalam sebulan) |
| Selalu | = | 4 | (sekali dalam seminggu). |

Dengan markah-markah yang dikumpulkan oleh seseorang responden, maka dapat ditentukan sama ada ia seorang interaktor tinggi, sederhana atau rendah sepertimana yang ditunjukkan di bawah:

| Kategori Interaktor | Jumlah Markah |
|---|---|
| Interaktor tinggi | 16, 17, 18, 19, 20 |
| Interaktor sederhana | 11, 12, 13, 14, 15 |
| Interaktor rendah | 6, 7, 8, 9, 10 |

Jadual 4.1: Jenis Interaktor Responden-responden Kilang

| | Interaktor T. | Interaktor S. | Interaktor R. |
|---|---|---|---|
| Melayu (N = 16) | 7 (43.8%) | 5 (31.2%) | 4 (25.0%) |
| Cina (N = 14) | 5 (35.7%) | 6 (42.9%) | 3 (21.4%) |
| Jumlah (N = 30) | 12 (40.0%) | 11 (36.7%) | 7 (23.3%) |

Merujuk kepada Jadual 4.1, didapati bahawa pekerja-pekerja kilang mempunyai hubungan erat. Majoriti dari mereka mempunyai score yang tinggi iaitu 12 responden (40%) interaktor tinggi dan 11 responden (36.7%) lagi interaktor sederhana. Responden selainnya, 7 orang (23.3%) berupa interaktor yang rendah sekali. Pekerja-pekerja kilang pada keseluruhannya dapat bercampurgaul dengan mesra tetapi hanya masa yang menyekat pergaulan mereka kerana pekerjaan mereka memerlukan perhatian penuh dan suasana kilang yang bising.

Hampir kesemua responden sekurang-kurangnya pernah melawat rakan-rakan Melayu atau Cina semasa hari perayaan tetapi jarang keluar bersiar-siar kecuali hari minggu. Ini mungkin disebabkan keletihan selepas sehari suntuk bekerja di depan mesin. Dari perbualan pengkaji dengan responden, didapati bahawa pekerja-pekerja sering mengelolakan rombongan bulanan untuk berkelah atau mendaki Bukit Larut, dan ahli-ahli rombongan terdiri dari pekerja berbagai-bagai kaum kilang tersebut. Tindakan mereka yang menggambarkan solidariti amat digalakkan untuk mewujudkan pemahaman yang lebih baik antara budaya yang berlainan di Malaysia dan seterusnya mengurangkan batasan etnik.

Satu perkara yang menarik perhatian telah berlaku pada hari pertama pengkaji mula bekerja. Pengkaji yang baru berkenalan dengan seorang gadis Melayu telah dijemput untuk menghadiri kenduri perkahwinannya minggu berikutnya. Juga didapati kesemua rakan sekerja juga dijemput bersama dan setiap daripada kami menyumbang sedikit wang untuk membeli hadiah untuknya. Kenduri tersebut diadakan secara sederhana sahaja tetapi tetamu dari berbagai-bagai kaum telah hadir, tidak ketinggalan rakan-rakan di kilang juga.

Jadual 4.2: Jenis Interaktor Responden-responden Pasaraya

| | Interaktor T | Interaktor S | Interaktor R |
|---|---|---|---|
| Melayu (N = 20) | 6 (30.0%) | 5 (25.0%) | 9 (45.0%) |
| Cina (N = 10) | 1 (10.0%) | 5 (50.0%) | 4 (40.0%) |
| Jumlah (N = 30) | 7 (23.3%) | 10 (33.3%) | 13 (43.4%) |

Sungguhpun keadaan pekerjaan di pasaraya memberi peluang kepada pekerja-pekerjanya untuk bergaul semasa bekerja, namun didapati majoriti dari mereka adalah interaktor rendah iaitu 9 (45%) responden Melayu dan 4 (40%) responden Cina. Pada keseluruhannya, 43.4% interaktor rendah, 10 (33.3%) interaktor sederhana dan 7 (23.3%) interaktor tinggi sahaja.

Pada masa bukan perayaan responden-responden jarang melawat atau menjemput rakan-rakan manakala markah interaktor adalah hasil dari aktiviti rekreasi serta lawatan dan jemputan semasa perayaan. Hanya seorang sahaja (10%) responden Cina yang mendapat markah interaktor tinggi berbanding dengan enam responden (30%) Melayu. Di kalangan responden Melayu, majoriti adalah interaktor rendah, 9 responden (45%) manakala di kalangan responden Cina pula adalah interaktor sederhana 5 responden (50%).

Pola interaksi dipengaruhi oleh dua variabel utama iaitu latarbelakang dan environmen pekerjaan. Penganalisaan latarbelakang dapat dilihat dari segi status sosio-ekonomi dan pendedahan (exposure) responden terhadap lain-lain kaum, seperti jenis aliran sekolah, bahasa

digunakan, jenis jiran dan kegiatan dalam persatuan atau kelab. Dalam melihat environmen pekerjaan responden, ciri-ciri yang patut diambilkira adalah kedekatan (proximity), suasana bekerja, jenis pekerjaan, masa rihat, sikap rakan sekerja dan sikap majikan sama ada pilih kasih atau tidak. Tempat kajian yang mempunyai ciri-ciri environmen pekerjaan yang berlainan ini dipilih untuk menunjukkan kesan environmen pekerjaan atas pola interaksi pekerja-pekerjanya.

4.1.1 Latarbelakang

(i) Status Sosio-ekonomi

Status sosio-ekonomi di kalangan responden-responden pada kedua-dua tempat kajian adalah hampir sama iaitu ramai yang datang dari kampung dan pekan yang berhampiran; umur mereka dalam lingkungan 21 - 30 tahun dan kebanyakan mereka masih bujang; pendapatan bulanan mereka tidak melebihi $400, kecuali penyelia dan foreman.

Jadual 4.3: Taraf Pelajaran Responden-responden Kilang

| | Darjah 6 | SRP | SPM/Vok. | STPM |
|---|---|---|---|---|
| Melayu | 1 ( 6.2%) | 9 (56.3%) | 6 (37.5%) | - |
| Cina | 2 (14.3%) | 8 (57.1%) | 4 (28.6%) | - |

Jadual 4.4: Taraf Pelajaran Responden-responden Pasaraya

| | Darjah 6 | SRP | SPM/Vok. | STPM |
|---|---|---|---|---|
| Melayu | - | 3 (15%) | 15 (75%) | 2 (10%) |
| Cina | - | 2 (20%) | 7 (70%) | 1 (10%) |

Satu perbezaan yang ketara antara responden kedua-dua tempat kajian adalah taraf kelulusan pelajaran. Responden kilang majoritinya lulus peringkat SRP sahaja (9 orang atau 56.3% Melayu dan 8 orang atau 57.1% Cina) dan yang berkelulusan lebih tinggi iaitu taraf SPM atau vokasional (kilang tersebut mengambil ramai pekerja dari sekolah vokasional) iaitu 6 responden (37.5%) Melayu dan 4 responden (28.6%) Cina. Ada juga responden yang menerima pelajaran sehingga darjah enam sahaja atau kurang atas sebab-sebab kewangan atau peribadi.

Oleh kerana salah satu syarat penerimaan pekerja di pasaraya adalah sekurang-kurangnya kelulusan SRP, maka didapati majoriti dari responden mencapai taraf pelajaran tingkatan 5, 15 responden Melayu (75%) dan 7 responden Cina (70%) dan sebilangan kecil sahaja pada taraf STPM 3 orang (10%) iaitu beberapa orang penyelia. Taraf pelajaran responden-responden pasaraya pada keseluruhannya lebih tinggi dari responden-responden kilang.

Merujuk kepada data ukuran interaksi yang menggambarkan pola interaksi yang lebih tinggi di kalangan responden kilang berbanding dengan responden pasaraya, dapat dikatakan bahawa status sosio-ekonomi,

terutamanya taraf pelajaran, yang rendah akan menghasilkan pola interaksi yang lebih tinggi daripada mereka yang berstatus tinggi. Maka hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa taraf pelajaran yang tinggi tidak semestinya membentuk seorang interaktor yang tinggi juga, malah akan meningkatkan ketegangan dan konflik, kerana pemikiran mereka yang lebih kritikal. Pendekata, taraf sosio-ekonomi sedikit sebanyak akan mempengaruhi jenis interaktor seseorang itu, tetapi tidak boleh dinafikan bahawa faktor sosialisasi juga memainkan peranan penting.

(ii) Pengaruh Sosialisasi

Dalam melihat pengaruh jenis aliran pelajaran ke atas pola interaksi, boleh menguji hipotesis yang mengatakan bahawa responden yang belajar di sekolah yang segregated mempunyai pola interaksi yang lebih rendah daripada mereka yang bersekolah berbagai kaum. Keputusan yang didapati menyokong hipotesis tersebut.

Jadual 4.5: Jenis Aliran Pelajaran Yang Diterima

| | Kilang (N=30) | | Pasaraya (N=30) | |
|---|---|---|---|---|
| | Sekolah aliran Kebangsaan | Sekolah aliran cina | Sekolah aliran Kebangsaan | Sekolah aliran Cina |
| Melayu | 16 (100%) | - | 20 (100%) | - |
| Cina | 9 (64.3%) | 5 (35.7%) | 3 ( 30%) | 7 (70%) |

Jika dibandingkan bilangan responden Cina yang menerima pelajaran aliran kebangsaan dari kedua-dua tempat kajian, didapati bahawa majoritinya 9 (64.3%) responden kilang manakala hanya 3 (30%) sahaja responden

pasaraya. Oleh kerana pertuturan bahasa Mandarin merupakan satu kelebihan kepada pekerjaan seseorang pembantu jualan, maka 7 responden (70%) dari sekolah aliran Cina. Untuk responden Melayu pula, kesemua dari mereka mendapat aliran pelajaran kebangsaan di mana pelajar-pelajar terdiri dari berbagai kaum.

Hipotesis di atas terbukti benar dalam kajian ini kerana mungkin pada masa persekolahan lagi, responden telah didedahkan kepada pelajar-pelajar dari kaum lain, maka sewaktu bekerja, mereka tidak akan ragu-ragu untuk berkawan dengan lain-lain kaum juga. Maka segregasi dari segi persekolahan mempunyai pengaruh dalam menentukan pola interaksi sekumpulan masyarakat atau individu.

Dari segi bahasa yang digunakan oleh responden-responden semasa di rumah dan semasa bekerja, dapat dibahagikan penggunaannya kepada bahasa utama dan bahasa lain. Pada amnya, mereka akan berbahasa dalam "mother tongue" semasa di rumah kerana menjadi norma masyarakat masing-masing. Bahasa lain yang sering digunakan semasa di rumah adalah bahasa Inggeris iaitu 9 (30%) responden kilang dan 12 (40%) responden pasaraya.

Jadual 4.6: Pertuturan Bahasa Lain Di rumah Oleh Responden Kilang

| | Bahasa Inggeris | Bahasa Malaysia | Bahasa Cina |
|---|---|---|---|
| Melayu (N=16) | 6 (37.5%) | 10 (62.5%) | - |
| Cina (N=14) | 3 (21.4%) | 4 (28.6%) | 7 (50%) |
| Jumlah (N=30) | 9 (30%) | 14 (46.7%) | 7 (23.3%) |

Jadual 4.7: Pertuturan Bahasa Lain Di Rumah Oleh Responden Pasaraya

| | Bahasa Inggeris | Bahasa Malaysia | Bahasa Cina |
|---|---|---|---|
| Melayu (N=20) | 9 (45%) | 10 (50%) | 1 (5%) |
| Cina (N=10) | 3 (30%) | 1 (10%) | 6 (60%) |

Salah seorang responden Melayu pasaraya fasih dalam dialect Hokkien kerana pihak matrilinealnya adalah kaum Cina dan sejak dari kecil lagi, ia telah diajar bahasa Cina. Hasil dari amalgamasi ini, responden tersebut fasih dalam kedua-dua, bahasa Malaysia dan bahasa Cina. Sebilangan besar responden Cina di kedua-dua tempat kajian juga berbahasa Malaysia di rumah hasil dari proses assimilasi daripada rakan-rakan dan sekolah.

Adalah menjadi kebiasaan untuk bertutur dalam bahasa "mother tongue" kecuali keadaan tertentu seperti di sekolah dan tempat bekerja. Ramai di antara responden Cina fasih dalam bahasa Malaysia kerana sewaktu persekolahan dahulu subjek-subjek telah diajar dalam bahasa Malaysia dan penggunaannya amat digalakkan oleh kerajaan.

Bahasa Malaysia lebih digunakan di kalangan pekerja kilang semasa kaum Cina berhubung dengan rakan-rakan Melayu. Tetapi terdapat pada responden Melayu yang berminat mempelajari bahasa Cina (Hokkien) dan mereka tidak malu bertutur sungguhpun ditertawakan. Proses akulturasi ini adalah satu tanda positif kepada pencapaian perpaduan.

Responden Cina di pasaraya pula majoritinya bertutur dalam bahasa Malaysia dan bahasa Cina. Apabila berhubung dengan rakan dan pelanggan bukan Cina serta majikan, mereka akan bertutur dalam bahasa Malaysia tetapi tidak pula apabila di kalangan rakan-rakan dan pelanggan Cina. Satu perkara yang jelas ialah bahasa yang digunakan oleh mereka adalah bahasa Malaysia sebenarnya dan bukan bahasa pasar yang sering digunakan di kalangan responden Cina kilang. Ini adalah kerana kebanyakan dari mereka mempelajari bahasa tersebut dari sekolah dan jarang dari ibu bapa dan rakan-rakan. Pertuturan dalam bahasa Malaysia formal ini menunjukkan bahawa interaksi mereka dengan responden Melayu juga terhad kepada keadaan formal sahaja.

Kebanyakan responden berasal dari kampung-kampung dan pekan-pekan berhampiran dan sebilangan besar dari mereka tinggal di tempat perumahan kos rendah yang tidak segregated di mana mereka dapat menjalin perhubungan erat dan menanam semangat kejiranan yang kuat.

Merujuk kepada Jadual 4.7, didapati hanya 2 orang responden Melayu dan seorang responden Cina dari kilang yang pernah tinggal di kawasan perjiranan yang segregated dari kaum lain. Jika dibandingkan corak kejiranan responden dari kedua-dua tempat kajian, jelas bahawa majoriti dari mereka pernah berjiran dengan kaum lain untuk tempuh 1 - 5 tahun, iaitu 43.3% dari jumlah responden kilang dan 36.7% dari responden pasaraya.

Jadual 4.8: Kekerapan Berjiran Dengan Kaum Lain - Kilang

| | Tidak pernah | Kurang 1 tahun | 1-5 tahun | Lebih 5 tahun |
|---|---|---|---|---|
| Melayu (N=16) | 2 (12.5%) | 4 (25%) | 7 (43.7%) | 3 (18.8%) |
| Cina (N=14) | 1 ( 7.1%) | - | 7 (50%) | 6 (42.9%) |
| Jumlah (N=30) | 3 (10%) | 4 (13.3%) | 14 (46.6%) | 9 (30%) |

Jadual 4.9: Kekerapan Berjiran dengan Kaum Lain - Pasaraya

| | Tidak pernah | Kurang 1 tahun | 1-5 tahun | Lebih 5 tahun |
|---|---|---|---|---|
| Melayu (N=20) | 1 (5%) | 5 (25%) | 8 (40%) | 6 (30%) |
| Cina (N=10) | - | 7 (70%) | 3 (30%) | - |
| Jumlah (N=30) | 1 (3.3%) | 12(40%) | 11 (36.7%) | 6 (20%) |

Akan tetapi dalam memerhatikan jangkamasa 1-5 tahun berjiran dengan kaum lain, peratus responden kilang melebihi responden pasaraya iaitu antara responden Melayu kilang seramai 18.8% dan 42.9% responden Cina. Hanya 30% responden Melayu pasaraya yang pernah berjiran dengan kaum Cina dan tiada seorangpun responden Cina yang pernah berjiran dengan kaum Melayu.

Pengaruh jiran juga penting dalam membentuk jenis interaktor, sama ada tinggi, sederhana atau rendah. Jika seseorang itu telah lama berhubungan dengan jiran yang heterogeneus, maka ia akan lebih sanggup berhubungan dengan individu dari berbagai kaum pada situasi lain kerana

proses sosialisasinya telahpun mempunyai ciri-ciri pergaulan antara kaum. Ini seterusnya akan mengurangkan batasan etnik dan dapat menghapuskan konflik antara kaum.

Jadual 4.10: Jenis Persatuan - Kilang

| Jenis persatuan | Satu kaum | Lebih 1 kaum | Tiada |
|---|---|---|---|
| Melayu (N=16) | 2 (12.5%) | 3 (18.8%) | 11 (68.7%) |
| Cina (N=14) | 1 ( 7.1%) | 4 (28.6%) | 9 (64.3%) |
| Jumlah (N=30) | 3 (10%) | 7 (23.3%) | 20 (66.7%) |

Jadual 4.11: Jenis Persatuan - Pasaraya

| Jenis persatuan | Satu kaum | Lebih 1 kaum | Tiada |
|---|---|---|---|
| Melayu (N=20) | 2 (10%) | 11 (55%) | 7 (35%) |
| Cina (N=10) | 2 (20%) | 5 (50%) | 3 (30%) |
| Jumlah (N=30) | 4 (13.3%) | 16 (53.4%) | 10 (33.3%) |

Kedua-dua responden Melayu dan Cina dari kilang yang menjadi ahli persatuan atau kelab kebanyakannya institusi yang mengandungi ahli-ahli lebih dari satu kaum seperti kelab-kelab rekreasi, pergerakan belia, kelab sukan, koperasi dan lain-lain.

23.3% dari jumlah responden kilang yang menjadi ahli persatuan yang ahli-ahlinya melebihi satu kaum dan hanya 10% pula dalam persatuan

berahli satu kaum seperti pergerakan politik, persatuan agama dan persatuan dialect Cina, manakala selainnya, 66.7% tidak bergiat dalam apa-apa persatuan. Berbanding dengan responden-responden pasaraya di mana 13.3% menjadi ahli persatuan satu kaum, 53.4% yang lebih dari satu kaum dan 33.3% bukan ahli bagi mana-mana persatuan.

Pengkaji telah mendapati bahawa salah satu persatuan yang responden pasaraya memasuki adalah sebagai 'ahli tidur' sahaja tanpa menghadiri apa-apa mesyuarat atau aktiviti. Maka keahlian mereka adalah secara nama sahaja dan tidak boleh dipertimbangkan keaktifan mereka dalam sesebuah persatuan manakala lain-lain persatuan dan kelab terutamanya kelab rekreasi memainkan peranan penting dalam mengumpul ahli-ahli dari berbagai kaum. Dengan pendedahan responden-responden kepada ahli-ahli dari kaum lain, akan meningkatkan keinginan mereka untuk berinteraksi dengan rakan-rakan yang berlainan kaum dan bukan hanya bergaul dengan ahli-ahli kaum sendiri sahaja.

Latarbelakang merupakan faktor utama dalam mempengaruhi pola interaksi seseorang individu kerana kesan dari status sosio-ekonomi dan pendedahan yang diterima semasa proses sosialisasi sejak dari kecil lagi.

### 4.1.2 Environmen Pekerjaan

Menurut teori "reflexive conversion" yang dikemukakan oleh Glaser dalam artikel Dynamics of Ethnic Identification, perasaan seseorang terhadap kaum lain, hasil dari proses sosialisasi, akan berubah disebabkan oleh interaksi kini tetapi ia juga bergantung

kepada environmen interaksi sama ada yang menggalakkan atau yang menyekatnya dari berinteraksi. Seterusnya dari pengalaman interaksi tersebut, individu akan membuat generalisasi dan memilih jenis rakan berdasarkan kaum tertentu dan akhirnya akan mengubah ideologi etnik dan sikap terhadap kaum lain sama ada kepada yang lebih baik atau sebaliknya.

Dalam membincangkan jenis environmen pekerjaan responden, tumpuan diberi kepada jenis pekerjaan, suasana dan kedekatan pekerjaan, kepelbagaian pekerjaan dan sikap majikan terhadap pekerja-pekerja yang heterogeneus. Maklumat-maklumat dari aspek ini didapati berasaskan pemerhatian-penyertaan pengkaji dan juga dari informan.

Terdapat perbezaan yang jauh sekali antara jenis pekerjaan responden di kilang dan di pasaraya. Seseorang pekerja di kilang terpaksa menumpukan sepenuh perhatian kepada mesin di hadapannya kerana tangan responden terpaksa memusing-musingkan alat tersebut dan jika tidak berhati-hati jadi akan tercedera.[1] Maka pekerja-pekerja biasanya tidak mempunyai peluang untuk berbual-bual dengan rakan sekerja di sebelahnya. Mereka hanya dapat bergaul semasa waktu makan dan rihat kerana telah disediakan sebuah bilik rihat masing-masing untuk lelaki dan perempuan. Di situ, diperhatikan bahawa mereka akan minum dan makan sambil bergurau tanpa mengira kaum. Topik-topik tentang pakaian,

[1]Selama 3 minggu yang pengkaji perhatikan, dua orang pekerja telah tercedera tetapi tidak parah kerana memakai sarung tangan yang tebal.

rakan lelaki, rancangan TV, lagu-lagu pop, dan barangan jualan murah, adalah antara topik-topik utama perbualan mereka.

Corak pekerjaan pembantu jualan di pasaraya lebih menggalakkan pergaulan antara responden-responden. Sepertimana yang dapat diperhatikan, jika tiada pelanggan, terutamanya hari hujan, mereka akan berkumpul dan berbual-bual sambil bergelak-ketawa. Tetapi yang jelas adalah pengumpulan adalah bercorak komunal di mana hanya terdapat seorang dua sahaja ahli-ahli dari kaum lain yang bergaul dengan kumpulan dominan. Keadaan ini menggambarkan berlakunya polarisasi pada peringkat pekerja-pekerja di suatu tempat pekerjaan dan mewujudkan ketegangan pada perhubungan mereka. Secara tidak langsung ini juga menggambarkan keadaan polarisasi di kalangan masyarakat Malaysia pada keseluruhannya. Namun begitu, pada keadaan tertentu yang memerlukan interaksi antara ketiga-tiga kaum, interaksi bukan bercorak komunal akan muncul, contohnya semasa pemeriksaan stok dan semasa mesyuarat.

Suasana yang bising di tempat bekerja juga menyebabkan responden-responden kilang kurang berhubungan antara satu sama lain, berbanding dengan suasana di pasaraya yang bermuzik dan berhawa dingin. Manakala pekerja-pekerja kilang ditempatkan agak berjauhan antara satu sama lain, pembantu-pembantu jualan bebas bergerak di seluruh pasaraya. Sungguhpun suasana yang menggalakkan, namun pola interaksi antara kaum di pasaraya masih lebih rendah berbanding dengan pola interaksi di kilang.

Daripada hasil pemerhatian pengkaji, didapati bahawa dengan pertambahan peluang berinteraksi itu telah meningkatkan lagi ketegangan antara kaum. Ini dipengaruhi pula oleh kelakuan setengah pekerja yang

dianggap tidak senonoh dan dibenci oleh kaum lain lalu digeneralisasikan kepada seluruh kaum tersebut. Keadaan ini jelas berlaku di pasaraya kerana dengan pembentukan clique-clique, mereka akan "gossip" tentang keburukan orang lain dan ini akan memperkuatkan lagi identiti etnik mereka.

Jenis pekerja-pekerja dari latarbelakang yang berlainan juga membolehkan pekerja-pekerja berbagai kaum berinteraksi. Nisbah pekerja-pekerja berdasarkan kaum Melayu, Cina dan India di kilang adalah 4:4:2 manakala di pasaraya pula 4:3:3. Maka nisbah pekerja Melayu dan Cina yang hampir sama di kedua-dua tempat kajian telah menyamakan faktor kepelbagaian kaum pekerja sebagai faktor yang mempengaruhi pola interaksi kerana di kedua-dua tempat tersebut, pekerja-pekerja mempunyai peluang berinteraksi yang sama dengan rakan-rakan sekerja berbagai kaum.

Sikap majikan juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pola interaksi yang wujud di sesuatu tempat pekerjaan. Jika majikan hanya mengambil pihak kaum tertentu, maka akan timbul ketidakpuasan di kalangan pekerja-pekerja dan mewujudkan konflik. Tetapi jika majikan tidak pilih kasih dan berlaku adil kepada semua pekerja tanpa mengira kaum pekerja-pekerja akan menghargai layanan baik tersebut dan menghormati pihak majikan.

Ketegangan antara kaum yang wujud sepertimana di pasaraya adalah hasil dari ketidakpuasan pekerja-pekerja terhadap sikap majikan yang dianggap tidak adil. Oleh kerana mereka tidak dapat mengubah sikap majikan, pekerja-pekerja tersebut melepaskan kekecewaan mereka atas kaum lain yang nampaknya menjadi scapegoat atas sikap prejudis

mereka. Ini akan mengubah kelakuan dan kognisi terhadap kaum tersebut secara keseluruhannya.

Berbanding dengan pasaraya, pihak majikan kilang memberi layanan yang lebih adil kepada para pekerjanya. Maklumat-maklumat dari informan menunjukkan bahawa salah seorang pekerja yang sudah tamat tempoh 'probation' sepatutnya diberhentikan kerana telah merosakkan banyak alat-alat. Tetapi pihak majikan bersimpati dengan keluarga besar yang terpaksa ditanggungnya lalu meningkatkan tempoh 'probation'nya supaya memberi peluang kepadanya sekali lagi.

Apabila ditanya secara sambil lalu tentang layanan yang diberi oleh majikan, responden-responden Melayu menyanjung tinggi pihak majikan kerana permintaan-permintaan mereka selalu dipertimbangkan. Misalnya, permintaan mereka untuk memulakan pekerjaan setengah jam lebih awal supaya pekerja-pekerja wanita Melayu dapat pulang memasak untuk berbuka puasa. Pihak majikan telah bersetuju dan dalam satu bulan Ramaddan tersebut bahagian shopfloor bermula pada 8 pagi dan pulang pada 5 petang. Pekerja-pekerja Melayu juga pernah memberi hadiah Tahun Baru Cina berbentuk sekeping kad dan sebuah kotak menyimpan kertas tisu, kepada pengurus kilang. Hubungan mereka dengan penyelia Cina juga sangat rapat kerana setiap kali penyelia pulang ke Pulau Pinang, ia akan membeli jeruk buah pala kesukaan gadis-gadis Melayu untuk mereka.

Dalam memerhatikan pengaruh kelima-lima faktor environmen pekerjaan dalam kilang dan pasaraya, didapati bahawa sungguhpun jenis, suasana dan kedekatan pekerjaan di pasaraya menggalakkan interaksi antara pekerja-pekerjanya, namun terdapat lebih ramai interaktor

tinggi (40%) dan interaktor sederhana (36.7%) di kalangan responden kilang berbanding dengan responden pasaraya, 23.3% interaktor tinggi dan 33.3% interaktor sederhana. Tetapi terdapat seramai 43.4% interaktor rendah di pasaraya jika dibanding dengan 23.3% di kilang.

Boleh dibuat kesimpulan bahawa ketiga-tiga variabel ini tidak memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pola interaksi pekerja-pekerja di kedua-dua tempat kajian. Jenis dan suasana pekerjaan yang menggalakkan pergaulan tidak semestinya mewujudkan pola interaksi yang positif. Sebaliknya jika terdapat kecenderungan membentuk "clique" di tempat kerja, maka pengaruhnya akan lebih kuat dari ketiga-tiga variabel tersebut. Boleh juga dikatakan bahawa corak pekerjaan membolehkan pekerja-pekerja bebas bergerak dan suasana yang nyaman telah menyebabkan pekerja-pekerja suka bercakap tentang hal orang lain, terutamanya rakan sekerja yang tidak disukai. Ini akan meningkatkan lagi batasan etnik tambahan lagi dengan sikap tidak suka bergaul dengan kaum lain hasil dari proses sosialisasi. Proses identifikasi dari segi psikologikal dalam pembentukan clique akan menyebabkan ahli kaum lain susah menembusi batasan etnik dan seterusnya boleh mewujudkan ketegangan.

Responden-responden yang asyik bekerja sahaja dalam suasana bising dan panas, sebaliknya, mempunyai hubungan yang lebih erat dengan rakan-rakan sekerja termasuk yang berlainan kaum. Ini adalah kerana semasa waktu berihat, tiada hiburan lain kecuali bergurau tanpa mengira kaum. Tambahan lagi mereka terpaksa mengongsi sebuah bilik rihat yang sama. Corak pergaulan begini dapat mewujudkan perpaduan dan kerjasama antara pekerja-pekerja dan seterusnya meningkatkan produktiviti.

4.2 Ukuran Jarak Sosial

Jarak sosial sebagai pengukur toleransi individu terhadap kaum lain wujud kerana kesedaran kaum atau etnocentrism. Melalui penganalisaan data-data yang dikumpul, dapat dibuktikan bahawa pola interaksi akan mempengaruhi jarak sosial di kalangan responden-responden. Jarak sosial diukur dari segi kesanggupan responden mengadakan hubungan tertentu dengan ahli kaum lain: berkahwin, makan bersama, bekerja bersama, berjiran, sebagai kawan karib dan kawan setakat bercakap-cakap sahaja serta sebagai ahli sesebuah persatuan.

Data-data di Jadual 4.12 menunjukkan bahawa semua responden Melayu kilang setuju dengan perkahwinan campur manakala 20% daripada responden Melayu pasaraya tidak setuju. Bilangan mereka yang sangat setuju 2 responden (12.5%) dan setakat setuju 4 (25%) di kalangan responden Melayu kilang melebihi bilangan 10% daripada responden di kilang. Ini jelas menunjukkan bahawa interaktor rendah mempunyai toleransi yang rendah juga.

Bagi responden Melayu, perkahwinan antara kaum tidak menjadi masalah asalkan terdapat kasih-sayang dan pihak bukan Melayu sanggup memeluk agama Islam. Kata mereka lagi, masyarakat Melayu tidak peduli sangat tentang perkara perkahwinan campur ini, malah digalakkan oleh setengah keluarga Melayu. Didapati bahawa salah seorang daripada responden Melayu mempunyai ibu bangsa Cina sementara dua orang lagi mempunyai rakan lelaki Cina.

Jadual 4.12: <u>Kesanggupan Dalam Perkahwinan Campur</u>

| | Kilang | | | | | Pasaraya | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Melayu | 2 (12.5%) | 4 (25%)) | 10 (62.5%) | | - | 2 (10.0%) | 2 (10.0%) | 12 (60.0%) | 4 (20.0%) | - |
| Cina | - | 2 (14.3%) | 10 (71.4%) | 2 (14.3%) | - | - | 2 (20.0%) | 4 (40.0%) | 1 (10.0%) | 3 (30.0%) |

Petunjuk:-

1 = Sangat setuju
2 = Setuju
3 = Tidak mengapa
4 = Tidak setuju
5 = Tidak setuju samasekali

Sebaliknya, responden-responden Cina dari kedua-dua tempat majoritinya tidak setuju, dengan 14.3% responden kilang dan 20% responden pasaraya. Tiga puluh peratus dari responden pasaraya tidak setuju sama sekali dengan alasan ibubapa melarang, dan ketidaksesuaian amalan agama dan makanan. Namun terdapat 71.4% responden kilang dan 40% responden pasaraya yang berfikiran lebih liberal sanggup berkahwin dengan kaum lain.

Maka boleh dibuat kesimpulan bahawa institusi budaya tidak sepadan dari segi makanan dan agama akan mengurangkan interaksi antara kaum dan seterusnya menyekat proses assimilasi (amalgamasi) dari berlaku.

Apabila ditanya kesanggupan responden makan bersama dengan kaum lain dalam restoran yang sama, majoriti responden tidak setuju manakala responden Cina tidak mempunyai tentangan. Hanya 4 orang (20%) responden Melayu pasaraya yang sanggup tetapi 8 orang (40%) dari mereka kuat menentang, kerana pada pendapat mereka makanan orang Cina tidak suci dan dicemar oleh daging babi yang dianggap haram oleh agama Islam. Akan tetapi ada seorang responden Melayu yang mengatakan bahawa ia sukakan makanan Cina dan ia biasanya makan di restoran ketika masih panas. Ada pula yang membungkusnya kerana takutkan pinggan mangkuk yang tercemar.

**Jadual 4.13: Kesanggupan Makan Bersama Dalam Restoran Sama**

| | Kilang | | | | | Pasaraya | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Melayu | 1 (6.2%) | 3 (18.8%) | 8 (50.0%) | 2 (12.5%) | 2 (12.5%) | - | 4 (20.0%) | 8 (40.0%) | 8 (40.0%) | - |
| Cina | - | 6 (42.9%) | 8 (57.1%) | - | - | - | 4 (40.0%) | 6 (60.0%) | - | - |

Kesemua responden Cina sanggup makan bersama dengan orang Melayu di restoran yang sama malah beberapa orang responden dikatakan selalu mengunjung salah satu restoran yang terkenal dengan nasi berianinya. Terdapat pula setengah responden yang meminta rakan-rakan Melayu mengajarnya memasak rendang ayam yang digemarinya. Satu lagi proses penyerapan budaya adalah di mana orang-orang Melayu masa kini pandai buat kuih pau yang pada tradisinya makanan kaum Cina. Proses akulturasi ini adalah hasil dari galakan DEB untuk kaum Bumiputra berniaga.

Interaktor yang lebih toleran dengan nilai-nilai budaya kaum lain dan yang sanggup menyesuaikan diri mereka untuk memenuhi kehendak sendiri dan orang lain. Proses akomodasi dan akulturasi dari segi ini semakin kerap didapati di kalangan generasi muda, terutamanya di bandar-bandar besar, yang tidak begitu kuat mengamalkan kod-kod agama Islam kerana pada pendapat mereka asalkan tempat dan makanan ditanggung halal, maka ia dianggap sesuai.

Seperti yang dijangkakan, responden pasaraya pada keseluruhannya tidak suka bekerja dengan kaum lain kecuali 3 (15%) responden Melayu dan 3 (30%) responden Cina yang sanggup bekerja bersama rakan sekerja kaum berlainan. Pola interaksi yang tinggi di kalangan responden kilang telah menyebabkan kadar toleransi yang lebih tinggi dengan 10 (62.5%) dan 7 (50%) responden Melayu dan Cina masing-masing setuju manakala 6 (37.5%) responden Melayu dan 6 (42.9%) responden Cina yang menjawab 'tidak mengapa'.

Jadual 4.14: Kesanggupan Bekerja Bersama

| | Kilang | | | | | Pasaraya | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Melayu | 4 (25.0% | 6 (37.5%) | 6 (37.5%) | - | - | 1 ( 5.0%) | 2 (10.0%) | 7 (35.0%) | 10 (50.0%) | - |
| Cina | 3 (21.4%) | 4 (28.6%) | 6 (42.9%) | 1 (7.1%) | - | 1 (10.0%) | 2 (20.0%) | 4 (40.0%) | 3 (30.0%) | - |

Jadual 4.15: <u>Kesanggupan Berjiran Dengan Kaum Lain</u>

| | Kilang | | | | | Pasaraya | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Melayu | 4 (25.0%) | 7 (43.7%) | 5 (31.3%) | - | - | 2 (10.0%) | 8 (40.0%) | 10 (50.0%) | - | - |
| Cina | 2 (14.3%) | 4 (28.6%) | 10 (71.4%) | - | - | 1 (10.0%) | 2 (20.0%) | 7 (70.0%) | - | - |

Daripada data-data yang dikumpul, tiada seorangpun yang membantah untuk berjiran dengan kaum lain. Responden Melayu merupakan golongan yang suka tinggal di kawasan perjiranan yang heterogeneus iaitu 7 (43.7%) responden kilang dan 8 (40%) responden pasaraya diikuti oleh 4 (28.6%) dan 2 (20%) responden Cina masing-masing. Juga didapati kebanyakan responden tidak mengambil kira kaum jirannya asalkan mereka mempunyai sikap tolong-menolong terutamanya semasa kecemasan dan semangat bergotong-royong. Ini mungkin disebabkan oleh propaganda kerajaan memupuk semangat kejiranan akhir-akhir ini, dan juga pengaruh pendedahan responden-responden kepada jiran yang heterogeneus sejak dari kecil lagi.

Ramai responden Melayu kilang, 12 (65%) yang bersetuju menerima seorang Cina sebagai kawan karib, manakala hanya 9 (45%) responden Melayu pasaraya yang setuju berbuat demikian. Hubungan erat antara pekerja-pekerja di kilang dan batasan etnik yang rendah telah menyebabkan mereka lebih toleran dan mempunyai kesanggupan lebih tinggi untuk menerima kaum lain sebagai kawan karib. Sebaliknya jika dibanding perhubungan pekerja-pekerja di pasaraya yang penuh dengan ketegangan kaum dan konflik, hanya 3 (30%) responden Cina dan 4 (5%) responden Melayu yang setuju dengan cadangan tersebut.

Jadual 4.16: **Kesanggupan Menerima Kaum Lain Sebagai Kawan Karib**

| | Kilang | | | | | Pasaraya | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| **Melayu** | 2 (12.5%) | 10 (62.5%) | 4 (25.0%) | - | - | - | 9 (45.0%) | 10 (50.0%) | 1 (5.0) | - |
| **Cina** | 3 (21.4%) | 4 (28.6%) | 6 (42.9%) | 1 (7.1%) | - | 1 (10.0) | 2 (20.0%) | 4 (40.0%) | 3 (30.0%) | - |

Jadual 4.17: <u>Kesanggupan Berkawan Dengan Kaum Lain Setakat Bercakap-cakap Sahaja</u>

| | Kilang | | | | | Pasaraya | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| **Melayu** | 4 (25.0%) | 10 (62.5%) | 2 (12.5%) | - | - | 2 (10.0%) | 8 (40.0%) | 10 (50.0%) | - | - |
| **Cina** | 8 (57.1%) | 4 (28.6%) | 2 (14.3%) | - | - | 2 (20.0%) | 4 (40.0%) | 3 (30.0%) | 1 (10.0%) | - |

Dalam soal pergaulan dengan kawan-kawan setakat bercakap-cakap sahaja, kesemua responden kilang menggalakkan pergaulan antara berbagai kaum, dengan 14 (87.5%) responden Melayu dan 12 (85.7%) responden Cina di kilang, manakala jumlah yang setuju dari pasaraya adalah 10 (50%) responden Melayu dan 6 (60%) responden Cina. Pertambahan pada bilangan responden yang sanggup berkawan dengan kaum lain berbanding dengan penerimaan sebagai kawan karib adalah kerana pada pendapat mereka, tidak menjadi masalah jika kawan setakat bercakap-cakap sahaja tetapi jika sebagai kawan karib, mesti dipertimbangkan nilai-nilai seperti kepercayaan, kejujuran, kebersihan dan lain-lain nilai.

Dari segi pengambilan ahli-ahli persatuan dari kaum lain, 10 (71.4%) responden Cina dan 11 (68.7%) responden Melayu kilang setuju tetapi di sektor pasaraya pula, bilangannya lebih rendah, dengan 9 (45%) responden Melayu dan 4 (40%) responden Cina. Lima puluh peratus dan 60% responden Melayu dan Cina dari pasaraya masing-masing tidak mempunyai apa-apa sebab dalam penerimaan kaum lain ke dalam sesuatu persatuan. Salah seorang dari responden Melayu menentang perkara tersebut kerana katanya, setengah persatuan tidak menggalakkan keahlian berbagai kaum terutamanya persatuan keagamaan tetapi tidak menjadi masalah jika kelab-kelab rekreasi.

**Jadual 4.18: Kesanggupan Penerimaan Kaum Lain Sebagai Ahli Persatuan**

| | Kilang | | | | | Pasaraya | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Melayu | 4 (25.0%) | 7 (43.7%) | 5 (31.3%) | - | - | - | 9 (45.0%) | 10 (50.0%) | 1 (5.0%) | - |
| Cina | 8 (57.1%) | 2 (14.3%) | 4 (28.6%) | - | - | 2 (20.0%) | 2 (20.0%) | 6 (60.0%) | - | - |

Dari penganalisaan persetujuan dan kesanggupan responden-responden dalam menerima ahli-ahli dari kaum lain dalam mengadakan hubungan tertentu, didapati bahawa semakin tinggi permintaan penglibatan seseorang itu dalam sesuatu perhubungan, maka semakin tinggi jarak sosialnya, dan yang sebaliknya. Contohnya, isu perkahwinan campur dan makanan yang dipengaruhi kuat oleh ciri-ciri budaya yang berlainan tidak mendapat sambutan dari responden kerana sifat etnocentrism kuat mereka yang berpegang teguh kepada amalan budaya kaum masing-masing.

Dalam mengkaji faktor kognisi yang mempengaruhi kelakuan responden-responden dalam berinteraksi, iaitu melihat sejauh manakah sikap prejudis mereka terhadap kaum lain. Pada keseluruhannya responden-responden pasaraya mempunyai sikap yang lebih prejudis daripada responden-responden kilang kerana jumlah mereka yang mempercayai dan menghormati kaum lain di kalangan responden kilang adalah jauh lebih tinggi dari sektor pasaraya dengan 10% responden Melayu dan Cina masing-masing menaruh penuh kepercayaan dan sangat menghormati rakan-rakan yang berlainan kaum.

Merujuk kepada jadual 4.19, jelas bahawa sektor kilang mempunyai taraf kepercayaan yang lebih tinggi 25 (83.3%) di kalangan responden-respondennya. Kesemua responden Melayu[1] dan 9 (64.3%) responden Cina dari kilang mempercayai kaum Cina dan Melayu masing-masing, manakala di kalangan responden pasaraya, hanya 7 (35%) responden Melayu dan

---

[1]Satu falsafah yang dipegang kuat oleh majoriti daripada responden Melayu adalah percaya-mempercayai dan hormat-menghormati antara satu sama lain merupakan satu amalan baik digalakkan oleh agama Islam.

**Jadual 4.19: Taraf Kepercayaan Atas Kaum Lain**

| | Kilang | | | Pasaraya | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Sangat percaya | Percaya | Tidak percaya | Sangat percaya | Percaya | Tidak percaya |
| Kepercayaan responden Melayu atas kaum Cina | - | 16 (100.0%) | - | 1 (5.0%) | 7 (35.0%) | 12 (60.0%) |
| Kepercayaan responden Cina atas kaum Melayu | 3 (21.4%) | 9 ( 64.3%) | 2 (14.3%) | - | 4 (40.0%) | 6 (60.0%) |
| Jumlah | 3 (10.0%) | 25 ( 83.3%) | 2 (6.7%) | 1 (3.3%) | 11 (36.7%) | 18 (60.0%) |

4 (40%) responden Cina. Majoriti dari mereka berkata bahawa kita tidak sepatutnya mengira kaum seseorang dalam mempercayainya tetapi bergantung kepada individu tersebut dan tidak boleh katakan kaum tertentu lebih boleh dipercayai dari kaum lain.

Mereka yang tidak mempercayai kaum lain pula hanya melibatkan 2 (6.7%) responden kilang tetapi 18 (60%) responden pasaraya. Alasan-alasan yang diberi adalah dengan mengeneralisasikan bahawa hari ini kebanyakan orang tidak dapat dipercayai lagi kerana sikap materialistik dan menjaga kepentingan diri sendiri sahaja. Ramai pula mengatakan masyarakat kini pandai main politik untuk mencapai pangkat yang lebih tinggi. Di samping itu, ada responden Cina berpendapat orang Melayu lebih senang dipercayai daripada orang Cina kerana orang Cina sering dikaitkan dengan ketidakjujuran, terutamanya dalam bidang perniagaan.

Jika ditinjau dari segi taraf kehormatan yang lebih tinggi, yang diberi kepada kaum Melayu dan Cina, responden-responden kilang sememangnya lebih ramai, 23 (76.7%) berbanding dengan 14 (46.7%) dari pasaraya. Terdapat beberapa orang responden kilang yang menyanjung tinggi kaum lain 3 (10%) manakala ada yang beranggapan kaum lain tidak patut dihormati, 4 (13.3%) responden kilang dan 16 (53.3%) responden pasaraya yang berpandangan positif berkata bahawa hidup seseorang harus hormat-menghormati antara satu sama lain kerana tanpa penghormatan, seseorang itu tidak akan dipercayai. Maka sebilangan besar responden mengatakan ia akan hormat sesiapa yang menghormatinya kembali serta mereka yang tidak sombong. Setengah 5 (50%) dari jumlah responden Cina tidak mempercayai rakan Melayunya kerana mereka dianggap tidak bertanggungjawab

Jadual 4.20: Taraf Kehormatan Atas Kaum Lain

| | Kilang | | | Pasaraya | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Sangat hormat | Hormat | Tidak hormat | Sangat hormat | Hormat | Tidak hormat |
| Kehormatan responden Melayu atas kaum Cina | 2 (12.5%) | 4 (87.5%) | - | - | 9 (45.0%) | 11 (55.0%) |
| Kehormatan responden Cina atas kaum Melayu | 1 ( 7.1%) | 9 (64.3%) | 4 (28.6%) | - | 5 (50.0%) | 5 (50.0%) |
| Jumlah | 3 (20.0%) | 23 (76.7%) | 4 (13.3%) | - | 14 (46.7%) | 16 (53.3%) |

atas kesalahan yang dilakukan.[1]

Dalam memperlihatkan sikap prejudis responden-responden terhadap kaum lain, didapati bahawa ramai di antara responden pasaraya yang bersikap prejudis, terutamanya terhadap rakanrakan sekerjanya. Akibat dari sikap prejudis ini, mereka tidak mempunyai hubungan yang erat, dan interaksi antara kaum hanya pada peringkat formal sahaja iaitu perhubungan contractual.

Sikap prejudis dapat digambarkan melalui pembentukan sesuatu institusi. Tujuan pembentukan "clique" di kalangan pekerja-pekerja mungkin disebabkan kehendak mereka untuk mengidentifikasikan diri mereka melalui kumpulan-kumpulan tertentu dan juga untuk menghapuskan pengasingan (isolation). Dalam menganggap "clique" tersebut sebagai simbol utama perpaduan kumpulan (group cohesion), maka ini akan menyekat kemasukan ahli-ahli dari kumpulan etnik lain, yang seterusnya akan meningkatkan lagi batasan etnik. Dalam pada itu, prejudis digunakan sebagai alat mempertahankan atau memperbaiki kedudukan seseorang.

Selain daripada itu, struktur sosial yang wujud di pasaraya menyebabkan persaingan hebat untuk mendapat kuasa dan prestige. Keadaan sedemikian memperhebatkan lagi tradisional prejudis yang memang wujud dari proses sosialisasi pada masa kecil lagi.

---

[1]Mungkin generalisasi ini dibuat akibat dari satu insiden yang pernah berlaku di tempat kerja tersebut.

Satu lagi teori prejudis yang dapat diapplikasikan dalam kajian ini adalah teori frustrasi-aggresi di mana kaum lain dijadikan "scapegoat". Oleh kerana pekerja-pekerja tidak puashati dengan tindakan pihak majikan yang melakukan amalan pilih kasih dalam setengah-setengah situasi, maka pemusuhan wujud di kalangan pekerja kerana tidak dapat mengenakan hostiliti terhadap punca frustrasi yang sebenarnya iaitu pihak majikan.

BAB 5

# KESIMPULAN

## 5.1 Masalah Perkauman: Punca, Kesan dan Penyelesaian?

Malaysia memperlihatkan suatu bentuk masyarakat yang agak unik. Dengan struktur sosialnya yang jelas timbul akibat adanya berbagai-bagai kumpulan etnik yang berbeza, rakyat mengamalkan sistem dan aktiviti penghidupan berdasarkan garis-garis perkauman. Sebagai akibatnya, kini wujud polarisasi kaum yang serius dan memerlukan penyelesaian yang tegas supaya keselamatan dan kestabilan negara tetap terjamin.

Persaingan ekonomi di antara kaum adalah salah satu punca yang menghasilkan ketegangan kaum. Pada zaman British, orang-orang Melayu digalakkan terus tinggal di bidang pertanian, orang Cina di bidang perniagaan dan kebanyakan orang India bekerja di ladang-ladang getah, dan lain-lain. Jadi, persaingan kaum pada waktu itu tidak nyata lagi. Perkembangan sejarah ini telah mengakibatkan satu sistem ekonomi yang bersifat identifikasi bidang-bidang ekonomi dengan kaum-kaum tertentu. Selepas kemerdekaan, perkara ini telah menjadi satu yang menghalang perpaduan kaum. Persaingan ekonomi di antara kaum menjadi nyata, khasnya selepas perlaksanaan DEB.

Kedua-dua tujuan DEB memang wajar dan tidak perlu disoal. Malangnya perlaksanaan DEB berdasarkan perbezaan kaum dan konsep Bumiputera ditegaskan. Penyelewengan di peringkat perlaksanaan DEB juga mengakibatkan setengah-setengah penduduk tidak puas hati.

Walaupun secara amnya, DEB telah sedikit sebanyak dapat membantu orang-orang Melayu, tetapi yang benar-benar untung adalah golongan Melayu kelas atasan dan menengah, dan bukan golongan miskin di kawasan luar bandar. Orang-orang kaya di kelompok etnik yang lain juga banyak beruntung. DEB berjaya memeliharakan satu kelas kapitalis Melayu, tetapi tidak dapat memajukan perpaduan, justeru itu polarisasi kaum pun bertambah buruk. Pada hakikatnya dasar ini sukar menghapuskan kemiskinan dan pihak kerajaan sendiri mengakui bahawa kemiskinan di luar bandar masih serius.

Menurut laporan Kementerian Kewangan, didapati bahawa antara 1957 dan 1970, ketidaksamaan pendapatan nampaknya telah bertambah: bahagian dari jumlah pendapatan yang diperolehi oleh golongan miskin telah merosot, manakala bahagian pendapatan golongan kaya telah bertambah. (Kementerian Kewangan; 1974) Merujuk kepada jadual berikut pada tahun-tahun 1970an pula, pendapatan purata sebenar 40% isirumah yang termiskin telah meningkat 10.5%, tetapi pendapatan 60% isirumah lain telah meningkat dengan lebih pesat, sebanyak 12.8%; keadaan yang serupa juga terdapat di kalangan kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India jika diperhatikan secara berasingan. Keadaan ini membayangkan bahawa sebahagian daripada jumlah pendapatan yang diperolehi oleh mereka dalam golongan bawahan telah berkurangan.

## Jadual 5.1:

**Semenanjung Malaysia: Pendapatan Purata Dan Penengah, 1970-79 (ringgit seisirumah sebulan)**

| | | Mengikut Harga Tetap Tahun 1970 | | | | | Mengikut Harga Semasa | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 1970 | 1973 | 1976 | 1979 | Kadar Pertambahan Tahunan 1971-79 (%) | 1973 | 1976 | 1979 | Kadar Pertambahan Tahunan 1971-79 (%) | Kadar pertumbuhan tahunan pendapatan purata golongan 40% bawahan, 1971-1979 (%) |
| Melayu | Purata | 172 | 209 | 237 | 309 | 6.7 | 242 | 345 | 513 | 12.9 | 10.6 |
| | Penengah | 120 | 141 | 160 | 200 | 5.8 | 163 | 233 | 332 | 12.0 | |
| | Nisbah | 1.43 | 1.48 | 1.48 | 1.55 | | | | | | |
| Cina | Purata | 394 | 461 | 540 | 659 | 5.9 | 534 | 787 | 1,094 | 12.0 | 8.4 |
| | Penengah | 268 | 298 | 329 | 383 | 4.1 | 343 | 480 | 636 | 10.1 | |
| | Nisbah | 1.47 | 1.55 | 1.64 | 1.72 | | | | | | |
| India | Purata | 304 | 352 | 369 | 467 | 4.9 | 408 | 538 | 776 | 11.0 | 9.9 |
| | Penengah | 194 | 239 | 247 | 314 | 5.5 | 277 | 360 | 522 | 11.6 | |
| | Nisbah | 1.57 | 1.47 | 1.49 | 1.49 | | | | | | |
| Lain-lain | Purata | 813 | 1,121 | 870 | 1,132 | 3.8 | 1,299 | 1,268 | 1,881 | 9.8 | 14.8 |
| | Penengah | 250 | 306 | 270 | 331 | 3.2 | 355 | 394 | 550 | 9.2 | |
| | Nisbah | 3.25 | 3.66 | 3.22 | 3.42 | | | | | | |
| Semua Kaum | Purata | 264 | 313 | 353 | 459 | 6.3 | 362 | 514 | 763 | 12.5 | 10.5 |
| | Penengah | 166 | 196 | 215 | 270 | 5.6 | 227 | 313 | 449 | 11.7 | |
| | Nisbah | 1.59 | 1.60 | 1.64 | 1.70 | | | | | | |
| Bandar | Purata | 428 | 492 | 569 | 675 | 5.2 | 570 | 830 | 1,121 | 11.3 | |
| | Penengah | 265 | 297 | 340 | 368 | 3.7 | 345 | 495 | 611 | 9.7 | |
| | Nisbah | 1.62 | 1.66 | 1.67 | 1.83 | | | | | | |
| Luar Bandar | Purata | 200 | 233 | 269 | 355 | 6.6 | 269 | 392 | 590 | 12.8 | |
| | Penengah | 139 | 159 | 180 | 230 | 5.8 | 184 | 262 | 382 | 11.9 | |
| | Nisbah | 1.44 | 1.47 | 1.49 | 1.54 | | | | | | |

Sumber: Rancangan Malaysia Keempat (RM4): Jadual 3.3 (m.s. 37) dan Jadual 3.9 (m.s. 62).
Penyelidikan Selepas Banci Penduduk dan Perumahan 1970, Kajian Pendapatan Isirumah 1973. Penyiasatan Tenaga Buruh 1974 (tahun rujukan 1973), Banci Pertanian 1977 (tahun rujukan 1976) dan Penyiasatan Tenaga Buruh 1980 (tahun rujukan 1979).

Sejak DEB mula pada awal tahun 1970an, kerajaan telah memindahkan keutamaan dari segi peruntukan kewangan dari usaha pembasmian kemiskinan ke usaha penyusunan semula masyarakat. Merujuk kepada jadual 5.2, nisbah peruntukan untuk penyusunan semula dibanding dengan pembasmian kemiskinan telah meningkat dari 21.6% untuk 1971-75 ke 37.3% untuk 1976-80. Nisbah peruntukan asal untuk 1981-85 mengikut RM4, telah meningkat ke 42.2%, tetapi nisbah ini telah meningkat lagi ke 62.7% mengikut KSPRM4, iaitu pada 1981-83, ialah 80.7%.

Jadual 5.2

Malaysia: Peruntukan Dalam Rancangan Pembangunan Untuk Pembasmian Kemiskinan & Penyusunan Semula, 1971-85

(juta ringgit)

| | RM2 | RM3 | RM4 (asal) | Perbelanjaan, 1981-83 | RM4 (baru) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. Pembasmian Kemiskinan | 2,350.0 | 6,373.4 | 9,319.2 | 6,699.1 | 10,497.0 |
| 2. Penyusunan Semula | 508.3 | 2,376.0 | 4,397.6 | 5,406.8 | 6,576.8 |
| 3. Peruntukan Tindihan | 3.4 | 149.0 | 300.5 | 184.7 | 464.5 |
| Jumlah | 2,861.7 | 8,898.4 | 14,017.3 | 12,290.6 | 17,538.3 |
| (2) - (1) | 0.216 | 0.373 | 0.472 | 0.807 | 0.627 |

Sumber: RM4, Jadual 6.3, 13.2
KSPRM4, Jadual 7.3

Semenanjung Malaysia: Gunatenaga Mengikut Kaum Utama Dan Kumpulan Pekerjaan Utama, 1957, 1970, 1976, 1980, 1983 (%)

| | 1957 | | | | 1970 | | | | 1976 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Jumlah (%) | Melayu | Cina | India | Jumlah (%) | Melayu | Cina | India | Jumlah (%) |
| Pekerja Iktisas dan Teknikal | 2.7 (41.0) | 3.3 (38.0) | 2.3 (11.0) | 3.1% | 4.3 (47.1) | 5.2 (39.5) | 4.9 (10.8) | 4.8% | 5.3 (50.0) | 5.6 (36.9) | 5.8 (11.4) | 5.6% |
| Pekerja Pentadbiran dan Pengurusan | 0.4 (17.6) | 2.0 (62.4) | 1.0 (12.2) | 1.2% | 0.5 (24.1) | 1.9 (62.9) | 0.8 ( 7.8) | 1.1% | 0.7 (31.6) | 1.9 (57.0) | 0.7 ( 6.1) | 1.2% |
| Pekerja Perkeranian dan Yang Berkaitan | 1.7 (27.1) | 3.7 (46.2) | 4.0 (19.9) | 2.9% | 3.4 (35.4) | 6.3 (45.9) | 8.1 (17.2) | 5.0% | 7.7 (55.3) | 7.1 (36.2) | 4.6 ( 6.9) | 7.2% |
| Pekerja Jualan dan Yang Berkaitan | 2.9 (15.9) | 15.9 (66.1) | 10.0 (16.8) | 8.6% | 4.7 (26.7) | 15.3 (61.7) | 9.5 (11.1) | 9.1% | 4.5 (23.1) | 19.2 (69.2) | 7.1 ( 7.6) | 10.1% |
| Pekerja Perkhidmatan | 7.3 (39.7) | 8.0 (33.3) | 7.6 (12.8) | 8.6% | 6.8 (44.3) | 8.6 (17.3) | 10.9 (14.6) | 7.9% | 7.6 (47.9) | 9.0 (39.9) | 8.8 (11.6) | 8.2% |
| Pekerja Pertanian | 74.2 (62.1) | 38.3 (24.3) | 50.2 (12.8) | 56.4% | 62.3 (72.0) | 21.2 (55.9) | 41.0 ( 9.7) | 44.8% | 45.2 (67.7) | 18.6 (19.7) | 38.1 (11.9) | 34.6% |
| Pekerja Pengeluaran, Pengangkutan dan Lain-lain | 10.6 (26.5) | 28.3 (53.5) | 24.6 (18.9) | 18.9% | 18.0 (34.2) | 41.6 (55.9) | 24.7 ( 9.6) | 27.3% | 29.0 (45.4) | 38.6 (42.6) | 34.9 (11.4) | 33.1% |
| Jumlah Pekerja ('000') | 1,004.3 (47.2) | 759.0 (35.7) | 307.2 (14.4) | 2,126.2% | 1477.6 (51.8) | 1,043.6 (36.6) | 301.4 (10.6) | 2,850.3% | 2,211.5 (51.9) | 1,558.0 (36.5) | 160.7 (10.8) | 4,264.4% |

| | 1980 | | | | | 1983 | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Lain | Jumlah (%) | Melayu | Cina | India | Lain | Jumlah (%) |
| Pekerja Iktisas dan Teknikal | 6.7 (53.7) | 6.2 (32.6) | 7.2 (11.9) | 16.0 (1.8) | 6.71% | 7.5 (54.8) | 6.3 (31.1) | 8.0 (12.5) | 16.1 (1.6) | 7.2% |
| Pekerja Pentadbiran dan Pengurusan | 0.6 (28.7) | 1.9 (62.5) | 0.6 ( 6.1) | 3.8 (2.7) | 1.05% | 0.6 (27.4) | 2.0 (66.0) | 0.5 ( 5.3) | 2.0 (1.3) | 1.1% |
| Pekerja Perkeranian dan Yang Berkaitan | 7.2 (52.4) | 7.6 (36.6) | 6.9 (10.4) | 5.8 (0.6) | 7.3% | 7.7 (53.9) | 7.7 (36.1) | 6.5 ( 9.6) | 3.9 (0.4) | 7.5% |
| Pekerja Jualan dan Yang Berkaitan | 5.4 (32.1) | 15.2 (60.1) | 6.2 ( 7.6) | 2.4 (0.2) | 8.9% | 5.9 (35.4) | 14.4 (57.7) | 5.4 ( 6.8) | 1.0 (0.1) | 8.8% |
| Pekerja Perkhidmatan | 9.4 (54.0) | 8.8 (33.7) | 9.7 (11.5) | 9.9 (0.8) | 9.2% | 10.6 (66.2) | 9.0 (32.2) | 9.5 (10.8) | 11.1 (0.8) | 9.9% |
| Pekerja Pertanian | 42.0 (69.5) | 16.4 (18.1) | 33.4 (11.4) | 44.0 (1.0) | 32.1% | 37.8 (67.4) | 16.3 (19.5) | 31.6 (12.0) | 45.9 (1.1) | 29.6% |
| Pekerja Pengeluaran, Pengangkutan dan Lain-lain | 28.7 (43.7) | 44.0 (44.6) | 36.0 (11.3) | 18.1 (0.4) | 34.8% | 30.0 (44.0) | 44.3 (43.6) | 38.5 (12.0) | 20.0 (0.4) | 36.0% |
| Jumlah Pekerja ('000') | 2,133.9 (53.0) | 1,419.8 (35.3) | 440.0 (10.9) | 29.3 (0.7) | 4,023.0% | 2,299.7 (52.7) | 1,544.8 (35.4) | 488.8 (11.2) | 30.5 (0.7) | 4,363.8% |

*Nilai dalam kurungan menunjukkan peratusan mengikut kaum.*

1. Termasuk pekerja-pekerja yang tidak dapat dikelaskan.

Sumber: a. Jabatan Statistik (1960)
b. RM4 - Jadual 3.11
c. KSPRM - 4 - Jadual 3.10

Adalah jelas dari Jadual 5.3 bahawa sepatutnya penyusunan semula masyarakat tidak menjadi soal pada peringkat pekerja pengeluaran; para majikan tidak memperdulikan sangat kaum seseorang pekerja asalkan ia rajin bekerja dan tidak mengancam kepentingan majikan.

Di sektor pertanian, tidak banyak usaha dijalankan untuk menyusun semula kerana kaum Bumiputera sudah merupakan majoriti yang besar di sektor ini dan masalah-masalah tanah masih belum dapat diselesaikan.

Peratusan mengikut kaum di peringkat iktisas dan teknikal pada amnya mencerminkan agihan kaum di kalangan penduduk Semenanjung Malaysia, walaupun peratusan Bumiputera dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu sering diberi perhatian resmi. Kekurangan dalam peratusan kaum Melayu dari segi pekerjaan pada tahun 1980 agak ternyata hanya dalam dua bidang, iaitu pada peringkat pentadbiran dan pengurusan, dan dalam pekerjaan jualan. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa peratusan orang Melayu dalam kedua-dua jenis pekerjaan ini, di mana terdapat peratusan Cina yang agak tinggi atas sebab-sebab sejarah, sudah banyak meningkat sejak 1957.

Pendekata, penyusunan semula dari segi pekerjaan sebenarnya sudah tercapai, terutamanya pada peringkat bawahan. Punca-punca ketegangan dari segi penyusunan semula pekerjaan bersangkut-paut dengan perniagaan - terutamanya dari segi perusahaan jualan serta pengurusan perusahaan, yang sudah tentu melibatkan soal pemilikan dan penguasaannya - dan jawatan iktisas, yang juga melibatkan latihan dan pelajaran.

Maka, tidaklah menghairankan bahawa ketegangan antara kaum dari segi ini banyak berkait dengan soal peluang dan kemudahan pelajaran dan latihan, peluang dan pengambilan untuk pekerjaan, soal kenaikan pangkat dan jawatan, dan peluang serta kemudahan perniagaan - yang kebanyakannya merupakan perkara yang melibatkan golongan menengah. Pendek kata, soal peluang pelajaran, pekerjaan, perniagaan dan kenaikan pangkat merupakan punca-punca perselisihan utama yang menimbulkan persaingan antara kaum, terutama sekali di kalangan kelas menengah.

Untuk mencari asas perpaduan, dasar ekonomi kita harus ditinjau dari segi sumbangan kepada perpaduan untuk masyarakat. Kita memerlukan satu dasar yang tidak berdasarkan perkauman. Contohnya, pembangunan kawasan luar bandar, adalah penting dari segi perpaduan kerana selagi kedudukan ekonomi kaum Melayu, Iban, Kadazan dan lain-lain yang tinggal di luar bandar, tidak maju, perpaduan susah dicapai. Ini adalah kerana mereka akan terus menerima kepercayaan bahawa kedudukan ekonomi mereka yang buruk itu disebabkan adanya kaum-kaum lain yang dipercayai mengawal ekonomi mereka. Masalah ekonomi dan soal kelas dijadikan satu persoalan masa kini.

Usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan haruslah mengutamakan soal jurang agihan atau ketidaksamaan pendapatan serta harta dan tidak patut mementingkan soal garis kemiskinan semata-mata. Jurang ini dapat dirapatkan dengan mengamalkan prinsip agihan atau pembahagian pendapatan yang berdasarkan usaha setiap orang. Jurang pendapatan antara lapisan-lapisan dalam tangga agihan pendapatan patut dirapatkan, dan pendapatan

yang berpunca daripada sumber lain - seperti darjat, pangkat, keistimewaan, rasuah, dan harta (termasuk modal dan tanah) - patut dikurangkan (Di sini, harta merujuk kepada bahan pengeluaran yang mendatangkan pendapatan dan bukan harta peribadi untuk kegunaan sendiri. Manakala, salah satu cara untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di kalangan petani-petani adalah pertanian secara berkelompok atau koperatif (bergotong-royong) atas bidang-bidang tanah yang agak luas supaya dapat menandingi kecekapan ladang atau sawah luas yang diusahakan secara kapitalis.

Selain daripada penyelesaian masalah perkauman dari segi ekonomi, polarisasi kaum juga dapat dikurangkan melalui perubahan sosial. Misalnya, rakyat Malaysia harus sedar bahawa bukan orang Melayu yang mengakibatkan kemiskinan atau pengangguran di kalangan kaum Cina atau kaum India dan lain-lain kaum, juga bukan orang Cina atau orang India yang menghalang kemajuan kaum Melayu. Mereka harus sedari bahawa masalah ini disebabkan oleh sistem sosio-ekonomi negara.

Pemimpin-pemimpin masyarakat memainkan peranan penting dalam menyedarkan rakyat keadaan yang sebenarnya. Mereka yang cuba jadikan masalah ekonomi (kemiskinan) sebagai isu perkauman harus ditentang. Ramai di antara mereka suka menjalankan perjuangan mereka untuk mendapat pengaruh dan kuasa, dengan memainkan sentimen-sentimen perkauman. Merekalah yang sentiasa mengekalkan dan memperkuatkan fikiran perkauman dan stereotaip perkauman dan kepercayaan-kepercayaan yang palsu di kalangan masyarakat. Contohnya, isu mengenai Bumiputera dan bukan Bumiputera yang sering dibangkit-bangkitkan.

Kepercayaan-kepercayaan palsu yang bahaya sekali adalah kepercayaan tentang kekurangan sekuriti etnik atau jaminan kaum. Kepercayaan seperti ini sering menjadi satu faktor yang mengakibatkan kekacauan perkauman, contohnya peristiwa Mei 13. Sekuriti etnik itu bukan sahaja merujuk kepada jaminan ekonomi tetapi juga jaminan psikologikal. Pada hakikatnya, sekuriti etnik di antara kaum, misalnya kaum Melayu dan Cina, adalah manifestasi persaingan di antara golongan elit Melayu dan elit Cina.

Isu budaya nasional juga dijadikan isu perkauman baru-baru ini. Jika hendak jalankan dasar budaya nasional, harus tumpukan pada menyedari rakyat Malaysia tentang kesamaan (equality) di antara mereka. Misalnya, nilai-nilai universal yang wujud di kalangan kaum berbagai-bagai di Malaysia boleh dimajukan. Dasar seperti ini dapat menyumbangkan sebanyak sedikit kepada persefahaman dan perpaduan di antara kaum. Cara ini juga menghasilkan, dengan tidak langsung, sifat identifikasi nasional.

Dalam bidang agama pula, ia bukan menjadi satu isu yang menghalang perpaduan di negara ini sehingga beberapa tahun yang lalu. Agama Islam adalah agama Persekutuan dan kebebasan mengikuti agama-agama lain dijamin oleh Perlembagaan. Dewasa ini sudah ada tanda-tanda yang menunjukkan isu-isu agama sedang dan akan menjadi satu faktor yang meningkatkan polarisasi kaum. Orang ramai harus memahami bahawa tujuan kerajaan memajukan konsep Islamisasi adalah untuk menegaskan nilai-nilai universal seperti tidak berkorupsi, kasih-sayang, rajin bekerja dan lain-lain yang juga wujud dalam tradisi kaum lain, dan bukan hendak mengislamkan mereka yang tidak menganut agama Islam.

Dalam satu kertas kerja oleh Encik Usman Awang dalam Seminar "Translation, Cultural Meeting and Unity of the People" (STAR 29hb. Dis. 1986) telah ditegaskan bahawa kesangsian antara kaum di Malaysia masih wujud disebabkan isu-isu kebudayaan telah dimanipulasikan menjadi isu-isu politik. Sebagai akibatnya krisis kebudayaan muncul. Keadaan bertambah buruk dengan ketidakinginan masyarakat mencari nilai-nilai bersama antara kaum, dan mengkaji serta mengamalkan semangat bertoleransi, keadilan dan kasih-sayang. Juga harus difahami bahawa masalah perkauman berkait rapat dengan kemiskinan dan bukan semata-mata suatu masalah sosial.

Beliau mencadangkan supaya media massa, terutamanya surat khabar memainkan peranan penting supaya tidak dipergunakan sebagai alat mewujudkan pertelingkahan komunal. Selain daripada itu, penterjemahan bahan-bahan kepada Bahasa Malaysia juga akan menyatupadukan masyarakat Malaysia kerana ini akan menggalakkan pembacaan dari lain-lain kaum. Dengan pembacaan yang lebih luas dan seterusnya pemahaman Bahasa Malaysia, mungkin akan mengurangkan sikap prejudis seseorang bukan Melayu kerana dikatakan bahasa merupakan satu-satunya halangan kepada berinteraksi dan seterusnya menyebabkan polarisasi kaum.

Rakyat umum sepatutnya mengadakan perbincangan dan perbahasan mengenai lunas-lunas untuk mencapai keadilan yang menyeluruh dari semua segi, termasuk keadilan ekonomi. Strategi ini tidak patut dipaksa dari atas, tetapi mesti diusahakan melalui suatu persetujuan rakyat jelata yang terlibat seperti pekerja, petani, nelayan, tukang, penjaja dan lain-lain, tanpa mengira kaum. Juga golongan yang ingin menyebelahi rakyat jelata seperti ahli sains, professor, dan peniaga kecil. Merekalah

yang menuntut suatu keadilan yang menyeluruh, bukan untuk sesuatu kaum sahaja.

Selain daripada faktor sosial dan ekonomi, pendidikan seseorang oleh ibubapa dan guru juga memainkan peranan penting dalam pembentukan individu-individu yang tidak berprejudis. Ibubapa patut mengingatkan anak-anak supaya tidak mengeneralisasi dalam bentuk stereotaip. Kaum wanita sebagai pendidik utama generasi akan datang sepatutnya mempunyai pengetahuan asas tentang psikologi dan tentang hubungan kemanusiaan, supaya mereka dapat memahami kelakuan dan motivasi manusia serta menghapuskan segala halangan perhubungan antara kaum/budaya. Ibubapa harus memberi contoh sebagai seorang yang liberal dan toleran terhadap kebudayaan dan kumpulan sosial yang berlainan.

Guru-guru juga tidak kurang kepentingannya kerana melalui guru-guru di sekolah, seseorang pelajar dapat mengetahui bagaimana timbulnya sikap prejudis dan kesan-kesan buruknya. Guru-guru harus sedar peranan mereka dalam hal ini.

Badan-badan di luar kerajaan (Non Government Organization, NGO) harus memainkan peranan penting untuk memajukan perpaduan. Persatuan NGO seperti Aliran Kesedaran Rakyat (Aliran), persatuan-persatuan pengguna, Insan dan lain-lain, harus menyumbang kepada kesedaran sosial di kalangan orang ramai. Mereka harus menentang perkauman dan perkara-perkara yang tidak adil.

Masalah perkauman masa kini berakar-umbi pada zaman penjajahan. Dasar penjajahan yang berkaitan dengan perniagaan, perdagangan, tanah, pertanian, pendidikan, latihan, pentadbiran dan kewarganegaraan, telah

mengakibatkan perbezaan etnik yang menonjol. Perbezaan-perbezaan ini masih wujud dalam berbagai bentuk sehingga hari ini.

Penjajah juga meninggalkan kesan-kesan psikologikal. Kesan-kesan ini telah menular prasangka etnik dan menimbulkan anggapan-anggapan yang tetap mengenai sesuatu kumpulan etnik (stereotaip etnik) yang mana telah terus mempengaruhi sikap peribadi dan sikap sosial masyarakat Malaysia.

Proses urbanisasi juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi masalah perkauman kerana dalam proses menyesuaikan diri dengan proses pembangunan negara, akan berlaku konflik antara nilai-nilai atau kehendak-kehendak individu dari berbagai kaum. Menurut satu kajian kes atas bandar Alor Setar, Mohd Razha Rashid (1984: 199) berkata:

> "The (social) system is such that even without the concious 'divide and rule' ideology, or manipulation of primordial sentiments by the bourgesie nationalist, there is a dynamic mechanism of socio-cultural adaptation inherent in many urbanization process that naturally consolidates a loose primordial 'Bund' into rigid ethnic compartments."

Akibat dari proses modenisasi, perkembangan sekolah-sekolah menengah berlaku pesat di luar bandar pada tahun-tahun 1960an. Ini telah membenarkan beribu-ribu pelajar Melayu mencapai mobiliti sosial yang lebih tinggi. Seperti sebahagian besar negara-negara dunia ketiga yang lain, bentuk pembangunan negara Malaysia - akibat kecacatan struktur - tertumpu di bandar-bandar. Ini akhirnya akan menggalakkan penghijrahan dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar, terutamanya golongan Melayu muda. Sebagai akibat dari kedua-dua proses pembangunan

ini, maka komposisi etnik di bandar-bandar mula berubah. Tambahan lagi, tindakan DEB telah banyak menyumbang ke arah pertambahan kaum Melayu ke kawasan bandar dan di pelbagai struktur sosial.

Pada umumnya, perubahan dari satu keadaan dominan ke satu keadaan pelbagai kaum akan mengakibatkan pertelingkahan kaum. Perasaan perkauman akan berleluasa di kalangan semua lapisan masyarakat di Malaysia, akan tetapi ia akan lebih menebal di kalangan kelas-kelas pertengahan dan atasan. Kemunculan kelas-kelas menengah dan atasan Melayu yang lambat adalah dimensi yang penting dalam masalah perkauman di Malaysia.

Secara keseluruhannya, masalah perkauman di Malaysia masa kini membawa dua kesan buruk yang utama iaitu:-

a) Kebanyakan penduduk Malaysia cenderung memandang dan menganalisa isu-isu dari segi perkauman, sehingga isu-isu yang asalnya tidak berkesan juga dijadikan isu perkauman.

b) Fikiran perkauman (prejudis) ini disampaikan kepada generasi yang baru melalui sosialisasi. Dalam proses membesar dari kanak-kanak sehingga dewasa, seseorang individu di persekitaran masyarakat Malaysia sentiasa disosialisasikan dengan fikiran yang berprejudis, sama ada oleh keluarga, guru-guru, rakan-rakan sekerja atau lain-lain pengaruh.

Merujuk kepada jadual 5.4 perangkaan negara yang menunjukkan bilangan penduduk Malaysia yang dapat bertutur dalam bahasa-bahasa tertentu, jelas bahawa ramai daripada kedua-dua kaum utama yang bukan Melayu iaitu kaum Cina dan kaum India dapat bertutur dalam Bahasa Malaysia. Di kalangan penduduk kaum Cina, 21% dapat bertutur fasih dalam Bahasa Malaysia manakala 52% dalam Bahasa Malaysia mudah. Begitu juga dengan kaum India di mana 35.2% daripada jumlahnya fasih dan 51% pula dapat bertutur Bahasa Malaysia mudah.

Bilangan penduduk Melayu yang dapat bertutur dalam bahasa Cina dan bahasa India pula kecil bilangannya iaitu 0.49% dalam Bahasa Cina dan 0.46% dalam bahasa Tamil.

Jika dilihat dari segi pengenalan huruf mengikut bahasa kaum lain pula, bilangan mereka lebih kecil lagi. Kurang dari satu peratus, iaitu 0.23% dan 0.18% daripada kaum Melayu yang mengenal Bahasa Cina dan Bahasa Tamil masing-masing. Antara penduduk kaum Cina, 30.5% dan 44.8% kaum India yang mengenal Bahasa Malaysia. (Sila rujuk Jadual 5.5.)

Satu adigan dalam komik Gambarajah 5.1 menggambarkan bahasa semakin ramai kaum bukan Melayu yang sedang belajar bertutur dalam Bahasa Malaysia, terutamanya golongan kenamaan. Komik tersebut bukan sahaja menghiburkan tetapi mempunyai mesej bahawa kita patut mempelajari Bahasa Malaysia kerana ia adalah bahasa resmi dan walaubagaimana tuapun, seseorang masih dapat mempelajari sesuatu bahasa, tetapi jangan kita berdalih lagi. Secara tidak langsung, komik-komik di suratkhabar atau majalah-majalah dapat juga memainkan peranan dalam mencapai perpaduan.

## Jadual 5.4

**Penduduk Berumur 10 Tahun Dan Lebih Mengikut Bahasa Pertuturan, Keturunan, Jantina Dan Strata, Semenanjung Malaysia, 1980**

| Bahasa pertuturan<br>Spoken language | Melayu<br>Malays | | | Cina<br>Chinese | | | India<br>Indians | | | Lain-lain<br>Others | | | Jumlah<br>Total | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Lelaki<br>Males | Perempuan<br>Females | Jumlah<br>Total | Lelaki<br>Males | Perempuan<br>Females | Jumlah<br>Total | Lelaki<br>Males | Perempuan<br>Females | Jumlah<br>Total | Lelaki<br>Males | Perempuan<br>Females | Jumlah<br>Total | Lelaki<br>Males | Perempuan<br>Females | Jumlah<br>Total |
| | | | | | | | | Jumlah<br>Total | | | | | | | |
| Fasih Bahasa Malaysia*<br>Fluent Bahasa Malaysia | 1,969,145 | 2,027,064 | 3,996,209 | 315,774 | 257,307 | 573,081 | 162,401 | 122,625 | 285,026 | 8,789 | 7,322 | 16,611 | 2,456,109 | 2,414,818 | 4,870,927 |
| Bahasa Malaysia mudah*<br>Elementary Bahasa Malaysia | 166,497 | 205,136 | 371,633 | 757,709 | 662,189 | 1,419,898 | 211,255 | 202,645 | 413,900 | 10,255 | 10,648 | 20,903 | 1,145,716 | 1,080,618 | 2,226,334 |
| Inggeris<br>English | 387,675 | 277,794 | 665,469 | 456,711 | 381,785 | 838,496 | 189,945 | 134,054 | 323,999 | 13,008 | 12,107 | 25,115 | 1,047,339 | 805,740 | 1,853,079 |
| Cina*<br>Chinese | 13,798 | 7,493 | 21,291 | 1,291,870 | 1,325,273 | 2,617,143 | 9,308 | 6,299 | 15,607 | 3,233 | 3,660 | 6,893 | 1,318,209 | 1,342,725 | 2,660,934 |
| Tamil | 12,815 | 7,659 | 20,474 | 3,084 | 2,348 | 5,432 | 371,068 | 355,036 | 726,104 | 1,305 | 1,226 | 2,531 | 388,272 | 366,269 | 754,541 |
| Iban | 1,654 | 355 | 2,509 | 105 | 56 | 161 | 25 | 8 | 33 | 163 | 100 | 263 | 1,947 | 1,019 | 2,966 |
| Kadazan/Dusun | 554 | 323 | 877 | 47 | 34 | 81 | 16 | 5 | 21 | 56 | 34 | 90 | 673 | 396 | 1,069 |
| Bajau | 1,012 | 696 | 1,708 | 33 | 39 | 72 | 24 | 18 | 42 | 12 | 9 | 21 | 1,081 | 762 | 1,843 |
| Lain-lain bahasa<br>Other languages | 67,417 | 58,570 | 125,987 | 12,182 | 14,510 | 26,692 | 20,058 | 17,923 | 37,981 | 12,328 | 11,939 | 24,267 | 111,985 | 102,942 | 214,927 |
| Bisu<br>Dumb | 2,750 | 2,598 | 5,348 | 1,969 | 1,917 | 3,886 | 575 | 458 | 1,033 | 41 | 23 | 64 | 5,335 | 4,996 | 10,331 |
| Jumlah+<br>Total | 2,143,324 | 2,240,372 | 4,383,696 | 1,350,783 | 1,381,159 | 2,731,942 | 415,921 | 394,784 | 810,705 | 25,524 | 25,221 | 50,745 | 3,935,552 | 4,041,536 | 7,977,088 |

* Untuk definisi, lihat "Nota dan senarai istilah".
For definitions, see "Notes and glossary".

\+ Angka-angka adalah kiraan berulang dan tidak menjadikan jumlah
Figures are multiple counts and do not add up to totals.

Jadual 5.5

**Penduduk Berumur 10 Tahun Dan Lebih Mengikut Taraf Kenal Huruf (Bahasa Tunggal), Keturunan, Jantina Dan Strata, Semenanjung Malaysia, 1980**

| Kenal huruf mengikut bahasa<br>Literacy by language | Melayu<br>Malays | | | Cina<br>Chinese | | | India<br>Indians | | | Lain-lain<br>Others | | | Jumlah<br>Total | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Lelaki<br>Males | Perempuan<br>Females | Jumlah<br>Total | Lelaki<br>Males | Perempuan<br>Females | Jumlah<br>Total | Lelaki<br>Males | Perempuan<br>Females | Jumlah<br>Total | Lelaki<br>Males | Perempuan<br>Females | Jumlah<br>Total | Lelaki<br>Males | Perempuan<br>Females | Jumlah<br>Total |
| | | | | | | | | Jumlah<br>Total | | | | | | | |
| Bahasa Malaysia* | 1,806,624 | 1,537,519 | 3,344,143 | 458,536 | 373,400 | 831,936 | 214,910 | 148,351 | 363,261 | 10,864 | 8,729 | 19,593 | 2,490,934 | 2,067,999 | 4,558,933 |
| Inggeris<br>English | 365,172 | 267,539 | 632,711 | 403,673 | 340,542 | 744,215 | 173,154 | 120,323 | 293,477 | 12,654 | 11,527 | 24,181 | 954,653 | 739,931 | 1,694,584 |
| Cina<br>Chinese | 6,139 | 3,861 | 10,000 | 989,045 | 794,336 | 1,783,381 | 2,869 | 1,947 | 4,816 | 1,083 | 1,057 | 2,140 | 999,136 | 801,201 | 1,800,337 |
| Tamil<br>Tamil | 5,577 | 2,436 | 8,013 | 1,185 | 858 | 2,023 | 257,062 | 198,083 | 455,145 | 697 | 584 | 1,281 | 264,521 | 201,941 | 466,462 |
| Iban | 1,367 | 682 | 2,049 | 90 | 53 | 143 | 24 | 24 | 48 | 137 | 66 | 203 | 1,618 | 825 | 2,443 |
| Kadazan/Dusun | 365 | 209 | 574 | 34 | 23 | 57 | 9 | 4 | 13 | 43 | 29 | 72 | 451 | 265 | 716 |
| Bajau | 388 | 190 | 578 | 60 | 41 | 101 | 27 | 24 | 51 | 13 | 7 | 20 | 488 | 262 | 750 |
| Lain-lain bahasa<br>Other languages | 18,836 | 13,269 | 32,105 | 1,393 | 919 | 2,312 | 10,101 | 7,869 | 17,970 | 5,014 | 3,217 | 8,231 | 35,344 | 25,274 | 60,618 |
| Buta huruf<br>Illiterate | 329,065 | 697,453 | 1,026,518 | 240,205 | 480,179 | 720,384 | 74,511 | 135,726 | 210,237 | 6,827 | 9,345 | 16,172 | 650,608 | 1,322,703 | 1,973,311 |
| Jumlah+<br>Total | 2,143,324 | 2,240,372 | 4,383,696 | 1,350,783 | 1,381,159 | 2,731,942 | 415,921 | 394784 | 810,705 | 25,524 | 25,221 | 50,745 | 3,935,552 | 4,041,536 | 7,977,088 |

* Untuk definisi, lihat "Nota dan senarai istilah".
For definitions, see "Notes and glossary".

\+ Angka-angka adalah kiraan berulang dan tidak menjadikan jumlah
Figures are multiple counts and do not add up to totals.




Gambarajah 5.1 : Media Massa sebagai agen perpaduan.

(Sumber : The Sunday Mail, 15. 2. 1987)

Pada hakikatnya, satu proses kemalaysiaan sedang berlaku di negara ini tanpa apa-apa paksaan politik. Individu-individu mengalami proses ini dengan cara tidak langsung. Ia adalah satu proses yang dipupuk oleh pengalaman tinggal bersama-sama di sebuah negara yang sama. Proses ini dikatakan semangat Malaysia, yakni penduduk dari semua kaum mempunyai identifikasi dengan negara Malaysia.

Pengalaman hidup bersama di sebuah masyarakat yang berbilang kaum juga melibatkan penduduk meresap unsur-unsur budaya dari kaum-kaum yang berlainan. Demikian, proses kemalaysiaan juga membawa akulturasi. Misalnya, bahasa Cina mempunyai kata-kata pinjaman dari bahasa Melayu, manakala bahasa Melayu pun sedikit sebanyak ada pengaruh dari bahasa Cina-Hokkien. Dari segi makanan pula, akulturasi juga berlaku. Setengah-setengah kelompok dari kaum Cina dan kaum India, seperti Baba Melayu dan Chitty Peranakan pun telah menerima lebih banyak akulturasi sehingga mereka bercakap bahasa Melayu di antara sesama sendiri.

Secara umumnya, boleh dikatakan bahawa kedua-dua aspek proses kemalaysiaan ini, yakni proses kesedaran (identifikasi) dan proses akulturasi adalah proses yang sebenarnya sentiasa memajukan kesedaran nasional dan budaya nasional.

Dasar integrasi yang wajar untuk negara Malaysia adalah akomodasi di mana kaum-kaum yang berlainan dapat bertolak-ansur dalam pembangunan negara. Misalnya, dalam isu bahasa kebangsaan, Bahasa Malaysia diterima sebagai bahasa

resmi dan bahasa nasional. Di samping itu, tiap-tiap kaum dapat mengekalkan bahasa-bahasa ibunda mereka, dengan perlaksanaan sistem Pupil's Own Language (POL).

## 5.2 Kesimpulan

Mencari perpaduan adalah tanggungjawab setiap warganegara Malaysia. Ia merupakan perjuangan yang susah dan agak lama. Namun begitu kita mesti bersikap optimistik dalam mencapai perpaduan. Dr. Mahathir Mohammed (1970: 5) Perdana Menteri Malaysia, sendiri telah mengakui bahawa:-

> "It may even be possible to work out a system to overcome the defects, due to the type of relationship which had existed and so enable, if not harmony, at least a dimunition in the areas of conflict."

BIBLIOGRAFI

I. Buku-buku


1. Allport, G. 1955 The Nature of Prejudice
Addison - Wesley Publication, Cambridge.

2. Banton, M. 1967 Race Relations
Tavistock Publications, London.

3. Berry, B. 1965 Race and Ethnic Relations
Houghton Mifflin Company, Boston.

4. Cohen. (ed.) 1974 Urban Ethnicity
Tavistock Publications, London.

5. Gordon, M. 1964 Assimulation in American Life: The Role of Race, Religion and National Group.
Oxford University Press, New York.

6. - 1972 International Encyclopaedia of the Social Sciences
Macmillan and the Free Press, New York.

7. Kinloch, G.C 1974 The Dynamics of Race Relations
McGraw Hill Book Company, New York.

8. MacBeath, G.A 1973 Political Integration of the Philipine Chinese
Research Monograph Series, Center for South and SEA Studies.
University of California, Berkeley.

9. Mason. 1970 Race Relations
Oxford University Press, London.

10. Mauzy, D. 1982 Barisan National
Marican and Sons Publication, Kuala Lumpur.

11. Mazid, Z. (ed) 1982 Masyarakat Malaysia - Tinjauan dan Perbincangan Terhadap Beberapa Isu dan Topik Semasa.
Universiti Sain Malaysia.

12. Montagu 1964 The Concept of Race
The Free Press of Glencoe, London.

13. Nagata. 1979 Malaysian Mosaic: Perspective from a Poly-ethnic Society.
University of British Colombia Press, Vancouver.

14. Park, R.E. Race and Culture
1964 The Free Press of Glencoe, London.

15. Park S Burgess Introduction to the Science of Society.
1921 University of Chicargo Press, Chicargo.

16. Rabuskha, A. Race and Politics in Urban Malaya.
1973 Hoover Institute Press, California.

17. - Rancangan Malaysia Kelima
Kuala Lumpur.

18. Shari, I & Jomo, KS. Apakah DEB dapat mencapai Perpaduan Kebangsaan.
1986 Terbitan INSAN, Kuala Lumpur.

19. Simpson & Yinger Racial and Cultural Minorities: An Analysis of Prejudice and Discrimination.
1953 Harper and Row Publications.

20. Smith, M.G. The Plural Society in the British West Indies
1965 University of California Press, Berkeley.

21. Tahir, A. Orang Melayu dengan Cabaran Masa Kini
1984 Pustaka Ilmu Raya Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

22. Van Den Berghe, P. Race and Racism: A Comparative Perspective
1967 University of Washington, New York.

23. Wan Hashim, W.T. Race Relations in Malaysia.
1983 Heineman Educational Books (Asia) Ltd.

24. Wu, David Y.H. (ed.) Ethnicity and Interpersonal Interaction: A Cross Cultural Study.
1982 Maruezen Asia.

25. Zubaida, S. (ed.) Race and Racialism
1970 Tavistock Publication Ltd., London.

II Jurnal

1. Annual Review of Anthropology Volume 7, 1978.

2. Ethnic and Racial Studies Volume 4, July 1981.

3. Ethnic and Racial Studies Volume 5, 1982.

4. Sociologus November 27, 1977

5. Sociology and Social Research Volume 57, 1966-67.

6. Sociology and Social Research Volume 62, 1977-78.

7. Sociology and Social Research Volume 63, 1978-79.

III <u>Suratkhabar</u>

1. New Straits Times 5hb. - 14hb. Ogos, 1986.

2. STAR 29.1.86

3. The Sunday Mail 15.2.87

4. Utusan Malaysia 15.7.85
18.7.85

<u>Majalah</u>

1. ALIRAN Ogos/September 1986.
September/Oktober 1986.

IV <u>Thesis</u>

1. Fatimah Daud 1983 — Socio-economic Problems of Women Workers: A Case Study of Electronic Workers in a Multi-national Japanese Firm. (Ph.D thesis) Department of Anthropology and Sociology, University Malaya.

2. Raymond Lee 1975 — A Study of Interaction and Integration Among Some Malay and Chinese Students: A Critique and Replication of Rabuskha's Study of Integration in Malaysia. (Kuala Lumpur)

3. Yong, Pow - Ang 1976/77 — Race Relation in Malaysia: A Study of Continuity and Change. B.A. (Hons.) Nanyang University.

Saudara/i,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana sudi bekerjasama dalam mengisi soal-selidik berikut. Seperti yang dapat dilihat, nama anda tidak diperlukan, maka diharapkan anda menjawab soalan-soalan tersebut dengan seikhlas hati.

Sila tandakan ( ✓ ) dijawapan-jawapan anda.

Contoh: Ibu negara Malaysia ialah ______________

- [ ] Ipoh
- [x] Kuala Lumpur
- [ ] Seremban

Sekian, diucapkan terima kasih sekali lagi atas kerjasama anda.

A. **Data Peribadi**

1. Kaum
   - [ ] Melayu
   - [ ] Cina

2. Agama
   - [ ] Islam
   - [ ] Buddha/Toasm
   - [ ] Kristian
   - [ ] Lain-lain

3. Umur
   - [ ] Di bawah 20 tahun
   - [ ] 21 - 30 tahun
   - [ ] 31 - 40 tahun
   - [ ] Melebihi 40 tahun

4. Tempat asal
   - [ ] Bandar
   - [ ] Pekan
   - [ ] Kampung

5. Kaum ibubapa

| | Ibu | Bapa |
|---|---|---|
| Melayu | | |
| Cina | | |

6. Pekerjaan
   - [ ] Penyeliaan
   - [ ] Pengeluaran
   - [ ] Penjualan

7. Pendapatan bulanan

- [ ] Kurang dari $200
- [ ] $201 - $300
- [ ] $301 - $400
- [ ] $401 - $500
- [ ] Lebih dari $500

8. Taraf kelulusan pelajaran

- [ ] Sehingga darjah 6
- [ ] Sehingga SRP
- [ ] Sehingga SPM/SPVM
- [ ] Sehingga STPM

9. Aliran pelajaran diterima

- [ ] Aliran Melayu
- [ ] Aliran Cina

10. Bahasa digunakan semasa di rumah:

| | Bahasa Utama | Bahasa Lain |
|---|---|---|
| Bahasa Inggeris | | |
| Bahasa Malaysia | | |
| Bahasa Cina | | |

11. Bagaimana anda mempelajari bahasa-bahasa tersebut?

| | Bahasa Utama | Bahasa Lain |
|---|---|---|
| Melalui ibubapa | | |
| Melalui sekolah | | |
| Melalui kawan-kawan | | |

12. Bahasa digunakan semasa di tempat bekerja dan luar tempat bekerja:

| | Bahasa Utama | Bahasa Lain |
|---|---|---|
| Bahasa Inggeris | | |
| Bahasa Malaysia | | |
| Bahasa Cina | | |

13. Bagaimana anda mempelajari bahasa-bahasa tersebut?

| | Bahasa Utama | Bahasa Lain |
|---|---|---|
| Melalui ibubapa | | |
| Melalui sekolah | | |
| Melalui kawan-kawan | | |

14. Selain daripada ahli keluarga, siapakah anda selalu bergaul?

- [ ] Kaum Melayu sahaja
- [ ] Kaum Cina sahaja
- [ ] Kaum India sahaja
- [ ] Semua kaum

15. Adakah anda menjadi ahli bagi mana-mana persatuan/organisasi seperti kelab-kelab rekreasi, persatuan keagamaan, koperasi dan lain-lain?

- [ ] Ya
- [ ] Tidak

16. Jika ya, sila namakan persatuan/organisasi dan keahlian.

| Nama persatuan/organisasi | Ahli biasa | Ahli jawatankuasa |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |

17. Berapa lamakah jiran anda terdiri dari kaum-kaum berikut:

| | Tidak pernah | Kurang 1 tahun | 1-5 tahun | Lebih 5 tahun |
|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | |
| Kaum Cina | | | | |
| Lain-lain | | | | |

B. <u>Sila jawab soalan-soalan berikut berasaskan pengalaman lalu anda</u>

18. Berapa kerapkah anda melawat rumah kawan-kawan pada masa perayaan?

| | Tidak pernah | Jarang | Kadang-kala | Selalu |
|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | |
| Kaum Cina | | | | |

19. Berapa kerapkah anda melawat rumah kawan-kawan pada masa bukan perayaan?

| | Tidak pernah | Jarang (sekali 3 bulan) | Kadang-kala (sekali sebulan) | Selalu (sekali seminggu) |
|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | |
| Kaum Cina | | | | |

20. Berapa kerapkah anda menjemput kawan-kawan ke rumah anda pada masa perayaan?

| | Tidak pernah | Jarang | Kadang-kala | Selalu |
|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | |
| Kaum Cina | | | | |

21. Berapa kerapkah anda menjemput kawan-kawan ke rumah anda pada masa bukan perayaan?

| | Tidak pernah | Jarang (sekali 3 bulan) | Kadang-kala (sekali sebulan) | Selalu (sekali seminggu) |
|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | |
| Kaum Cina | | | | |

22. Berapa kerapkah anda keluar bersama-sama kawan-kawan ke jamuan/parti, menonton wayang, membeli-belah, main 'games', atau lain-lain aktiviti?

| | Tidak pernah | Jarang (sekali 3 bulan) | Kadang-kala (sekali sebulan) | Selalu (sekali seminggu) |
|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | |
| Kaum Cina | | | | |

C. **Sila nyatakan sejauh mana anda setuju melakukan perkara dinyatakan bersama-sama dengan kaum tertentu:**

23. Perkahwinan campur?

| | Sangat Setuju | Setuju | Tidak Mengapa | Tidak Setuju | Tidak setuju samasekali |
|---|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | | |
| Kaum Cina | | | | | |

24. Jika tidak setuju, sila beri alasan: ______________________

25. Makan bersama kaum lain dalam restoran yang sama?

| | Sangat setuju | Setuju | Tidak mengapa | Tidak setuju | Tidak setuju samasekali |
|---|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | | |
| Kaum Cina | | | | | |

26. Jika tidak setuju, sila beri alasan: ______________________

27. Bekerja bersama kaum Lain?

| | Sangat setuju | Setuju | Tidak mengapa | Tidak setuju | Tidak setuju samasekali |
|---|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | | |
| Kaum Cina | | | | | |

28. Jika tidak setuju, sila beri alasan: ______________________

29. Berjiran dengan kaum lain?

| | Sangat setuju | Setuju | Tidak mengapa | Tidak setuju | Tidak setuju samasekali |
|---|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | | |
| Kaum Cina | | | | | |

30. Jika tidak setuju, sila beri alasan: ______________________

31. Sebagai kawan karib?

| | Sangat setuju | Setuju | Tidak mengapa | Tidak setuju | Tidak setuju samasekali |
|---|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | | |
| Kaum Cina | | | | | |

32. Jika tidak setuju, sila beri alasan: ______________________

33. Kawan setakat bercakap-cakap sahaja?

| | Sangat setuju | Setuju | Tidak mengapa | Tidak setuju | Tidak setuju samasekali |
|---|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | | |
| Kaum Cina | | | | | |

34. Jika tidak setuju, sila beri alasan: ______________________

35. Menjadi ahli dalam persatuan/organisasi bersama kaum lain?

| | Sangat setuju | Setuju | Tidak mengapa | Tidak setuju | Tidak setuju samasekali |
|---|---|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | | | |
| Kaum Cina | | | | | |

36. Jika tidak setuju, sila beri alasan: ______________________

37. Sejauh manakah anda mempercayai kaum lain?

| | Sangat percaya | Percaya | Tidak percaya |
|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | |
| Kaum Cina | | | |

38. Mengapa? ______________________

39. Sejauh manakah anda menghormati kaum lain?

| | Sangat hormat | Hormat | Tidak hormat |
|---|---|---|---|
| Kaum Melayu | | | |
| Kaum Cina | | | |

40. Mengapa? ______________________

D. <u>Sila jawab soalan-soalan berikut tanpa was-was kerana identiti anda akan dirahsiakan.</u>

41. Adakah anda setuju bahawa orang Melayu dianggap sebagai malas dan tidak suka bekerja keras?

- [ ] Ya
- [ ] Tidak

42. Adakah anda setuju bahawa orang Cina dianggap pandai menipu orang lain?

- [ ] Ya
- [ ] Tidak

43. Pada pendapat anda, kaum yang manakah dianggap kuat berusaha?

- [ ] Kaum Melayu
- [ ] Kaum Cina

44. Mengapa? ______________________________

45. Pada pendapat anda, kebanyakan orang Melayu/Cina adalah ________ (sila pilih satu kaum selain dari kaum sendiri)

- [ ] Peramah dan baik hati
- [ ] Bertimbang-rasa dan boleh dipercayai
- [ ] Sombong dan pentingkan diri sendiri
- [ ] Busuk hati dan tidak boleh dipercayai

46. Pada pendapat anda, bagaimanakah masalah perkauman di Malaysia pada masa kini?

- [ ] Tidak wujud
- [ ] Sedang diperbaiki
- [ ] Tiada kemajuan
- [ ] Akan bertambah buruk

47. Jika wujud, dari aspek mana?

- [ ] Politik
- [ ] Sosial
- [ ] Ekonomi
- [ ] Pelajaran
- [ ] Semua

48. Sila nyatakan contoh-contoh yang anda ketahui:

______________________________________________

______________________________________________

49. Adakah anda layak mengundi?

- [ ] Ya
- [ ] Tidak

50. Jika ya, adakah anda mengundi dalam pilihanraya yang lalu?

- [ ] Ya
- [ ] Tidak

51. Adakah anda menjadi ahli dalam mana-mana parti politik?

☐ Ya

☐ Tidak

52. Jika ya, sila nyatakan parti: ____________________

53. Kenapa anda memilih parti tersebut?

_____________________________________________

_____________________________________________

54. Pada pendapat anda parti yang mana layak memerintah Malaysia?

_____________________________________________

55. Kenapa?

_____________________________________________

_____________________________________________

56. Apakah perasaan anda sebagai warganegara Malaysia?

☐ Amat bangga

☐ Tidak merasa apa-apa

☐ Merasa tidak puashati dan tertindas

57. Apakah pendapat anda jika seorang bukan Melayu menjadi Perdana Menteri di Malaysia?

☐ Tidak setuju samasekali

☐ Tidak setuju

☐ Setuju

☐ Sangat setuju

58. Siapakah yang banyak sekali mendapat keuntungan dari 'Dasar Ekonomi Baru'?

- [ ] Kaum Melayu
- [ ] Kaum Cina
- [ ] Lain-lain (sila nyatakan): ____________________
- [ ] Tidak tahu

59. Adakah anda setuju dengan tindakan kerajaan berhubung dengan DEB ini?

- [ ] Tidak setuju samasekali
- [ ] Tidak setuju
- [ ] Setuju
- [ ] Sangat setuju

60. Kenapa? ____________________________________________

61. Pada pendapat anda, patutkah DEB dilanjutkan selepas tahun 1990?

- [ ] Patut
- [ ] Tidak patut
- [ ] Kurang pasti

62. Kenapa? ____________________________________________

____________________________________________

Sekian, terima kasih atas kerjasama anda.